

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 6	Rabu	22 Mac 2006
---------------	-------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 20)

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang Di-Pertuan Agong
- *Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)* (Halaman 21)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Rabu, 22 Mac 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan bilakah satelit kita mampu untuk mengambil imej permukaan bumi negara dan negara jiran dalam usaha mengawal pembakaran terbuka dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abd. Ghani]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini MOSTI melalui pusat *remote sensing* negara ataupun MACRES melaksanakan program mengesan pembakaran terbuka yang berlaku di negara jiran dan dalam negara ini secara berterusan menggunakan imej satelit, MOA dan MODIS dari Amerika Syarikat dan juga SPOT daripada Perancis yang diterima melalui stesen bumi MACRES di Temerloh, Pahang.

Kebolehan negara dalam pengesanan dan pembakaran terbuka akan dipertingkatkan lagi melalui satelit negara RazakSAT yang dijadualkan dan dilancarkan pada awal tahun 2007. Maklumat mengenai kejadian kebakaran dan maklumat melalui logistik lain seperti lokasi yang termasuk sumber air yang diperolehi daripada imej satelit ini diedarkan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab seperti Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Metrologi Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar bagi melaksanakan tindakan-tindakan kawalan dan bantuan. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum pembakaran terbuka, pembalakan haram, pembuangan sisa toksik dan pencemaran alam adalah sekarang bukan lagi satu fenomena, tetapi ia merupakan satu *disaster*, dengan izin di mana ia perlu dipantau oleh kerajaan. Soalan saya ialah adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menggunakan kemudahan satelit yang sedia ada atau melancarkan satelit baru termasuklah berkongsi satelit dengan pihak Maxis, Astro dan sebagainya dalam usaha untuk memantau sesuatu perkara yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abd. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kita ada beberapa jenis satelit. Jadi untuk pemantauan berkaitan dengan kebakaran dan

sebagainya adalah kita menggunakan satelit *remote sensing* dan kita juga ada satelit *broadcast* seperti MEASAT. Yang ini hanyalah bertujuan hanya untuk *broadcast*, media seperti menerima maklumat ataupun siaran televisyen dan sebagainya. Jadi kita seperti yang kami maklumkan tadi, kita akan melancarkan RazakSAT, yang mana RazakSAT ini adalah kepunyaan kita sendiri yang dibangunkan oleh kepakaran tempatan, yang mana inilah merupakan satelit yang dapat memantau segala kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kebakaran, tanah runtuh dan sebagainya di sekitar Malaysia dan juga negara-negara jiran. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini menyentuh pembakaran terbuka, soalan tambahan saya apakah persetujuan telah tercapai hingga kini dengan Kerajaan Indonesia untuk mencegah dan mengawal pembakaran terbuka?

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abd. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat, kita sentiasa mengadakan kerjasama dengan negara jiran. Setakat ini perhubungan kita dengan negara jiran terutamanya dengan Indonesia tidak ada apa masalah. Jadi sebarang bencana alam dan sebagainya kita akan dapat *share* data sama ada mulai kepakaran Malaysia ataupun kita juga *share* data melalui kepakaran daripada Indonesia. Terima kasih.

2. **Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauh mana Dasar Penglibatan Wanita sebanyak 30% di dalam urusan membuat keputusan dalam kerajaan telah tercapai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, dasar penyertaan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 hari bulan Ogos 2004, peringkat pembuat keputusan sektor awam adalah pegawai yang menjawat jawatan utama sektor awam atau JUSA di bawah dasar ini. Pegawai-pegawai wanita yang berkeelayakan dan berkebolehan di pertimbangkan untuk dilantik ke jawatan JUSA.

Setakat ini peratusan wanita di peringkat pembuatan keputusan dalam sektor awam masih belum mencapai sasaran 30 peratus. Namun begitu terdapat peningkatan bilangan wanita yang memegang jawatan JUSA daripada 14.9 peratus, iaitu peratusan daripada jumlah keseluruhan JUSA pada tahun 2000 kepada 18.8 peratus pada tahun 2005. Dari segi bilangan jumlah wanita yang dilantik ke peringkat JUSA telah meningkat hampir 4 kali ganda daripada 82 orang pada tahun 2000 kepada 314 pada tahun 2005. Ini adalah satu peningkatan yang menggalakkan. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan. Sebenarnya perwakilan wanita dalam badan *legislative* merupakan satu *indicator* komitmen masyarakat

kepada keupayaan wanita. Jadi penyertaan yang kuat dari wanita dalam proses *political decision making* boleh meningkatkan pengupayaan kepada wanita dan menggalakkan kesamarataan gender.

Soalan tambahan saya ialah, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan kedudukan kita Malaysia ini kalau berbanding dengan negara-negara di dunia, dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kementerian dalam melaksanakan polisi ini? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Serai, kalau berdasarkan dengan *human development report* tahun 2005 yang diterbitkan oleh United Nation Development Programme iaitu UNDP, Malaysia berada pada kedudukan ke-51 daripada 80 buah negara yang dinilai *gender empowerment measure* iaitu GEM. Adalah ukuran pengupayaan gender dalam sesebuah negara berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i) peratusan perwakilan wanita dalam Parlimen;
- ii) peratusan wanita yang bekerja di peringkat perundangan, pegawai kanan dan pengurusan;
- iii) peratusan wanita dalam pekerjaan profesional dan teknikal; dan
- iv) nisbah wanita terhadap lelaki yang beroleh pendapatan sendiri.

5 negara teratas yang mendapat ranking tertinggi GEM ialah Norway, Denmark, Sweden, Iceland dan Finland. Di kalangan negara Asia, Malaysia berada di tempat keempat iaitu di belakang Singapura, Japan dan Filipina. Setakat ini kerajaan tidak menghadapi apa-apa masalah untuk melantik wanita yang berkelayakan untuk menjawat jawatan JUSA. Peratusan wanita tidak mencapai 30 peratus bukan disebabkan oleh masalah dasar atau kekurangan langkah atau usaha kerajaan untuk mencapai 30 peratus, tetapi ini disebabkan pengambilan wanita pada masa-masa dahulu adalah kurang daripada 30 peratus. Sekiranya pengambilan wanita tidak sampai ke 30 peratus maka kita tidak dapat mencapai 30 peratus. Bagi satu contoh pengambilan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun-tahun 1980-an dan sebelumnya adalah sekitar 10 peratus dan kurang. Dengan sebab itu bilangan wanita yang layak juga kurang untuk dipertimbangkan ke jawatan JUSA. Sekian terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya 30 peratus pembuat dasar wanita ini adalah salah satu langkah yang ditetapkan di Conference Wanita Sedunia Keempat di Beijing, dan negara-negara yang telah setuju ialah untuk mencapai sasaran 30 peratus ini pada tahun 2005. Sekarang sudah 2006 dan kerajaan telah mengatakan bahawa tidak ada masalah untuk melaksanakan dasar ini tetapi saya rasa ada sektor-sektor yang sepatutnya sudah mencapai sasaran ini, umpamanya di Dewan Negara yang di mana senator dilantik dan juga majlis perbandaran di mana ahlinya dilantik, di bidang-bidang seperti ini

mengapa kerajaan tidak terlebih dahulu melantikkan 30 peratus untuk menunjukkan bahawa kerajaan adalah amat serius dan mempunyai kegigihan untuk mencapai sasaran ini.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Walaupun pada keseluruhannya kita tidak dapat mencapai 30% tetapi kalau ikut Ahli Dewan Negara yang setakat ini, kita telah mencapai 32.3% dan saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, kenaikan pangkat para penjawat awam akan dipertimbang mengikut kelayakan dan juga kriteria-kriteria yang ditetapkan tanpa mengira gender.

Tadi saya sudah beritahu kepada semua, bukan kita menghadapi masalah apa. Masalahnya ialah kalau kita memandang balik, pada tahun 1980-an, kita punya pengambilan jawatan wanita ini adalah kurang dari 10%. Oleh itu pengambilan jawatan ini adalah kurang daripada 10%, maka kita tidak dapatlah mencapai 30% ini. Tetapi saya yakin dengan langkah-langkah yang telah diambil dan sedang diambil oleh kerajaan, tidak lama lagi kita akan menuju ke apa yang kita hendak capai itu, okey. Terima kasih.

3. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah strategi kerajaan untuk memastikan pembangunan sistem aliran kebangsaan akan diterima pakai semua rakyat dan menjadi satu-satunya aliran yang akan diikuti oleh semua pelajar seperti di Singapura yang biarpun mempunyai kaum China tetap memilih menggunakan sistem persekolahan kebangsaan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, strategi penting bagi meningkatkan kepercayaan ibu bapa dan menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama untuk anak-anak mereka bersekolah ialah dengan memperkasakan sekolah kebangsaan. Pendekatan yang diambil untuk memperkasakan sekolah kebangsaan ialah:

- (i) melaksanakan pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan;
- (ii) membina budaya kecemerlangan sekolah kebangsaan dengan mengadakan *benchmark* terhadap sekolah cemerlang;
- (iii) meningkatkan kualiti kemudahan fizikal pendidikan di sekolah kebangsaan;
- (iv) meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah;
- (v) mendapatkan sokongan dan kerjasama masyarakat dan juga PIBG bagi membantu sekolah mencapai kecemerlangan dengan menerbitkan bahan-bahan bantu mengajar yang berkualiti bagi digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran;
- (vi) mengukuhkan pengurusan sekolah kebangsaan dan

- (vii) melaksanakan program rintis 'J-QAF di sekolah kebangsaan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid berkaitan mata pelajaran Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan fardu-ain.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, kementerian tidak akan menutup Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan ia adalah menepati dengan pendirian kerajaan pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya berkenaan dengan apa yang dinyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian tadi berkemungkinan saya yakin boleh menarik ramai daripada penonton ataupun pelajar-pelajar luar daripada kaum Melayu menyertai sekolah kebangsaan. Tetapi saya yakin bahawa apa yang dilakukan pada hari ini tidak seperti yang dinyatakan, langkah-langkah yang diambil. Contohnya, perkara-perkara yang telah berlaku. Saya mengambil contoh, berlaku pada anak saya sendiri yang juga bersekolah di Sekolah Kebangsaan Methodist di Kuantan, yang mana seorang sahaja dalam kelas itu tidak pakai tudung.

Ini telah didiskriminasikan oleh guru dan mereka ini tidak boleh berkawan dengan bangsa lain contohnya Cina dan India. Begitu juga anak saya telah dikeluarkan dari kelas yang baik kerana tidak memakai tudung. Ini satu contoh. Perkara-perkara ini telah membawa kepada minat, minat pelajar-pelajar yang luar daripada bangsa Melayu, tidak keluarga yang lain, tidak akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan ini. Saya nampak banyak perkara ini berlaku di seluruh negara dan ini menyebabkan perkara-perkara ini, menyebabkan ibu bapa kaum lain tidak berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan. Apakah langkah-langkah drastik, saya yakin bahawa Timbalan Menteri yang juga menjadi *chief* guru besar di negara kita ini, dapat melakukan perkara ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan contoh-contoh yang mengenai anak Yang Berhormat. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa isu mengenai memperkasakan sekolah kebangsaan ini ialah apabila Tun Dr. Mahathir pada masa itu Perdana Menteri, membuat kenyataan di *New Straits Times* pada 14 Februari 2003, yang mana dalam kenyataan beliau bahawa sekolah kebangsaan seolah-olah tidak menjadi pilihan lagi kepada pelajar-pelajar kerana dua sebablah;

- (i) bagi masyarakat Cina, bagi masyarakat bukan Melayu mereka tidak berminat untuk menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan;
- (ii) bagi orang Melayu pula, mereka tidak berminat hantar anak-anak ke sekolah kebangsaan, kononnya sekolah kebangsaan tidak menyediakan pendidikan Islam yang mencukupi.

Oleh itu untuk mengimbangkan masalah dua perkara ini, seperti yang saya nyatakan tadi, kita akan memperkenalkan sekolah bahasa Cina dan bahasa Tamil mulai pada tahun 2007,

kita akan mulakan. Yang sekarang ini 2003, kita hanya memperkenalkan bahasa Cina komunikasi dan juga bahasa Tamil komunikasi. Dalam masa yang sama, untuk menarik minat orang Islam, kita memperkenalkan pula J-QAF yang saya nyatakan tadi, pelajar-pelajar akan berpeluang mempelajari bahasa Arab, fardu-ain dan juga Al-Quran.

Mengenai masalah Yang Berhormat bangkit mengenai tudung, saya ingin tegaskan di sin bahawa tudung bukanlah merupakan satu pakaian ataupun uniform yang wajib. Kita menggalakkan pelajar-pelajar Islam memakai tudung tetapi tidak ada sesiapa pun yang boleh memaksa seorang pelajar itu memakai tudung. Jadi kalau benarlah apa Yang Berhormat katakan, kita akan siasat perkara ini dan kita juga akan mendapatkan maklumat daripada sekolah Yang Berhormat nyatakan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai usaha empat tahun ini untuk memperkasakan sistem kebangsaan. Bukankah ini nampaknya sudah gagal oleh kerana bukan semua anggota-anggota pentadbiran, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen hantar anak-anak mereka kepada sistem sekolah kebangsaan. Sama ada mereka hantar kepada sekolah-sekolah yang lain atau *international school* atau luar negeri.

Bukankah satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah untuk menganggap semua sekolah-sekolah yang ada, sama ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), sebagai *mainstream education*, ialah aliran kebangsaan. Ini bagi mengatasi ini dan supaya menyesuaikan keadaan yang perlu supaya semua mempunyai satu sikap kebangsaan, khasnya dengan penambahan pelajar-pelajar sama ada orang Melayu atau India di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, kalau hendak katakan bahawa ada pemimpin-pemimpin menghantar anak ke sekolah persendirian dan hendak menyatakan pemimpin tidak yakin dengan sekolah kebangsaan, itu adalah satu teguran yang tidak tepat. Ini kerana dalam negara kita mengamalkan pendemokrasian pendidikan. Sekolah persendirian pun banyak. Kita telah wujudkan di dalam negara kita dan kita memberi pilihan.

Walau bagaimanapun, sama ada menghantar sekolah persendirian ataupun sekolah swasta, beberapa dasar telah kita tetapkan dan kita pantau iaitu kita tidak boleh lari daripada falsafah Pendidikan Negara. Suka juga Yang Berhormat, saya tidak tahulah kalau daripada barisan DAP, saya tidak boleh *check* lagi, sama ada semua menghantar sekolah kebangsaan ataupun tidak. Sekolah kebangsaan kita akan teruskan dasar ini untuk kita menggalakkan semua rakyat agar menghantar anak ke sekolah kebangsaan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, anak saya sendiri saya hantar sekolah kebangsaan Yang Berhormat. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai hub produk halal sedunia dan apakah langkah-langkah yang dilakukan untuk menyampaikan informasi kepada pengguna mengenai produk halal dan sejauh mana perkara ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hub produk halal sedunia. Antaranya ialah seperti,

- (i) penubuhan jawatankuasa teknikal. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Oktober 2002 telah melantik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengetuai usaha menjadikan Malaysia hub pengeluaran produk halal dan sebuah jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan oleh MITI yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (ii) pembangunan standard halal yang komprehensif. Kerajaan telah menyemak piawaian dan standard halal yang digunakan supaya ia lebih komprehensif, mencakupi aspek kebersihan dan keselamatan makanan. Standard ini dikenali dengan Standard Halal Malaysia (MS 1500:2004) makanan halal, pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan yang mana garis panduan umum semakan pertama telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 Ogos 2004. Bagi melengkapkan standard halal, kerajaan sedang menggubal standard halal untuk produk bukan makanan dengan permulaan akan ditumpukan kepada standard halal untuk produk kosmetik dan dandanan diri. Kerajaan juga telah bersetuju menjadikan standard halal Malaysia sebagai penanda aras standard antarabangsa bagi barangan halal. Pada peringkat permulaan, usaha dilakukan melalui forum Persidangan Negara-Negara OIC;
- (iii) membangunkan JAKIM sebagai badan persijilan dan rujukan yang berwibawa di peringkat global;
- (iv) pemantapan persijilan halal Malaysia;
- (v) penjenamaan dan promosi. Selain itu, kerajaan juga turut menyertai pameran-pameran yang dianjurkan di luar negara seperti di Thailand dan juga di Paris dan
- (vi) mengadakan insentif bagi menggalakkan penyertaan syarikat swasta dalam industri produk halal yang mana kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif iaitu elaun cukai pelaburan yang lebih menarik dan

potongan dua kali ke atas perbelanjaan mendapatkan persijilan dan akreditasi dan yang terakhir

(vii) pembangunan halal hub oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang dilakukan untuk menyampaikan informasi kepada pengguna mengenai produk halal ialah melalui penerbitan, pameran, media elektronik dan juga melalui Internet. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan yang kita dengar tadi, jadi saya sedar bahawa beberapa langkah telah diambil ke arah menjadikan Malaysia sebagai halal hub. Cuma, saya melihat halal hub ini dalam tiga perspektif. Yang pertama dalam perspektif dalaman. Jadi jelas dan nyata bahawa dari sijil persijilan, pemantauan dan penguatkuasaan dalam negeri kita, tidak akan timbul masalah berkaitan dengan isu-isu persijilan.

Jadi, baru-baru ini kita melihat bahawa ada arahan baru dikeluarkan, bahawa kita hendak menggunakan JAKIM sebagai satu sijil sahaja. Walhal sekarang ini yang berlaku di negeri kita atau negara kita masih ada timbul masalah persijilan ini. Banyak adanya sijil JAKIM, adanya sijil daripada Majlis Agama Negeri-negeri dan juga ada logo halal yang bukan daripada sijil JAKIM.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, persoalannya Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi ini menimbulkan kekeliruan. Yang keduanya daripada pengguna, majlis pengguna....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukannya soalnya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya. Soalnya, saya akan pergi kepada soalan. Saya tengah mengemukakan isu yang berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kena disimpulkan dalam soalan. Yang Berhormat, semua kemusykilan itu disimpulkan dalam soalan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya. Jadi kalau kita mendengar daripada persatuan pengguna Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak risalah-risalah dikeluarkan, bermakna produk-produk dikatakan tidak halal dan menimbulkan kekeliruan. Jadi saya hendak mengetahui daripada Setiausaha Parlimen setakat mana sekarang ini kemampuan JAKIM, pertama dalam mengeluarkan sijil?

Berapa banyak sijil halal telah dikeluarkan dan yang kedua dari segi pemantauan. Berapa banyak yang telah sedia dikeluarkan dan apakah tindakan-tindakan dan pemantauan ini berkesan dari segi apa....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila jawab.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Dan ketiganya penguatkuasaan. Setakat mana penguatkuasaan kita telah berkesan? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Sebenarnya kalau kita tengok logo yang ada di pasaran, ianya sama ada di dikeluarkan oleh

JAKIM ataupun JAIN atau Jabatan Agama Islam Negeri. Bahkan logo ini boleh dikeluarkan oleh keluaran pihak swasta ataupun logo halal yang dibuat sendiri oleh mana-mana pihak industri atau pengusaha makanan yang tertakluk di bawah pengertian perbahasaan halal.

Maknanya kalau satu syarikat itu tulis misalnya ha lam alif lam misalnya atau Bismillah ke, itu termasuk di bawah perbahasaan halal yang dibolehkan dikatakan halal. Tetapi sebaik sahaja dia meletakkan logo tersebut maka dia bertanggungjawab untuk memastikan bahawa produk itu adalah halal. Andai kata sebarang semakan ataupun *check* dibuat kalau tidak menepati maka dia wajar untuk di dakwa.

Bagaimanapun pada 7 Mac yang lalu, satu mesyuarat di antara Menteri Besar dan Ketua Menteri telah diadakan supaya hanya logo daripada pihak JAKIM sahaja yang diiktiraf. Jadi, usaha ke arah ini sudah pun ada di mana, Insya-Allah, selepas ini boleh berbincang dengan pihak JAIN supaya hanya pihak JAKIM sahaja yang akan mengeluarkan logo tersebut. Begitu juga Peguam Negara dan KPDN bersama-sama telah meneliti supaya perbahasaan halal maknanya kalau satu syarikat itu hendak tulis halal tidak akan dapat digunakan lagi. Ini dalam penelitian.

Berbalik kepada bagaimana hendak dipastikan sama ada barangan itu halal ataupun tidak kerana adanya majlis-majlis pengguna mengeluarkan kenyataan mengatakan ada produk-produk tidak halal. Sekarang ini, JAKIM memperkenalkan satu sistem iaitu melalui SMS. Mana-mana orang persendirian yang ingin mendapatkan maklumat terdekat kita boleh sahaja menaip perkataan halal menghantar *bar code* tersebut kepada nombor 32728 dan Insya-Allah, dalam masa yang terdekat akan diberi maklumat secepat mungkin sama ada produk itu halal atau pun tidak.

Jadi, mana-mana orang pun boleh mendakwa banyak produk halal ataupun tidak Yang Berhormat. Tentang penguatkuasaan, sejauh manakah ianya berkuat kuasa? Setakat ini memang kalau di rumah sembelih misalnya diadakan pemantauan setiap bulan, ini adalah arahan. Tetapi bagi industri kita melakukan pemantauan sekadar setahun sekali. Jadi, saya kira dengan pemantauan ini dikatakan cekaplah Insya-Allah. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan tambahan, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada sahabat-sahabat saya daripada Pemuda PAS Negeri Melaka, *[Disampuk]* adik-adik pelajar sekolah dan yang lain-lain dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, satu penemuan baru yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengguna Muslim hari ini, adalah 90% produk halal dalam negara kita ini yang diusahakan oleh orang yang bukan Islam. Dalam perbahasan Dewan lebih kurang setahun yang lalu bila isu tentang sosaj babi ini, pihak JPM telah pun mengatakan hanya enam orang sahaja pegawai penguat kuasa. Jadi, saya ingin bertanya, soalan tambahan saya, adakah jumlah itu telah meningkat dan adakah hasrat kita untuk mencapai kepada halal hub dunia ini akan mencapai matlamatnya sekiranya

infrastruktur yang ada dalam negara kita ini tidak mencukupi? Jadi ini soalan tambahan saya. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebenarnya bercakap tentang pegawai kita telah pun menambah pegawai dan sekarang ini telah ada 165 orang pegawai, tidak termasuk dengan kader-kader daripada Kementerian Kesihatan dan juga *lab* yang disediakan oleh Jabatan Kimia dan MARDI.

Jadi, kalau sekiranya yang membuat makanan itu daripada yang bukan Islam, kita telah mensyaratkan bahawa mana-mana yang hendak menggunakan logo halal mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pegawai Muslim di bahagian pengeluaran dan juga makanan bagi memastikan produk itu adalah halal. Sekiranya syarikat itu syarikat yang kecil.

Tetapi kalau sekiranya dia syarikat multinasional atau pun industri yang sederhana mewajibkan, JAKIM mewajibkan adanya jawatankuasa. Jawatankuasa ini akan mengadakan audit dalaman dan wajib ada keahlian daripada orang Muslim dari segi pembelian dan juga RD. Jadi, saya rasa dengan adanya inisiatif seperti ini memastikan bahawa hasrat kita untuk menjadi halal hub dunia ini akan tercapai. Terima kasih.

5. Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimana kementerian bercadang mengatasi isu projek perumahan kos rendah yang lewat di mana ia menjejaskan penduduk-penduduk golongan miskin.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan senantiasa berusaha untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian dalam sektor perumahan. Ianya termasuklah perumahan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta terutamanya yang melibatkan projek perumahan kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah. KPKT telah mengenal pasti beberapa faktor utama yang menyebabkan kelewatan dalam memproses membina dan menyiapkan sesuatu projek perumahan kos rendah. Antaranya ialah

- (i) kelulusan pelan bangunan dan pengeluaran sijil kelayakan menduduki ataupun CFO;
- (ii) prestasi dan masalah kontraktor; dan
- (iii) masalah tapak pembinaan perumahan kos rendah seperti mempunyai halangan setinggian dan lain-lain.

Bagi mengatasi masalah berkenaan, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh KPKT iaitu:

- (i) memperkenalkan Sistem Pusat Setempat ataupun *One Stop Centre* untuk dilaksanakan oleh semua pihak berkuasa tempatan dan pihak

berkuasa negeri dalam meluluskan pelan bangunan dan mengeluarkan CFO;

- (ii) mengetatkan prosedur pengeluaran lesen pemajuan perumahan di mana aspek keupayaan di kalangan syarikat di titik beratkan;
- (iii) melaksanakan peraturan-peraturan pemajuan perumahan yang mensyaratkan semua pemaju membuka akaun pemajuan perumahan bagi setiap projek perumahan yang dijalankan untuk mengelakkan wang berkenaan di salah gunakan;
- (iv) mensyaratkan setiap pemaju dikehendaki mengemukakan laporan fizikal projek setiap 6 bulan sekali bagi tujuan pengawasan di samping lawatan ke tapak kerja diadakan dari masa ke semasa;
- (v) mempertingkatkan kawalan ke atas penyata kewangan beraudit syarikat; dan
- (vi) memperketatkan penguasaan ke atas akta peraturan pemajuan perumahan;
- (vii) seterusnya menyelesaikan masalah penempatan setinggian terutama yang terlibat dengan projek bangunan kerajaan dengan kerjasama PBT yang terlibat.

Pada masa yang sama, KPKT telah menjalankan kajian untuk mencadangkan CFO digantikan dengan CCC ataupun *Certificate of Completion and Compliant* yang dikeluarkan sendiri oleh golongan profesional seperti arkitek dan jurutera berdaftar bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian dalam sektor pembinaan perumahan. Selain itu, KPKT juga telah mengkaji konsep bina dan jual dan akan dibentangkan kepada mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat bagi mendapat keputusan mengenai cadangan tersebut. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada pihak kementerian atas jawapan tadi. Saya mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah tentang isu projek perumahan kos rendah lewat, walau bagaimanapun saya hendak tanya sedikit satu soalan tambahan.

Berdasarkan pengetahuan saya di Subang di mana beberapa projek lewat kebanyakan projek ini terbengkalai kerana pemaju-pemaju projek tersebut tidak mempunyai kebolehan atau keupayaan. Walau bagaimanapun dia dapat dua tiga kali projek ini. Saya juga dapati pihak kementerian pun enggan mengambil tindakan tegas atau mengambil tindakan yang sangat lewat atas pemaju projek-projek seperti ini. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, adalah penting pihak kementerian harus menunjukkan kepada rakyat betapa seriusnya mereka dalam memastikan projek-projek perumahan kos rendah disiapkan dalam masa tetap.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kementerian atau adakah pihak kementerian merancang mengambil tindakan yang lebih tegas, lebih cepat, daripada apa yang

akan diadakan sekarang atas pemaju-pemaju yang mengambil masa lambat untuk menghabiskan projek-projek ini. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Subang. Memang kita mendapati ada kes-kes yang lewat bagi kos rendah terdapat daripada Subang, setakat ini yang kita tahu ialah 3384 jumlah yang terlewat di Subang. Dan, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya kementerian telah pun mengambil tindakan pada mereka yang lewat ataupun terbengkalai untuk menyelesaikan rumah-rumah yang dibina termasuklah rumah-rumah kos rendah.

Di bawah seramai 225 pemaju telah pun diambil tindakan di bawah undang-undang dan di bawa ke mahkamah, dan dengan pindaan pada akta pemajuan perumahan yang telah dikuatkuasakan mulai 2003, kita telah mengenakan tindakan kompaun pada 667 pemaju di Semenanjung Malaysia ini dan bilangan kes yang terlibat ialah 1,135. Oleh itu Yang Berhormat memanglah kementerian mengambil perhatian berat terhadap kes-kes yang lewat ini.

Seperti mana yang telah diketahui oleh umum bahawa kita juga telah menubuhkan Tribunal Tuntutan Perumahan di mana sesiapa sahaja yang telah mengalami masalah rumah mereka lewat disiapkan, mereka bolehlah mengambil tindakan untuk mendapatkan LAD daripada Tribunal Tuntutan Perumahan ini yang ada di kementerian kita. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini kita akan berbincang dengan mekanisme pemantauan pembinaan rumah-rumah kos-kos. Daripada pengalaman saya kalau seseorang pemaju apabila ada sebidang tanah untuk dimajukan, *certain percentage* dengan izin telah ditempatkan untuk pembinaan rumah kos rendah untuk golongan miskin.

Tetapi, pada masa yang sama kalau pembangunan tanah di kawasan itu adalah berharga tinggi atau bernilai tinggi, maka pemaju ini boleh suap dengan izin sekeping tanah dengan tempat yang lain di mana mereka boleh membina rumah kos rendah di tempat yang lain di mana jauh daripada kawasan-kawasan kemudahan seperti *public transport* dan sebagainya.

Ini selalu berlaku, khususnya di negeri Selangor dan sebagainya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah mekanisme pemantauan yang lebih berkesan supaya golongan-golongan miskin ini atau pun bekas-bekas setinggan ini dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas yang sepatutnya mereka miliki. Apakah jawapan daripada Yang Berhormat.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Berkenaan dengan setinggan-setinggan ini sebenarnya kementerian telah pun membina rumah-rumah iaitu Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk mereka yang duduk di kawasan-kawasan setinggan khususnya di bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan lain-lain lagi. Rumah-rumah ini memang kita khususkan sebenarnya untuk menempatkan semula setinggan-setinggan. Tidak ada sebab setinggan-setinggan yang duduk di tempat-tempat tertentu ini tidak mendapat rumah dan mereka ini dibenarkan duduk di situ dengan sewa RM124

sebulan, cukup rendah sekali sewanya dan rumahnya pun begitu selesa sekali mempunyai tiga bilik dan terdapat dua bilik air.

Bagi masalah seperti yang disebutkan tadi iaitu *mismatch* di mana rumah-rumah kos rendah dibina di tempat-tempat yang jauh daripada tempat-tempat bekerja, misalnya mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah, maka terdapatlah masalah di mana mereka tidak mahu duduk di tempat-tempat tersebut.

Sekarang ini kementerian telah pun memperkenalkan sistem pendaftaran terbuka dan akan diadakan secara *real time, on line* dan *real time*. Ini akan dilancarkan tidak lama lagi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertujuan untuk memastikan kita dapat mengenal pasti mereka yang sebenar-benarnya memerlukan rumah kos rendah di mana kedudukan mereka dan lokasi yang mereka perlukan.

Dengan yang demikian, pihak kerajaan dan pihak pemaju akan dapat tahu di manakah sebenarnya mereka perlu membina kos rendah ini. Selain daripada itu kita juga bercadang untuk memperkenalkan suatu sistem di mana jika pemaju-pemaju swasta ini tidak berminat untuk membina rumah-rumah kos rendah tetapi mereka diperlukan oleh peraturan kerajaan untuk sekurang-kurangnya menguntukkan 10% pembinaan rumah kos rendah, maka mereka akan nanti diminta membayar *in lieu of the 10%* dengan izin kepada kerajaan supaya kerajaan pula akan menggunakan wang tersebut daripada pemaju itu untuk membina rumah-rumah kos rendah di lokasi-lokasi yang sebenarnya diperlukan oleh rakyat kita yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

6. Tuan Donald Peter Majuntin [Penampang] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah rancangan kementerian untuk memperuntukkan pemasangan CCTV di Sekolah Kebangsaan terutama sekali di Sekolah Menengah Kebangsaan bagi membantu pihak berkuasa sekolah untuk memantau segala aktiviti murid-murid di persekitaran sekolah dengan lebih berkesan lagi.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan penswastan pengawalan keselamatan sekolah. Pengawal Keselamatan di sekolah bertugas 24 jam bagi membantu pihak pengurusan sekolah memantau keselamatan harta benda dan peralatan serta tingkah laku murid ketika berada di kawasan sekolah.

Untuk maklumat Yang Berhormat, mulai tahun 2005, syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang berjaya mendapat tender kawalan keselamatan sekolah-sekolah telah diminta memasang CCTV di sekolah-sekolah yang dikenal pasti sering berlaku kes pencerobohan. Peralatan tersebut bertujuan menghalang kawasan sekolah daripada dicerobohi oleh orang luar dan membantu pengawal keselamatan memantau keselamatan blok-blok sekolah yang berisiko

tinggi seperti makmal komputer, pejabat pentadbiran sekolah dan asrama pelajar khususnya asrama pelajar perempuan. Terima kasih.

Tuan Donald Peter Majuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya berkaitan dengan aktiviti-aktiviti murid-murid sekolah. Apabila saya membaca laporan agensi anti dadah pada tahun yang lepas, saya amat terkejut di mana peratus penagih dadah di kalangan pelajar sekolah menengah dan juga sekolah rendah agak tinggi berbanding dengan seharusnya.

Saya minta apakah langkah-langkah kementerian untuk menangani masalah ini di mana kita dapat mengurangkan ketagihan dadah di kalangan pelajar-pelajar di sekolah kita. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa masalah di sekolah ini boleh dibahagi dua. Satu masalah disiplin pelajar di luar kawasan sekolah yang mana pihak kementerian tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan.

Yang kedua ialah masalah disiplin di dalam kawasan sekolah yang mana pihak sekolah diberikan kuasa untuk mengambil tindakan disiplin kepada pelajar-pelajar. Mengenai masalah dadah Yang Berhormat timbulkan, ada dua kemungkinan. Yang pertama, kemungkinan dadah ini diambil daripada luar kawasan sekolah dan dia bawa masuk sekolah. Untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar ini bebas daripada dadah, pihak Kementerian Pelajaran akan meningkatkan kerjasama dengan AADK untuk kita mengadakan ujian-ujian *urine* kepada pelajar-pelajar. Pada tahun ini, kita akan memperbanyakkan lagi *urine test* ini di peringkat sekolah. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya percaya pemasangan CCTV ini adalah merupakan salah satu daripada cara kementerian untuk membentuk perangai anak-anak sekolah melalui konsep sistem "*system to pattern the culture*", dengan izin.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah yang telah dihasilkan dari kegiatan memasang CCTV tadi, adakah ia menampakkan ada kesan penambahbaikan ataupun masih lagi kegiatan-kegiatan merosakkan (*vandalism*) di kalangan pelajar sekolah ataupun bukan mereka dari sekolah itu seperti itu juga.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak banyak sekolah yang ada memasang CCTV. Ada sekolah yang memasang CCTV di atas usaha sekolah tersebut melalui peruntukan PIBG kecuali di suatu sekolah di USJ, saya dimaklumkan bahawa itu ada memang CCTV kerana ada kawasan-kawasan sekolah seperti mana yang telah saya nyatakan tadi yang perlu dipasang CCTV.

Namun demikian, arahan kita meminta syarikat-syarikat keselamatan memasang CCTV di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi ini masih lagi belum mendapat maklum balas dan juga belum ada tindakan positif daripada pihak pengawal-pengawal keselamatan kerana harga untuk memasang CCTV ini memang agak tinggi. Terima kasih.

7. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rasionalnya kerajaan membenarkan pengecualian kepada penggunaan kapal daftar asing untuk membawa kargo ke dalam negara. Apakah untung ruginya kepada kerajaan di atas kebenaran ini. Berapakah jumlah pengusaha kapal milik bumiputera.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan perdagangan perkapalan bebas dan terbuka kepada mana-mana kapal asing untuk mengangkut dagangan luarnya seperti mana yang turut diamalkan oleh semua negara-negara lain.

Tidak ada sebarang sekatan dikenakan ke atas kapal-kapal asing untuk memasuki pelabuhan Malaysia bagi mengangkut kargo selagi mana kapal-kapal tersebut memenuhi piawaian antarabangsa dari segi keselamatan, pelayaran dan *seaworthy*, dengan izin. Kunjungan kapal-kapal yang asing telah membolehkan industri pelabuhan dan perkapalan negara turut berkembang maju dan seterusnya menjana pertumbuhan industri sokongan dengan izin, *auxiliary services* yang berkaitan dengan kedua-dua.

Untuk makluman Dewan, dasar menjadikan Pelabuhan Klang sebagai Pusat Pemungghahan Negara ataupun *National Load Centre* dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) sebagai Pusat Transshipment Serantau ataupun *Regional Transshipment Hub*, dengan izin telah berjaya.

Yang pertama mengurangkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan negara jiran untuk membolehkan kargo dihantar terus ke destinasi.

Yang kedua, menarik tumpuan syarikat perkapalan utama untuk menjalankan operasi di Pelabuhan Klang dan PTP.

Yang ketiga peningkatan dalam pengendalian kontena. Pada masa ini sebanyak 49 buah syarikat penguasa kapal milik bumiputera berdaftar sebagai ahli kepada dengan izin, *Malaysian Shipowners' Association* ataupun MASA yang berkecimpung di dalam industri perkapalan negara. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya iaitu dengan kenaikan harga minyak sama ada di peringkat global dan juga di peringkat negara, berapakah jangkaan peratus barang-barang pengangkutan ini menjadi mahal daripada sebelum naik harga minyak.

Yang kedua, di pelabuhan ini agen-agen *service* apabila barang-barang ini sampai di pelabuhan agen-agen *service* ini, syarikat *service* ini merekalah yang bertanggungjawab untuk memunggah, mengeluarkan barang, Kastam dan sebagainya sehingga kepada pengguna. Dan agen-agen *service* ini berbagai-bagai caj dikenakan kepada pengguna. Apakah kerajaan melihat agen-agen *service* ini perlu didaftar dan diseragamkan pembayarannya mengikut apa-apa yang disyaratkan oleh kerajaan?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentunya dengan kenaikan harga minyak ini akan sedikit sebanyak menekan kepada industri perkapalan antarabangsa. Sudah tentu ia juga melibatkan kapal-kapal kita yang didaftarkan di Malaysia ini. Jadi mengikut kepada soalan yang telah ditujukan kepada kementerian ini Yang Berhormat, kapal-kapal yang digunakan, untuk yang didaftarkan di luar negara kita yang untuk membawa kargo kita adalah apabila keadaan ini diperlukan. Kerana kita hanya ada kapal-kapal yang saya rasa terhad dalam segi angkanya dan juga mereka ini terhad dari segi jenis dan banyak kapal-kapal yang kita gunakan ini, yang kita terpaksa menggunakan kapal luar hanya semata-mata untuk membawa bahan-bahan yang berkaitan dengan petroleum dan minyak, petroleum atau bahan-bahan yang berkaitan dengan minyak. Jadi ini hanya di atas keperluan kita kerana ia dikawal oleh pihak *Malaysian Shipowners' Association* kita yang mengawal ketat. Jadi kalau Yang Berhormat hendak tahu tentang angka ataupun apakah keuntungan dalam segi kita dapat menggunakan kapal-kapal yang didaftarkan di luar negara kita ini, saya tidak ada angka yang tepat pada hari ini dan insya-Allah saya akan dapat menjawab secara bertulis. Tetapi macam saya mengatakan tadi ini hanya apabila diperlukan, yang mana tidak ada jenis atau bentuk kapal yang tidak dimiliki oleh pihak tempatan kita, barulah kita menggunakan kapal yang didaftar daripada pihak luar. Terima kasih.

8. Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan dalam usaha membendung hakisan budaya murni, apakah tidak ada kod etika bagi artis-artis yang memasuki pertandingan melalui TV yang disiarkan sehingga boleh mempengaruhi jiwa dan cara hidup generasi remaja.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih Yang Berhormat dari Setiu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini telah terdapat beberapa garis panduan mengenai siaran televisyen iaitu Manual Lembaga Penapis Filem oleh Lembaga Penapis Filem Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kod kandungan komunikasi dan multimedia oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Kod Etika Penyiaran RTM oleh Jabatan Penyiaran Kementerian Penerangan. Walau bagaimanapun, panduan-panduan tersebut tidak mengkhususkan aspek seni dan budaya. Justeru itu KeKKWa dalam proses menyediakan garis

panduan seni dan budaya serta membentuk Jawatankuasa Kecil Pemantauan kandungan televisyen dalam aspek seni dan budaya. Ahli-ahlinya adalah terdiri dari Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Lembaga Penapisan Filem dan juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri KeKKWa. Kita ada Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan, KDN dan sebagainya. Saya hendak tanya sejauh manakah kekerapan dan keakraban di antara kementerian KeKKWa ini dengan kementerian-kementerian yang lain dalam membendung masalah hakisan budaya di kalangan remaja-remaja anak-anak muda kita pada hari ini. Dan kita melihat dalam program-program TV selain daripada hendak mengadakan program-program yang lebih baik, tetapi kita kadang-kadang melihat persembahan juruacaranya, dengan pemakaian *sun glass* seperti *Zorro* dan sebagainya, saya percaya ini banyak mempengaruhi generasi muda kita pada hari ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Soalan tambahannya ada sedikit terkeluar daripada soalan asal iaitu tentang kod etika untuk artis-artis yang memasuki pertandingan melalui TV. Walau bagaimanapun, tentang budi bahasa dan nilai-nilai murni, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan fasa kedua Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di Stadium Negara. Dalam hal ini kementerian saya akan bekerjasama sebab itu satu yang merangkumi seluruh negara akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan juga dengan kementerian-kementerian yang lain. Kalau tidak silap saya ada 10 kementerian untuk memupuk nilai-nilai murni dan kempen ini iaitu Budi Bahasa Budaya Kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan nilai murni kod etika yang baik ini, saya rasa Ahli-ahli Parlimen banyak telah memberi pandangan dan teguran. Jawapannya nampaknya hampir standard di mana ada 4 kementerian yang bertanggungjawab dan akhirnya seperti tidak ada yang hendak bertanggungjawab. Jadi maksudnya ialah budaya hedonisme ini berterusan kalau kita tidak lihat media di kaca TV umpamanya. Kita telah tegur banyak kali tetapi budaya yang melanggar nilai murni ini berterusan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, boleh atau tidak diberi kepada setiap Ahli Parlimen yang berminat senarai nama Jawatankuasa Penapis yang menjaga kod etika ini supaya pada masa-masa tertentu kita pun tanya mereka juga.

Saya ambil contoh, umpamanya seorang artis. Ini pun artis idola yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Setiu iaitu Papa Rock, Ramli Sarip, umpamanya. Dia ini pula, mungkin kita kena berikan dia pengecualian kerana kita difahamkan kalau rambutnya tidak panjang, maka dia menjadi orang yang tidak kreatif. Mungkin dalam kod etika ini perlu ditentukan siapakah yang

boleh berambut panjang dan memakai pakaian yang tidak senonoh umpamanya, supaya menjaga kreativiti dia. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Ketawa]*

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Memang betul keluhan Yang Berhormat iaitu sekarang ini amat mengelirukan sebab tentang garis panduan penyiaran ada kementerian masing-masing. Ada tiga kementerian yang saya sebutkan tadi iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi; dan juga Kementerian Penerangan ada kod mereka sendiri. Seperti yang saya telah jawab tadi, mereka tidak menguruskan tentang seni dan budaya. Ini amat mengelirukan.

Oleh sebab itu Kabinet telah mengarahkan kementerian saya mewujudkan satu kod mengkhususkan seni dan budaya. Kita berharaplah dalam masa tidak berapa lama lagi dengan penyiapan kod ini kita ada satu kod garis panduan yang lebih komprehensif. Kod ini akan merangkumi tentang pakaian artis-artis, dandanan, gerak-geri, tindak-tanduk dan pertuturan semasa persembahan, tatacara kelakuan dan juga tanggungjawab artis.

Saya harap dengan kelangsungan iaitu kod ini, maka kita ada satu kod yang komprehensif supaya artis-artis tidak dikecualikan dan mereka tidak akan membangkitkan perkara-perkara yang menyinggung hati kaum di negara kita. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (iv) apakah jenis teknologi yang digunakan oleh kementerian bagi Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Bintulu-Miri (*Coastal Highway*) kerana telah terdapatnya kerosakan teruk walaupun baru sahaja dibuka; dan
- (b) mengapakah masih terdapat selekoh-selekoh tajam pada beberapa lebuhraya yang baru dibina ini yang sepatutnya lurus.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada soalan Yang Berhormat bagi Bintulu. Projek yang di maksudkan ini adalah pembinaan Jalan Pantai Baru, Tanjung Kidurung, Kuala Suai, Kuala Niah, Kuala Sibutu, Bakang, Sarawak. Skop projek ini adalah membina jalan yang bertaraf R-3 sepanjang 178 kilometer dengan kos pembinaan bernilai RM581 juta.

Teknologi ataupun kaedah pembinaan yang digunakan untuk membina jalan tersebut adalah menggunakan kaedah yang biasa digunakan dalam projek pembinaan jalan yang bertaraf R-3 dan R-5 di seluruh Malaysia. Untuk pembinaan jalan di kawasan di mana keadaan tanahnya agak keras, kaedah potong dan menambak dengan izin, *cut and fill* digunakan. Manakala pembinaan jalan di kawasan di mana keadaan tanahnya tidak memuaskan seperti di kawasan tanah lembut (*pit soil*), kaedah *geotextile* dan *preloading* digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor bagi projek ini telah pun menyiapkan pembinaan jalan tersebut pada 6 November 2005. Buat masa ini projek ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan selama dua tahun yang akan berakhir pada 6 November 2007.

Mengenai jalan yang rosak, yang mungkin terdapat pada jalan ini, pihak JKR Sarawak akan memaklumkan semua kerosakan dan kecacatan yang dikenal pasti kepada kontraktor untuk diperbaiki dan segala kos pembaikan akan ditanggung oleh pihak kontraktor itu sendiri. Jadi, kalau Yang Berhormat boleh bantu mengenal pasti di kilometer yang mana boleh maklumkan kepada saya dan saya akan mengarahkan pihak JKR untuk melihat perkara ini.

Jawapan kepada soalan yang berikutnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bahagian Miri terdapat beberapa selekoh yang perlu dibina untuk mengelak beberapa kawasan yang terlalu mahal untuk diambil alih. Oleh yang demikian, kerajaan seperti mana terdapatnya rumah kediaman penduduk, sehubungan dengan itu untuk mengurangkan kos pengambilan balik tanah, jalan ini dibuat dalam kawasan rizab yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selanjutnya pada lokasi-lokasi selekoh yang seperti ini, papan-papan tanda amaran telah pun didirikan dan juga dengan izin, *super elevation* telah pun dibina untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Pihak JKR juga akan sentiasa membuat pemeriksaan supaya mana-mana papan tanda yang hilang diganti dengan segera dan membaiki mana-mana dengan izin, *super elevation* yang perlu dibaiki.

Selain daripada itu pengguna jalan raya juga perlu diingatkan supaya mematuhi had laju. R-3 ini Yang Berhormat, dia punya *speed limitnya* cuma 80 kilometer sejam dan R-5 *speed limitnya* 90 kilometer sejam. Jadi, Yang Berhormat kena nasihatkan rakyat Yang Berhormat supaya memandu mengikut had laju. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli, ada lagi?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya? Apa lagi?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana peruntukan yang sudah diberikan oleh kementerian bagi membina *coastal highway* ini. Tetapi masalahnya sekarang, *coastal highway* ini sudah disiapkan tetapi *road shoulder* tidak ada. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, kalau ada kereta yang rosak dan *emergency stop*, kereta itu hendak berhenti di mana? *Road shoulder* tidak ada, kalau ke tepi sikit sudah masuk longkang.

Jadi, ini akan melibatkan satu masalah untuk pemandu kereta. Itu satu. Kedua, iaitu ada *car booth* tidak sama rata dengan jalan. Kalau kita tidak perasan ada *car booth* di sana - memang kita kalau sudah *take off* pun macam kapal terbang, *landing* pun serupa macam kapal terbang, kalau *lost control* nyawa pun terbang. Jadi saya hendak bertanya, apakah tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cuba terangkan. Kalau reka bentuk yang kita sebut R-3 ini, dia punya buka jalan 6 meter. Dia ada dengan izin, *road reserved on both side 2.5 meter*; dan R-5 ini bukanya 7 meter dan *reservanya* 3

meter. Itu yang sedia ada. Mengenai *speed limit* tadi, bagi R-3, 80 kilometer sejam sahaja dan R-5 ini 90 kilometer *per hour*.

Ini merupakan projek yang berasaskan kepada *design and build*. Kontraktor itu sendiri *engage* dia punya konsultan dan JKR sebagai *independent checker* melihat supaya setiap perkara yang dilakukan ini berasaskan kepada standard yang telah pun ditetapkan. Mana-mana kawasan tanah lembik yang selalunya ada menimbulkan masalah *settlement* ini, Yang Berhormat, cara yang dibuat secara *geotextile* ini ialah dengan meletakkan *membrane* di bawah ini, kemudian air yang ada dalam *soil* itu akan lari ke bawah, hendak bagi tanah itu keras. Di mana-mana kawasan *pit soil* yang terlalu lembut ini dibuat *preloading*. Kita *loadkan* juga jalan itu dulu kemudian selepas *settlement* enam bulan hingga ke setahun, korek balik dan taruh juga.

Mungkin juga ada kawasan-kawasan yang ada dengan izin, *void - water catchments* yang tidak dapat lari itu, yang itu yang menimbulkan keadaan tidak rata. Kalau yang ini, jika Yang Berhormat boleh bantu maklumkan kepada kita, saya akan menentukan supaya boleh dibaiki dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi soal jawab lisan pada pagi ini. Sebelum saya teruskan ada satu usul daripada Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Silakan.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.09 pagi

Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam ini”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam ini”

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

**USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” **[21 Mac 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam saya telah memberi Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mas sepuluh minit untuk berucap. Saya tidak menetapkan untuk masa yang sedemikian. Ini adalah atas permintaan beliau sendiri. Jadi, ini tidaklah bererti saya menetapkan sepuluh minit untuk setiap Ahli Yang Berhormat yang lain. Walau bagaimanapun, saya ingin menetapkan hari ini.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tahniah Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Menetapkan hari ini bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum berucap akan berucap dalam jangka masa 20 atau 25 minit sahaja. *[Disorak]* Oleh itu, saya jemput Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

11.13 pg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung ucapan saya bagi perbahasan Usul Junjung kasih Titah Ke Bawah Duli yang di-Pertuan Agong.

Kita mesti sokong kerajaan menangani isu kenaikan harga minyak secara bersama-sama. Kita perlu cadangkan kepada kerajaan supaya isu yang dianggap negatif ini dapat diimbangi dengan isu positif supaya rakyat tidak terpengaruh dengan mereka yang tidak bertanggungjawab membesar-besarkan isu ini. Sebenarnya rakyat berpendapatan rendah tidak terlibat secara langsung dengan kenaikan harga minyak kerana mereka ini tidak mempunyai kenderaan ataupun hanya menggunakan motosikal sahaja. Hanya 12 juta kenderaan di dalam negara kita. Ini bermakna lebih daripada 13 juta lagi penduduk negara kita tidak mempunyai kenderaan dan tidak menggunakan petroleum untuk kegunaan harian.

Subsidinya lebih kepada mereka yang berpendapatan lebih ataupun mereka yang kaya kerana mereka yang kaya menggunakan kenderaan yang banyak ataupun cc yang berkuasa

lebih maka subsidi daripada minyak ini banyak digunakan oleh mereka yang berpendapatan tinggi. Yang menjadi keresahan rakyat adalah kesan dari kenaikan harga minyak ini seperti kenaikan inflasi di dalam negara kita, kenaikan harga barang-barang, kenaikan kos pengangkutan. Ini yang akan memberi kesan secara langsung kepada rakyat di dalam negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi hari ini bagaimanakah kerajaan dapat menangani isu-isu sebegini supaya rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga minyak pada hari ini. Kita tahu rakyat perlukan kemudahan, perlukan perkhidmatan daripada kerajaan dengan membayar ataupun kos yang berpatutan. Saya percaya dengan kenaikan harga barang secara tidak terkawal dapat dibendung sekiranya kementerian terbabit seperti KPSDN mengambil tindakan proaktif dan ada yang cadang supaya pemantauan kepada harga-harga barang ini dibuat oleh mereka yang berada di bawah seperti penghulu, seperti juga pihak Relia yang berusaha untuk melaporkan kenaikan harga barang bukan sahaja di pasar raya bahkan di kedai-kedai runcit di kampung-kampung. Ini adalah penting kerana perkara ini akan memberi kesan yang langsung kepada seluruh rakyat sehingga di kampung-kampung.

Isu positif yang ada sekarang ini seperti kita telah dimaklumkan oleh Perdana Menteri kita, wang daripada penjimatan sebanyak RM4.4 bilion yang akan ditubuhkan satu tabung khas iaitu Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam dan pelbagai isu timbul apabila perkara ini diketengahkan. Ada yang mengatakan peruntukan ini hanya untuk mereka yang berada di bandar sahaja kerana pengangkutan awam banyak diperkatakan di bandar.

Tetapi hari ini isu ini telah tenggelam dan telah pun diberi agihan yang sama rata kepada setiap negeri di dalam negara kita. Ini satu perkembangan yang sihat yang boleh meredakan lagi keadaan di mana pengangkutan awam adalah penting di dalam negara kita, tambahan lagi di ibu negara kita ini yang bermasalah dengan kesesakan jalan raya. Hari ini juga kita ada perkembangan yang positif tentang *biofuel* dan biogas. *Biofuel* iaitu biodiesel negara kita mempunyai *resources* yang banyak untuk menghasilkan *biodiesel* ini seperti *sources* kelapa sawit dan juga pokok jarak yang baru-baru ini banyak diperkatakan di dalam Parlimen ini yang berpotensi untuk menggantikan bahan api petroleum ini.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya hendak tanya kerajaan sejauh manakah kajian ataupun penyelidikan di dalam bidang biodiesel ini, dan bilakah biodiesel ini boleh dikomersialkan untuk menggantikan bahan api khususnya di dalam negara kita. Saya menyeru kepada kerajaan.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Biodiesel ini sudah mula kajiannya kalau tidak silap saya tahun 80an dan saya amat terkejut pelancaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam menyatakan masih lagi dalam percubaan.

Jadi kita Malaysia ini percubaan, percubaan, percubaan yang MPOB ini apa dia buat? Sejak tahun 80an sudah diperkenalkan biodiesel yang digunakan di kenderaan dia, takkan hari ini sudah hampir 20 tahun kita masih lagi hendak cuba biodiesel, walhal di Eropah pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, sudah lama dikomersialkan dan mereka sudah buat duit. Yang kita di Malaysia pada hari ini masih lagi dalam percubaan, percubaan, percubaan. Berapa kali mahu cubalah, Tuan Yang di-Pertua? Apa pendapat Yang Berhormat bagi Tanah Merah?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Cubaan! Kita mesti tahan cubaan tetapi sampai bilakah kita boleh tahan dengan cubaan. Hari ini berbagai-bagai cubaan diajukan kepada kita.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Yang Berhormat bagi Lipis, silakan.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Jadi berkait dengan wang yang dapat kita gunakan untuk memperbaharui perkhidmatan pengangkutan awam dan saya percaya perkhidmatan pengangkutan awam ini termasuklah juga jalan-jalan raya selain daripada biofuel. Tetapi saya tengok kelapa sawit yang digunakan 5% sahaja yang lain itu semua 95% diesel yang biasa dan harganya pun sama. Hanya saya harapkan harga biofuel ini, kalau harga diesel naik lagi dia kekal macam itu.

Dan yang keduanya dari segi jalan raya tadi ada *statement* atau kenyataan daripada Yang Berhormat bagi Tanah Merah, dia minta jalan raya jalan-jalan di Kuala Lumpur sahaja.

Jadi kita haraplah, termasuk jalan-jalan yang ada di luar-luar bandar terutama jalan-jalan persekutuan contohnya jalan daripada Lipis ke Gua Musang teruk sangat. Bahu jalannya pun tidak ada dan ada tempat-tempat itu memang tempat kemalangan. Saya setiap kali Hari raya saya berdoa supaya janganlah berlaku kemalangan yang besar-besar. Jadi apa pendapat, apa pandangan Yang Berhormat Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya daripada Lipis. Sebenarnya Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam ini tidak terlibat dengan jalan raya. Kita akan sentuh di dalam bidang yang berkenaan dengan jalan raya sekejap lagi dan saya yakin bahawa biodiesel ini dapat menyelamatkan isu ini sekiranya biodiesel ini dapat *dicommercialize* dalam masa yang terdekat. Saya menyeru kepada kerajaan supaya tidak payah kaji lagi, teruskan sahaja penggunaan bahan api ini di dalam negara kita. Saya minta tahun hadapan kita sudah boleh guna biodiesel ini untuk kegunaan bahan api di dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ledang bangun.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Silakan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Saya tengok Yang Berhormat bagi Tanah Merah ini dia bersemangat sebab hendak membantu penggunaan biodiesel. Adakah Yang Berhormat bagi Tanah Merah sedar bahawa semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan penggunaan biodiesel di peringkat nasional. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ada soalan.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih, tidak apalah tidak ada soalan pun, memang sudah tahu...*[ketawa]* Selain daripada penjimatan daripada biodiesel ini negara kita juga boleh mempertingkatkan ekonomi, pendapatan di dalam negara kita supaya sebagai alternatif yang sudah pastinya minyak ataupun simpanan petroleum negara kita sudah tentunya akan berkurangan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang dan ini amatlah perlu untuk negara kita mencari satu alternatif. Selain daripada biodiesel kita ada juga biogas...

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tanah Merah, sila gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, hendak tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa? Saya akan tolak. Sila gulung... terpulung kepada Tanah Merah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sedikit, tambah sedikit. Terima kasih Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Satu...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Adakah Yang Berhormat bagi Tanah Merah berpuas hati dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang, semalam kita sudah lancarkan biodiesel ala Malaysia iaitu B5, 5% minyak sayuran dan 95% diesel. Sekarang ini di Eropah dan juga di Amerika, orang sudah pergi B20, bermakna 20% minyak sayuran, 80% mineral diesel. Jadi kita ini sentiasa di belakang ini! Walhal kelapa sawit - kita gelarkan diri kita "*we are the best in the world*". Sepatutnya kita pada hari ini bukan cakap lagi B5 tetapi harus dengan peredaran zaman B20. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Ya, saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Kita sepatutnya ke hadapan kerana kita mempunyai kemudahan penyelidikan semenjak 30 tahun lepas lagi. Sekarang, hari ini baru nombor lima, hendak sampai nombor 20, kalau kita tidak ambil langkah yang proaktif sudah pasti kemungkinan tahun 2020 baru kita mencapai B20. inilah yang kita kena ambil sikap yang proaktif di dalam perkara-perkara

yang berkaitan. NGV sekarang ini 52 stesen dan hari ini kita dapat satu berita yang baik bagi mengimbangi kenaikan harga minyak ini dengan arahan kerajaan supaya membina 200 lagi stesen sehingga hujung tahun ini untuk bagi menyediakan NGV di stesen minyak di seluruh negara.

Saya minta supaya NGV ini dibahagikan sama rata ke setiap stesen di seluruh negeri di dalam negara kita. Ini akan memberi satu kemudahan dan juga alternatif yang baik kepada rakyat di dalam negara kita. Yang keduanya saya hendak bercakap fasal *delivery system* di dalam negara kita. Kita sekarang ini di ambang Rancangan Malaysia Kesembilan. Kadar kemiskinan di dalam negara kita adalah 5.7% dan ini sudah pasti akan memberi satu tugas yang sepatutnya untuk kita membela nasib mereka ini.

Di Kelantan, kita ada 19 ribu keluarga yang berada di bawah paras kemiskinan dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini membasmi kemiskinan adalah merupakan salah satu fokus negara ataupun kerajaan untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah berjaya memberi tumpuan kepada pembangunan dan saya harap pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti akan diagihkan sama rata tidak kira kepada negeri yang sudah maju ataupun yang belum maju. Kalau boleh kepada negeri yang ketinggalan diberi banyak sedikit tumpuan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun.*

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Saya tidak ada masa ini. Okey, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *Delivery system.* Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya hendak bangkit perkara ini kerana ini amat mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri sendiri menekankan soal mengutamakan Bahasa Melayu. Ini yang terbaru, *delivery system* di RTM, Yang Berhormat. Saya tidak faham kenapa arahan kepada *compare* pengulas Sukan Komanwel di studio Kuala Lumpur dalam Bahasa Inggeris sedangkan di studio di Melbourne dalam Bahasa Malaysia Bahasa Melayu, di mana sistem penyampaian yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah disalahertikan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tanah Merah? Ini satu agensi contoh, *role model* kepada agensi lain. Ini milik kerajaan. Kalau ini pun tidak betul, di mana letaknya sistem pelaksanaan *delivery system* yang kita sentiasa bangkitkan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Kita tunggu jawapan daripada Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bijak, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Bijak, bijak. Oleh sebab projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kelapan berlipat ganda berbanding dengan pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh, maka agensi pelaksanaan seperti Jabatan Kerja Raya, JKR dikatakan tidak dapat memikul beban projek yang banyak ini. oleh itu tanggungjawab ini telah diberikan kepada PMC swasta ataupun *Projek Management Consultant* yang dilantik oleh

kerajaan ataupun kementerian. Setelah itu wujudlah *PMC-PMC* swasta yang tumbuh bagaikan cendawan, yang sudah pastinya menjadi satu tumpuan kepada mereka yang terlibat secara langsung di dalam bidang ini.

Contohnya, beberapa projek daripada Kementerian Pelajaran - bukan beberapa projek, boleh dikatakan 90% daripada projek Kementerian Pelajaran terutamanya projek bangunan-bangunan baru diselia dan dikawal oleh PMC swasta dan hari ini kita tengok ada pelbagai laporan mengatakan ada kegagalan ke atas projek yang dilaksanakan secara PMC swasta ini. Bukannya JKR tidak berkemampuan. Saya juga bekas jurutera JKR. Saya pernah menyiapkan 100 projek dalam tempoh dua tahun. Kita mempunyai cukup kakitangan, kenapakah kita kerajaan tidak memberi kepercayaan kepada JKR. Kita mesti perkasakan agensi pelaksanaan yang terunggul di dalam negara ini untuk menjadi *projek management consultant* utama kepada kerajaan.

Hari ini kontrak *design and build* ataupun reka dan bina setelah Rancangan Malaysia Kelapan hampir tamat, kita nampak kebaikan dan keburukan. Kononnya untuk mempercepatkan pelaksanaan, maka kontrak reka dan bina diperkenalkan. Kita tahu tidak apa itu reka dan bina? Reka, *design*, reka bentuk, selepas itu bina. Di dalam komponen ini ada dua penglibatan iaitu kontraktor dan juga jurutera ataupun konsultan yang terlibat. Yang peliknya, konsultan ini dilantik oleh kontraktor dan mengawasi projek yang kontraktor buat.

Oleh itu timbul satu masalah yang mana apabila kontraktor ini mempunyai niat tertentu untuk mengurangkan kos di dalam pembinaan, maka sudah pasti reka bentuk ini dikurangkan dari segi faktor keselamatannya dan menyebabkan beberapa elemen untuk memperkuat reka bentuk dikurangkan di dalam pembinaan. Ini sebagai contoh yang berlaku adalah seperti MRR2 ataupun Middle Ring Road 2 yang mana terdapat kegagalan struktur. Kita tahu di dalam reka bentuk, faktor keselamatan adalah penting. Biasanya kita pakai dua faktor keselamatan.

Di dalam amalan JKR, kita menggunakan 2.5, dengan izin, faktor keselamatan supaya reka bentuk kita lebih selamat. Hari ini kita digegarkan dengan berita-berita yang kita rasa amat kecewa dengan apa yang berlaku di MRR2 kerana kegagalan ini tidak patut berlaku. Daripada 35 struktur *pier*, 32 ataupun 33 semuanya retak dan tidak selamat digunakan dan kos pembaikan yang menelan belanja berjuta-juta ringgit ini terpaksa dikeluarkan oleh kerajaan untuk memperbaiki struktur yang telah dibina.

Jadi hari ini saya menyeru kepada kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita tahu tenaga profesional kita di dalam konsultan yang terlibat dengan perunding pembinaan tetapi kita kena ambil kira tentang keperluan dan keselamatan kepada pengguna. Saya cadangkan supaya kontrak reka dan bina ini dikaji semula dan kita beri tanggungjawab sepenuhnya untuk pelaksanaan dengan menjadi perunding kepada kerajaan dan Jabatan Kerja Raya. Saya juga mencadangkan supaya langkah-langkah tertentu diambil untuk memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Kepada kerja-kerja yang sudah pastinya memerlukan konsultan ataupun perunding binaan daripada luar selain daripada JKR, saya minta supaya kerajaan meneliti dengan sebaik mungkin supaya memastikan juru perunding ini mempunyai keupayaan yang cukup untuk mengendalikan projek-projek yang sepatutnya mereka diberi kepercayaan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita ada satu sistem baru iaitu BLT Sdn. Bhd. ataupun *Built, Lease and Transfer* yang diberi pendekatan oleh kerajaan, saya harap BLT Sdn. Bhd. ini juga mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di dalam Rancangan Malaysia Kelapan lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kemalangan di dalam negara kita ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: ...adalah yang tertinggi. Ada lima minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lebihlah. Dua minitlah, dua minit.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Dua minit ya? Kemalangan di dalam negara kita ini amat serius dan setiap tahun mengikut statistik di dalam negara kita ini sebanyak 328,264 kemalangan setiap tahun yang mengakibatkan kematian seramai 6,200 orang pada tahun 2005. Ini adalah serius. Perkara ini tidak boleh diambil mudah oleh kerajaan. Kita kena kaji apakah faktor-faktor kemalangan di dalam negara kita. Kita kena kaji apakah sebab utama kemalangan negara kita. Apakah ia disebabkan oleh kecuaiian manusia? Apakah ia disebabkan oleh kegagalan mekanikal kenderaan? Apakah ia disebabkan oleh jalan raya yang digunakan oleh kenderaan di dalam negara kita?

Jadi kita perlu untuk Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, kalau jalan yang tidak elok, kita betulkan, kalau jalan yang berbahaya, *black spot*, kawasan bahaya, kita perbetulkan supaya kawasan-kawasan ini tidak menjadi kawasan maut, kawasan kemalangan yang boleh mengakibatkan kematian yang ramai di dalam negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada kerajaan dan kementerian supaya mengambil berat perkara ini dan saya yakin dengan Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, sudah pasti peruntukan-peruntukan untuk memastikan jalan raya di negara kita ini berada dalam keadaan yang baik. Saya pasti ini dapat mengurangkan kemalangan di dalam negara kita dan juga akan mengurangkan kematian akibat daripada kemalangan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Belud.

11.37 pagi.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong. Saya

hanya ingin memfokus perbahasan ini yang khusus dalam perkhidmatan awam, khususnya dalam penyampaian perkhidmatan. Dalam hal ini ada tiga perkara yang akan saya sentuh

Perkara yang pertama ialah soal persaraan kakitangan perkhidmatan awam. Memang umum sudah kita tahu bahawa kita kakitangan kerajaan akan bersara pada umur 56 tahun dan selepas itu mereka perlu berhentilah daripada perkhidmatan awam. Dan saya faham juga memang budi bicara kerajaan untuk melanjutkan mana-mana pegawai yang dirasakan perlu. Cuma pada pendapat saya, kita kena membuat keputusan yang tepat dalam hal ini. Apakah kriterianya jika kita ingin melanjutkan seseorang itu lagi.

Saya tengok ada di antaranya yang telah *over extended*. Saya tengok jawatan Ketua Setiausaha Negara contohnya, dia telah disambung hingga tiga kali. Saya menghormati keputusan-keputusan kerajaan dalam hal ini tetapi kita kena ada garis panduannya apabila kita melanjutkan seseorang itu. Jika ia hanya disambung enam bulan atau setahun, apakah ia mempunyai motivasi untuk terus berkhidmat lagi. Pada pandangan saya, kalau sekadar disambung enam bulan atau setahun, apa yang akan difikir, dia hanya memikirkan apa yang dia buat setelah bersara nanti. Oleh kerana itu kerajaan kena mengkaji perkara ini pada pendapat saya.

Saya tahu seseorang itu memanglah mempunyai kelebihanannya. Saya kenal Ketua Setiausaha Negara, seorang pegawai yang memang berkebolehan kerana dia pernah berkhidmat di negeri Sabah. Tetapi pada saya, prinsipnya mestilah kepimpinan melalui teladan. Kalaupun kerajaan ingin menyambung kontrak kita, kita kena ada prinsipnya bahawa apabila kita telah memutuskan bahawa 56 tahun adalah tarikh persaraan kita, kita kena menghormati keputusan tersebut kecuali ada sebab-sebab yang tertentu.

Oleh itu saya berharap sungguh agar perkara ini dilihat. Sistem untuk melantik mana-mana pegawai secara kontrak setelah mereka sampai ke tahap wajib umur untuk bersara, jika kerajaan memikirkan ia harus dinaikkan ke 58 tahun atau 60 tahun, sila buat kajian kerana saya tengok ada signal yang berbeza. Saya baca dalam surat khabar, pada satu ketika kerajaan mengatakan bahawa ia tidak akan diubah. Di lain masa saya tengok ada kenyataan daripada KSN mengatakan bahawa mungkin dalam servis-servis tertentu, kita akan kaji.

So, tidak ada konsistensinya. So, kita kena berbuat sedemikian. Kerana ini ada kaitannya dengan *delivery system*. Kerana kalau seseorang itu sudah terlalu lama duduk di situ, dia memerlukan satu idea yang baru sebab pegawai baru harus diberi peluang. Di manakah sistem *grooming*, proses *grooming* kita? Di manakah *succession plan* kita? Apakah kita tidak percaya dengan pegawai-pegawai muda yang berkebolehan? Ini perlu diambil kira.

Masalah juga saya lihat Tuan Yang di-Pertua, kadangkala ada di antara mereka ini, saya lihat sendiri yang pernah memegang jawatan penting dahulu. Setelah mereka bersara sekarang, mereka dilantik di jawatan-jawatan yang tertentu, jawatan-jawatan yang lebih istimewa. Jadi masa depan mereka itu memang terjamin. Tetapi bagi kakitangan kerajaan yang jadi pemandu,

jadi pelayan pejabat, kerani, setelah mereka sampai 56 tahun, mereka kena mencari nafkah hidup di luar sistem perkhidmatan awam. So, kita kena menghormati sistem ini. Kita kena tentukan agar jika kita katakan 56 tahun umur bersara, kita kena tentukan ianya dihormati walaupun kita di *extend* sekali, dua, bolehlah. Tidakkah sampai tiga kali kita *extend* seseorang pegawai itu.

Kedua, saya ingin sentuh mengenai dengan sistem *ombudsman*. Saya sentuh perkara ini juga dalam sidang yang lalu dan jawapan kerajaan pun tidak konsisten. Pada ketika itu, yang menjawab soalan saya mengatakan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan *ombudsman* di Malaysia. Dua, tiga minggu dulu, saya tengok seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri melawat ke beberapa tempat. Mengkaji sistem *ombudsman*. So, kita kenalalah kalau kita kaji, kita kajilah. Kerana sistem *ombudsman* ini boleh membantu kita pada pendapat saya. Sungguhpun saya senang hatilah di mana pada ketika ini, *the public complaints bureau* telah dimantapkan lagi peranannya. Tapi pada saya, ia tidak mencukupi.

Kita kena wujudkan *ombudsman* ini kerana ia mempunyai *semi judicial power authority*. Kerana kalau kita katakan *delivery system*, rakyat, masyarakat ada peluang untuk membuat bantahan, kritikan di mana permasalahannya. Kalau kita sekadar memberinya kepada *the public complaints bureau*, tidak semestinya perkara itu dapat *diratify* dengan sebaik-baiknya. So, saya harap perkara ini, saya ingin mendengar jawapan daripada pihak kerajaan kerana saya tengok, apakah ianya mahu dikaji lagi, atau terus tidak diguna pakai?

Perkara ketiga yang ingin saya sentuh, telah disentuh kelmarin juga oleh Yang Berhormat Kinabatangan, mengenai dengan aliran fail. Saya amat terlibat dalam perkara ini kerana saya rasa ini penting. Di mana-mana pejabat sekarang, kita mempunyai sistem "*tray*". "*In*", "*Out*", "*KIV*". "Masuk", "Dalam" dan "*KIV*". Pada saya tidak perlu ada "*KIV*" lagi. Tidak ada justifikasinya ada *KIV*. Saya juga pernah sebagai seorang kakitangan kerajaan, sebagai seorang pegawai daerah, pernah memegang jawatan dalam politik. Pada saya, "*KIV*" tidak perlu. Kerana "*KIV*" ini, saya faham apa asas ada "*KIV*". Mungkin mereka ingin mendapat maklumat dan sebagainya. Tetapi pada pandangan saya, kalau sedemikian dia seharusnya dalam "*In Tray*", bukannya "*KIV Tray*". Kerana kita mahu tahu aliran fail tersebut. Ke mana fail tersebut? Pegawai mana yang bertanggungjawab?

Kalau seseorang itu cuti, siapa yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan mana-mana fail dalam "*In*" dan "*Out*". "*KIV*" ini "*Keep In View*" ataupun tunggu dahulu, menimbulkan banyak masalah. Pertama di situlah kemungkinan, rasuah boleh berlaku. Kedua mungkin kita sebagai seorang kakitangan kerajaan, kita ingin melengahkan kerja kita. "*KIV*" adalah satu cara kita melengahkan kerja kita. Jadi saya harap "*KIV*" ini dikaji supaya ditiadakan. *Traynya* "*In*", "*Out*". Dan Kalau dia "*In*", berapa lama dia dalam "*In*"? Boleh dibuat, saya sendiri pernah buat. Kalau kata tidak boleh, mustahil. Ianya boleh dibuat. Ia hanya memerlukan kita rajin sedikitlah untuk bekerja. Untuk menentukan kita kena buat keputusan.

Persoalannya, ialah apakah kita berani membuat keputusan ataupun tidak? Kalau katakan "ya", ya. Kalau katakan "tidak", tidak. Kalau kita kena rujuk kepada pegawai, rujuklah kepada pegawai berkenaan. Saya beri contohlah, kadang-kadang kita ada tender prosedur. Jawatankuasa Tender telah membuat keputusan memperakukan mana-mana syarikat. Selepas itu kita kepada ketua jabatan untuk perakuan. Masalahnya kalau sudah jelas ada perakuannya, dia tidak boleh "KIV" lagi, ia "*In*" or "*Out*". Kalau kita tidak bersetuju, kita minta maklumat, kita kata "*Out*" sahaja. Apakah perlu "KIV" ataupun tidak? Pada pandangan saya ini perlu dikajilah dengan sebaik-baiknya oleh pihak-pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, inilah tiga perkara yang saya sentuh secara ringkas...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Okey terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seingatan saya perkhidmatan kerajaan pernah melahirkan tokoh seperti Datuk Hasan Ibrahim. Semua orang ingat dahulu. Kalau ada jabatan kerajaan yang bermasalah yang dikaitkan dengan rasuah ataupun tidak efisien, kerajaan hantar Datuk Hasan Karim ini.

Seorang Ahli: Hassan Ibrahim.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Hasan Ibrahim, minta maaf ya, Datuk Hasan Ibrahim. Jadi, adakah negara kita pada hari ini ketandusan tokoh-tokoh yang seperti ini? Yang saya rasa boleh menyelesaikan banyak masalah. Masalah-masalah yang bertindih, masalah yang tertangguh, jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang pandangan saya?

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kita banyak *talent*, bakat dalam kakitangan kerajaan. Masalahnya bagaimana kita menempatkan orang yang ada bakat ini dalam jawatan-jawatan yang tertentu? Ini penting sama sekali, kerana setiap individu itu ada kelebihan, ada kekurangannya. Kerana seorang ketua jabatan itu, dia bukan sekadar menjadi ketua. Dia kena ada kepimpinan. Dia kena ada *leadership*. Dia sanggup untuk membuat keputusan.

Saya perhatikan apa yang berlaku ialah banyak perkara ini terlalu banyak pertimbangan sehinggakan tidak ada keputusan. Terlalu banyak lawatan kadangkala. Saya tengok kalau kita ada projek di kampung, misalnya. Saya tengok satu projek itu, empat, lima kali kakitangan untuk melawat, memeriksa. Sedangkan kita sudah tahu, kerana sebagai *good officer*, dia ada *conscience* - *very clear*. Dia mempunyai *judgement*, perhitungan yang baik sama ada projek itu okey ataupun tidak okey.

Tetapi kalau *attitude* kita, masih boleh lagi "*Keep In View*", itu problemnya. Pada saya, kita kena mendapat *talent officer*, yang ada bakat. Yang ada bakat, yang boleh digunakan sebagai satu *flying squad*, jika ada masalah kita arah mereka untuk datang ke situ. Tidak semua sedemikian. Mana-mana pun dalam organisasi politik, organisasi perkhidmatan awam, perniagaan, ada talent yang perlu dicari, dan saya rasa memang ada. Itu sebabnya saya rasa

kita ada proses *grooming process, succession plan*. Tapi kalau soal persaraan ini kita tidak putus, ini mesti timbul masalah.

Apa *motivate* mereka untuk bekerja? Dia kata, si kawan ini kita sambung. Yang ini pula tidak. Apa kelebihannya? *What is the basis, dengan izin, of the renewal of the officer?* Ini penting kepada saya. Kita kena *transparent* dalam hal ini supaya ia memberi motivasi kepada pegawai-pegawai muda, kepada pegawai-pegawai yang ada talent. Kerana kalau kita tidak berbuat demikian, akhirnya mereka merasakan, tidak apalah. Dua, tiga tahun lagi saya akan pencen juga. Jadi saya tidak ada harapan lagi untuk ditingkatkan ke jawatan yang lebih baik. Kalau sudah ada *mood* seperti itu, ada pemikiran seperti itu, dia akan menjadi pegawai biasa sahaja. Akhirnya dia akan memikir apa yang ia akan buat selepas dia bersara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Sekadar itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana ketiga-tiga perkara dapat dikemukakan dengan jelas dan terang dalam tempoh masa 10 minit sahaja. Yang Berhormat Kepong, sila.

11.48 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan perasaan tenang sebelum ribut, *calm before the storm*. Subsidi petrol masih ada, tetapi kenaikan harga petrol menekankan inflasi. Rakyat terasa beban kenaikan harga barang-barang. Kerajaan perlu menunjukkan keupayaannya untuk menyekat inflasi. Perusahaan Malaysia ditutup dengan indeks komposit 922 mata dengan para pelabur menunggu Dasar Automotif Negara, Rancangan Malaysia Kesembilan, dan penggabungan Bumiputera Commerce Holdings Berhad dan Southern Bank Berhad. Selepas guruh dan kilat sabung-menyabung hujung abad yang lalu, semua tumpu kepada dasar yang jelas. Dasar yang jelas yang fokus.

Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat mestilah menunjukkan dasar dan pelaksanaannya yang fokus dan jelas. Kerana tidak cukup masa saya akan buat cadangan dahulu sebelum saya buat perbahasan ini. Perbahasan songsang atau songsong. *[Ketawa]*
[Menyampuk]

Saya mencadangkan supaya kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mestilah mempertimbangkan macam mana kita wujudkan kebebasan media, kerana *the global character of information and communications*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan saya mencadangkan supaya pihak khazanah, pihak itu Kementerian Kewangan dikorporatkan dan mestilah mengemukakan satu laporan mengenai prestasi 77 buah syarikat di bawah kementeriannya supaya kita tahu macam mana syarikat-syarikat ini berjaya ataupun tidak berjaya. Kerana

sesuatu pekerjaan kalau dikerjakan oleh orang yang tidak tahu, nescaya akan rosaklah pekerjaan itu.

Kalau tidak pandai mengkelamai

Bercirit kambinglah kelak,

Dikunyah patah gigi,

Ditelan sembelit.

Saya berharap pihak kerajaan dapat menerangkan sistem amaran awal untuk Tsunami kita sama ada kita dapat kerjasama daripada jiran-jiran kerana kita sendiri tidak dapat itu mengadakan sistem tanpa kerjasama jiran-jiran kita. Saya juga menyeru supaya pihak kerajaan benar-benar melaksanakan 125 cadangan Suruhanjaya Polis termasuk IPCMC. Kalau tidak boleh terima IPCMC seperti sesetengah ahli Parlimen yang menentang dengan keras, saya hendak tahulah sebab apa tidak boleh terima dan kita mesti mempertimbangkan dan memberitahu kepada rakyat mengapa kita tidak boleh terima IPCMC kita.

Seterusnya saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud kerana Rancangan Malaysia ke-8 termasuklah tadi Yang Berhormat bagi Tanah Merah ada sebutkan kegagalan atau kelemahan mereka untuk projek-projek seperti MRR2 kita ini. Patutlah pihak kerajaan mengemukakan satu laporan yang lengkap di dalam Dewan ini untuk menunjukkan mengapa dan bagaimana projek MRR2 ini berlaku dengan siri kesilapan itu.

Saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan terutamanya Dewan Bandar raya Kuala Lumpur mengadakan satu kajian menyeluruh terhadap para penduduk di sekitar Jinjang Utara kerana di Jinjang Utaralah terletaknya tapak pelupusan sampah selama lebih 30 tahun. Kita mesti tahulah macam mana kesan itu toksik ke atas para penduduk dan kerajaan mesti mempertimbangkan sama ada satu jenis pampasan perlu diadakan ke atas kepada para penduduk yang terlibat dengan pusat pelupusan tersebut dan usaha mesti dipertingkatkan untuk memberhentikan semua kilang haram di seluruh negara termasuk di Kepong dan ini ada kilang haram di kawasan industri Pargo, Taman Wangsa Permai dan sebagainya.

Kita hendak menyaksikan satu usaha yang berkesan untuk memberhentikan semua jenis kilang haram ini dan saya berharap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat mengkaji sama ada di bawah Rakan Muka Akademi Penerbangan 'Youth and Sport Experimental Air-craft Association' (YSEAA) di Mantin sama ada ini sah diiktiraf oleh pihak kementerian ataupun sudah berlakunya skandal ataupun penipuan ke atas orang ramai kerana satu latihan sebagai juru terbang, yurannya RM127,455 seorang. Ini memang satu yuran yang mahal dan saya hendak tahu sama ada YSEAA ini diiktiraf ataupun digalakkan oleh pihak kementerian.

Kemudian mengenai Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan. Kita perlu mempertingkatkan usaha untuk memulihara warisan semua kaum di negara ini kerana dengan

ekonomi dan masyarakat yang asyik kepada pengguna, *economy driven by consumerism* dan memang kita warisan-warisan kepada Jawi akan hilang sama sekali.

Ikan haruan memakan anak,

Anak mati ditelan lisan,

Biar mati anak,

Jangan mati warisan.

Kita mesti tingkatkan usaha untuk memulihara warisan

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Suruhanjaya Tenaga, nampaknya TNB sekarang lebih besar daripada Suruhanjaya Tenaga. Saya berharap pihak kementerian Tenaga dapat mengkaji sama ada Suruhanjaya Tenaga masih berfungsi dan ini mengenai bil-bil meter yang didakwa diusik dan sebagainya. Beribu-ribu orang menerima bil-bil dengan jumlah yang besar dan perlu dibayar. Pihak Suruhanjaya Tenaga mestilah bekerja kuat untuk mengatasi masalah ini dan seterusnya saya akan membangkitkan masalah kita semua perlu, berusaha untuk menghapuskan tanggapan *Islamic Fobia* di dunia dan di Malaysia ini. *Islamic* selepas 911 ada *Islamic Fobia* yang lebih dan juga anggapan Kuala Lumpur sebagai transit *center for Islamic terrorist*. Kita mesti hapuskan semua tanggapan ini dan juga kita perlukan satu Majlis antara Agama dan juga *Pluralisme* agama untuk memupuk keamanan, dialog, *selling* persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebutkan mengenai keperluan bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengkaji sama ada kita di negara ini boleh mewujudkan satu suasana yang membenarkan kebebasan media. Bukan kebebasan ala kementerian. Itu cukup dengan perkembangan informasi Global ICT dan sebagainya. Saya setuju bahawa perkara agama yang sensitif seperti kartun terhadap Nabi Muhammad mesti dielakkan. Ada akhbar yang memuatkan berita yang berkaitan dengan kartun ini, ini adalah tidak wajar. Tetapi tindakan kerajaan mestilah adil dan saksama kepada semua pihak. Kalau akhbar *Guang Ming* dihentikan dua minggu, *News Straits Times* dia hanya meminta maaf cukuplah. Jadi ini memang dunia luar melihat satu tindakan yang berbeza dan inilah media memuatkan berita dan cerita yang indah. Kadang-kadang indah khabar dari rupa. Berita yang menggalakkan adalah termasuk 56 *Special Malaysian Assistant Rescue Team (Smart)*, ini memang kita menggalakkan. Kita kagum, kita gembira kerana pergi ke Kampung Guinsahugon di Southern Leyte. Philippine kerana pada 17 Februari 2006...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya tertarik dengan kenyataan daripada Yang Berhormat bagi Kepong menandakan prihatin beliau berkaitan dengan perkara siaran dalam sebuah majalah menghina Nabi Muhammad s.a.w. Saya kira bahawa kebebasan akhbar ini mesti ada hadnya,

mesti ada sempadan. Bagi saya yang beragama Islam dan bagi kami yang beragama Islam, kami menghormati Nabi Musa, Nabi Isa dan dalam Islam sekali-kali tidak membenarkan kepada penduduknya menghina mana-mana Nabi.

Nabi orang Nasrani, Nabi orang Yahudi, Nabi Musa, Nabi Isa dalam ajaran Islam ini diajar supaya mengatakan [*Menyebut dalam Bahasa Arab*]. Dalam Islam ini tidak dibenarkan melukis wajah Nabi walaupun dalam keadaan elok kerana dia menurunkan martabat apalagi majalah-majalah ini melukis dengan gambar kartunnya yang begitu buruk, dan saya sendiri melihat bagaimana buruknya wajah Nabi Muhammad s.a.w yang dilukiskan melalui kartun. Apakah Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju dengan pandangan saya iaitu kita yang berada di negara kita ini yang terdiri daripada berbilang bangsa, berbilang agama supaya kita masing-masing menghormati. Dan, saya juga berdiri pada pagi ini meminta semua agama menghormati agama selain daripada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini saya fikir tidak.....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, soalan saya apakah,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadilah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak apa. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju bahawa masing-masing menghormati setidaknya tidak menghina. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekejap lagi saya akan membahaskan dengan lebih teliti keperluan untuk mengadakan satu persefahaman iaitu peka kepada perbezaan anggapan dalam agama kita dan saya setujulah kita mesti hormati semua agama yang mempunyai rituals, *sacramental*, *basis* dan sebagainya yang berbeza, kita mesti menghormati.

Dan, saya memang tidak setuju dengan siapa sahaja, media yang menyiarkan seperti kartun terhadap Nabi Muhammad itu tidak betul, kita mesti sensitif, peka kepada hal seumpama ini sebab itulah di negara ini saya hendak mencadangkan lagi mengenai kita mesti menggunakan informasi moden kita untuk menyiarkan, untuk menggalak persefahaman seumpama ini. Dan memberitahu kepada semua umat, semua penganut agama-agama di negara ini dan juga di dunia perkara-perkara yang sensitif yang tidak patut disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengucapkan syabas kepada SMART kerana dapat membantu orang di luar negara kita, kita mestilah mempertingkatkan perkhidmatan SMART ini dengan meningkatkan dedikasi mereka dan tahap profesional yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang menduduki tangga kesembilan dalam senarai 30 negara yang memiliki syarikat mencatat prestasi pertumbuhan tinggi, *Super Growth Index 2006* dan saya berharaplah oleh itu *IBOS Grant Thornton 2006*. Duli Yang Maha Mulia bertitah mengenai sistem pendidikan bertaraf dunia termasuk pengajian tinggi, peruntukan pendidikan

merupakan 20% daripada bajet Persekutuan iaitu RM26.7 bilion daripada RM136.7 bilion. Memang ini semua adalah ke arah yang betul.

Tetapi kita mestilah berhati-hati agar tidak terpedaya kerana mendengar baik sahaja kerana mendengar bunyi. Kadar kebebasan akhbar wajib dikaji semula dan itulah saya berharap di pihak kerajaan memang mengambil perhatian mengenai hal yang saya sebutkan tadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *we believe in being free of inequalities and constraints that include the constraints of authoritarianism in all its forms. This would need the independent transformation of both state and civil society. There must be room for the articulation, expression and mediation of difference. There must be the right of dissent. We persist to struggle against totalitarianism, economic inequities and social injustices.*

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *one of the great inequities is the long term mismanagement of some of the government linked companies (GLC's) such as the Malaysian Airline Systems, the Finance Minister Incorporated (MKD) was set up in 1945 under the act of the same name by 31st December 2002, the government had invested through MKD totaling RM12.26 billion in 77 companies, the most prominent of which is the Malaysian Banking Berhad (Maybank). MKD has Khazanah Nasional Berhad with a paid-up capital of RM5.4 billion and total assets RM36.871 billion. Khazanah controls 57 companies, the main ones being Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Bumiputera Commerce Holdings Berhad, Proton Holdings Berhad, UEM World Berhad and MAS.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

The scandal of APs, the precarious position of Proton and the saga of MAS continue to attract attention. I hope the new CEO, Idris Jalal dapat memperbaiki keadaan dan dengan kewibawaannya dapat menyelamatkan MAS kita. The government must present in Parliament reports of MKD and Khazanah on the performance of these companies including the reasons for the success and failure.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah pusat pelupusan sampah sarap kita ini dengan ringkasnya di Jinjang Utara sekarang pada 15 Mac tahun ini sudah ditutup. Saya masih memantau sama ada ia benar atau tidak benar kerana diumumkan menutup banyak kali sudah. [Disampuk] Saya tidak tahulah diumumkan berapa kali lagi sebelum dia ditutup dengan sebenarnya. Dan, sekarang *chemical oxygen demand (COD)* untuk 'leach' itu, air, sampah sekarang ada 5,162 miligram satu liter, yang normalnya 100, *biochemical oxygen demand* 1,120 miligram per liter, normal 50. Ini bermakna BOD ataupun *chemical oxygen demand (COD)* sudah lebih 50 kali lebih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kena gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Eh macam, saya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan bahawa sebelum saya gulunglah Tuan Yang di-Pertua, di sini kita perlu adakan satu majlis antara agama yang boleh diterima oleh JAKIM, oleh Peguam Negara, oleh semua pihak, semua agama. Dan, saya diberitahu bahawa ada sesetengah orang tidak puas hati kalau kita adakan majlis antara agama, kita mesti adakan kerana kes *Moorthy* menunjukkan kita menimbul masalah, masalah pemelukan agama, masalah muafaf.

Walaupun kita tahu di dalam konsep Islam memang ada mempunyai nilai-nilai yang murni seperti yang termaktub di dalam Al-Quran dan Sunah, *the concept of human right are existence in both civil and Islamic law concepts though with some fundamental differences as to the objectives and nature of those rights, vis-a-vis the human position in the world, it is obviously shown.* Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *that Islamic concepts of human rights are more genuine and closer to the truth of human rights is due to the fact that Islam perceives human rights more as a tool towards most ultimate objectives of human life that is to serve almighty Allah's will.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, memanglah. Kalau nak bagi semua orang nak cakap banyak, tetapi masa tidak cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita mesti adakan satu majlis antara agama. Semua pihak termasuk DAP, kita mesti berusaha untuk mengikis tanggapan terhadap *Islamic phobia* di negara kita dan juga mengikis semua persepsi KL sebagai "*transit center for the Islamic terrorist*" dan kita mesti wujudkan satu pluralisme agama (*religious pluralism*) *not exclusivism and not inclusivism, religious pluralism* untuk keamanan, dialog, saling persefahaman di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Langat.

12.11 tengah hari

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap sebagai ahli *backbencher* buat julung-julung kalinya...*[Tepuk]*...setelah sekian lama berada bersama rakan-rakan saya dalam pentadbiran dan juga dalam Kabinet. Saya menjunjung kasih di

atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Baginda.

Bersama saya pada hari ini adalah seramai lapan orang ahli-ahli daripada Persekutuan Pengakap Malaysia yang diketuai oleh Kolonel Profesor Datuk Dr. Haji Kamarudin bin Haji Kachar, Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Malaysia dan Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Wanita, Hajah Juriah binti Shahrudin. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang ini nampaknya Yang Berhormat jadi Ketua Pengakap, ya? *[Ketawa]*

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini bahawa saya telah dilantik sebagai Ketua Pengakap Negara (KPN) oleh Yang di-Pertuan Agong selaku Penaung Utama Persekutuan Pengakap Malaysia pada awal tahun ini. Surat watakah ini telah ditandatangani oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu serta oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Sebagai seorang pengakap, Persetiaan Pengakap memang lekat di hati saya. Saya akan buat *role model* pada hari ini; “Bahawa dengan sesungguhnya saya berjanji dan bersetia yang saya dengan seberapa daya upaya saya akan taat kepada Tuhan, Raja dan negara. Menolong orang pada setiap masa menurut undang-undang pengakap. Dengan izin, *on my honor, I promise that I will do my best to do my duty to God, King and country to help other people all the times to obey the scouts law*”.

Kalau kita lihat dari segi agama pun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam tak nak pergi sebelah sini saja, Yang Berhormat. *[Sambil menunjuk ke arah sebelah kanan Dewan]*.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: *[Ketawa]*. Insha-Allah, *I'll come back*. Daripada segi agama pun, taat kepada Tuhan, Raja dan negara, “Bismillah-hirahman-nirahim... *[membaca ayat Al-Quran]* Maksudnya, taat kepada Allah, taat kepada Rasul dan taat kepada pemerintah di kalangan kamu. Menolong orang pada setiap masa, *[membaca ayat Al-Quran]*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *[Menyampuk]*.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Dan menurut undang-undang pengakap kita memang ada rel-rel dan undang-undang untuk kita lalui. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Awal lagi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pengakap Negara. Tahniah diucapkan kerana dilantik oleh Duli Yang Amat Mulia.

Yang Berhormat bagi Kuala Langat, saya pernah menganggotai pengakap kanak-kanak atau dulunya dikenali sebagai “Anak Serigala”. Baguslah sudah ada perubahan itu, “Anak Serigala” kepada pengakap. Nampaknya azam Yang Berhormat begitu tinggi, sedarkah Yang Berhormat hari ini, mungkin sebelum Yang Berhormat memegang jawatan sebagai Ketua Pengakap Negara, pengakap negara kita menghadapi satu kemelut sehingga walaupun mereka dilindungi di bawah Akta Parlimen, mereka gagal untuk mengadakan mesyuarat agung.

Jadi apakah azam Yang Berhormat kerana mesyuarat agung inilah *the leadership drive* ini yang akan membawa kepada kecemerlangan pengakap satu hari nanti. Apa komen Yang Berhormat tentang ini? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih di atas harapan itu. Saya akan bersama-sama dengan Pesuruhjaya Pengakap kerana AGM ini akan diadakan dua tahun sekali dan selepas itu kita akan mengorak langkah dan kita harapkan Rancangan Malaysia Kesembilan, rancangan pengakap juga akan mengikut selari ke arah itu. Apabila Rancangan Malaysia Kesembilan mengadakan *mid term review* dia, strategi pengakap juga akan mengadakan *mid term review* nya, Insya-Allah.

Statement of problem - Permasalahan yang kita hadapi sekarang ini, negara kita yang dikasihi telah jauh menuju ke hadapan dalam pelbagai bidang. Namun demikian untuk memantapkan lagi pembangunan yang dicapai selama ini, kita perlu mewujudkan rakyat Malaysia yang bersih dan amanah, yang adil dan beretika, ramah mesra dan juga bersatu padu. Unsur-unsur ini adalah penting untuk meningkatkan jati diri kita, ketahanan dan perwatakan rakyat Malaysia agar membantu mencapai matlamat mewujudkan negara yang cemerlang.

Generasi belia merupakan sumber terbesar dalam negara kita yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan, kemajuan, dan juga kemakmuran negara. Di sini saya ingin menekankan kepada Titah Yang di-Pertuan Agong bahawa terdapat 12 juta rakyat golongan muda di bawah umur 40 tahun di negara kita ini. Selanjutnya Tuanku juga bertitah bahawa sebagai rakyat pelapis, mereka harus dihindari dari gejala negatif dan untuk ini pelbagai latihan dan bimbingan akan diberi. Keupayaan kita menggembelng tenaga belia akan menentukan hala tuju ke arah mencapai Wawasan 2020, dengan ini pembangunan belia perlu diberi tumpuan khusus ke arah mewujudkan dan menjayakan wawasan pembangunan negara kita.

Golongan belia yang mapan dalam akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri adalah amat perlu untuk menyumbang secara positif ke kecemerlangan dan mengukuhkan ekonomi serta masa depan negara kita. Semua pihak mempunyai harapan yang tinggi terhadap belia sebagai modal insan yang penting, berperanan sebagai penggerak utama dalam memastikan

kesinambungan tamadun. Walau bagaimanapun gambaran yang diperolehi mengenai belia masa kini amat tidak menggalakkan. Situasi gawat ini memberi cabaran yang lebih hebat kepada sebarang usaha untuk membentuk golongan muda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Langat. Saya tadi di luar tak sempat masuk bila Yang Berhormat bercerita mengenai pengakap. Saya macam juga Tangga Batu, dulu “Anak Serigala”. “Anak Serigala” dia punya tabik macam ini. *[Sambil mengangkat tangan menabik].*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Ketawa].*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia ada dua, saya tak tahu kenapa macam ini? Dulu ayatnya ialah “dip, dip, dip, buat sehabis baik”.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Ya, dululah, “*We’ll do our best*”.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Something like that.* Yang saya nak tanya begini. Minta penjelasan, kalau Ketua Turus Angkatan Tentera, dia 4 stars, kalau *Field Marshall* sudah jadi 5, ada keris bersilang. Kalau KPN, KPN bukan Ketua Pengakap Negara, Ketua Polis Negara yang saya tahu, baru saya tahu KPN, Ketua Pengakap. Ketua Polis Negara juga ada 4 stars, keris bersilang. Kalau KPN, Ketua Pengakap ini, dia punya pangkat macam mana? Berapa star? *[Ketawa].*

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Kita ada pingat padi, dan di sini kita ada kerawang dan kita memakai baju jaket yang begitu, *[sambil menunjuk ke arah contoh baju pengakap]*, dan juga songkoknya ada *emblem* dan *emblem* itu akan menentukan sama ada biru, ungu (*purple*) dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Putatan bangun, Hendak bagi jalan?

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Oh, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya juga seorang pengakap dan kini memegang sebagai Timbalan Persatuan Bekas Pengakap Negeri Sabah dan bekas Pengakap Agong, Pengakap Raja, dan pernah memegang sebagai Pemimpin Pengakap Kanan. Oleh sebab setahu saya, Ketua Pengakap Negara yang baru dilantik pada awal tahun ini, saya terpanggil untuk minta sedikit penjelasan, anak saya lelaki satu orang sahaja pun dalam Pengakap.

Tapi malangnya kegiatan pengakap di sekolah-sekolah ini kurang mempunyai guru pengakap yang dilatih, terlatih pun tidak ada, apa lagi yang dilatih. Jadi motivasi pengakap-pengakap di sekolah ini langsung tidak pernah dibagi tekanan. Soal bintang-bintang *badges* ataupun lencana-lencana bagi pengakap tidak ada guru yang ada kewibawaan untuk memberi

testing supaya mereka diberi lencana. Jadi apakah rancangan kedua sebagai Yang Berhormat Ketua Pengakap Negara ini? Saya harap dapat penjelasan yang boleh dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada kawasan masing-masing.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat saya sungguh gembira kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat kita bekas pengakap, Pengakap Raja, dan sebagainya. Saya telah pun berbincang dengan rakan saya dahulu Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dan peruntukan telah diberi untuk sama-sama kita bangunkan ko-kurikulum ini.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kita tidak perlu lagi mengadakan untuk mewujudkan *student* yang *examination oriented* dengan izin tetapi *personal oriented*. Dengan itu ko-kurikulum akan mainkan peranan. Selain daripada itu saya teringat juga, bahawa kalau tidak silap saya pada tahun ini kemasukan universiti sepuluh peratus di'faraid'kan siang-siang kepada ko-kurikulum dan 90 peratus baru kita tumpukan kepada akademik. Dengan itu kita hendakkan bahawa manusia ini yang kita wujudkan sebagai satu *holistic*.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih sahabat saya, kami sekali pi menunaikan haji baru ini Tuan Yang di-Pertua.. Seronok pengakap ini, memanglah saya ingat lagi cara kita hendak ikat tali dan sebagainya, tapi bila sudah tua ini lain-lain lupa habis.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Soalan dia Yang Berhormat, saya bersetuju kita bercakap dari segi hendak mendisiplinkan belia-belia ini. Cara kita hendak mendisiplinkan anak-anak sekolah yang ada pada hari ini. Zaman saya Tuan Yang di-Pertua mana boleh pakai *tie* orang susah, zaman sekarang tengok *student* kita pakai *tie* cantik belaka. Kasut pun dahulu kalau hujan ngap-ngap.....

Seorang Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya anak-anak sekolah diwajibkan memasuki pasukan-pasukan beruniform di sekolah. Ini diwajibkan, kerana apabila mereka memasuki pasukan beruniform tidak kira sama ada pengakap, *St. John Ambulance*, ataupun sebagainya di situ disiplin telah dibentuk. Jadi terhindarlah kes buli di sekolah dan sebagainya dan mereka akan ada satu semangat *comradeship*, satu semangat pakatan kuat.....

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Kekitaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: "Kekitaan" itu bahasa baru. Jadi apakah, Seputeh you punya suara macam *record*lah hari-hari main itu lagu mana boleh. Kita pengakap you pun pengakap, kita ketampi you pun ketampi.....

[Dewan riuh dengan ketawa]

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat orang yang berpengalaman ini, supaya kita cadangkan Kementerian Belia dan Sukan, tidak boleh dikecualikan seorang pun budak-budak sekolah, murid-murid sekolah ini daripada memasuki pasukan beruniform di sekolah. Selepas itu macam depa pergi kem Khidmat Negara. Mula-mula dahulu Datuk-datuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mak pak susah, mak pak takut hendak lepaskan anak, tapi bila anak masuk kem Khidmat Negara anak itu balik. Hak lembut jadi keras Datuk, ada yang pi itu lelaki lembut bukan main, balik-balik kem Khidmat Negara itu dia semangat. Jadi ini adalah perubahan yang harus kita buat. Apakah pandangan Yang Berhormat daripada Kuala Langat dan juga KPN iaitu Ketua Pengakap Negara?

[Dewan riuh dengan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Langat hendak bagi jalan kepada pengakap sahaja, nanti Yang Berhormat tidak boleh cakap topik lain. Masa hendak habis.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Ya, saya setuju.....

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rembau bangun, hendak bagi jalan...

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Saya setuju tentang cadangan ini dan kebetulan pula cadangan ini telah menjadi dasar bahawa di sekolah tiap-tiap orang mesti, walaupun *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* tidak ada paksaan dalam agama, tapi untuk kewibawaan masa anak-anak kita akan datang telah dimestikan terutamanya tingkatan empat, tingkatan lima mesti memilih satu pasukan beruniform. Dan ini akan berikan *pathway* atau laluan kepada PLKN di masa akan datang. Permasalahan yang saya hendak bincangkan di sini ialah bahawa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi Rembau, ya Rembau sila....

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat saya pun hendak kongsi pengalaman. Saya pernah jadi tidak sampai *King Scout*, sempat

[Dewan riuh dengan ketawa]

Jadi saya setuju dengan saranan Yang Berhormat itu supaya diwajibkan sebab apa dia memberikan latihan disiplin yang sangat baik dan sebab itulah agaknya dapat jadi wakil rakyat.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Jadi sekarang ini fasal oleh sebab mungkin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya dahulu pengakap juga dahulu sebab itu dapat jadi Timbalan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Fasal isu ini ialah sekarang ini kita terpaksa buat PLKN sebab tidak semua pelajar kita menyertai pertubuhan beruniform ini terutama sekali pengakap. Jadi saya sarankan kepada Yang Berhormat kalau boleh dijadikan sebagai cadangan Yang Berhormat, kalau yang tidak masuk pengakap sekurangnya dia masuk Kadet Tentera ataupun polis. Ini mesti dimestikan, tidak ada pilihan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Saya sangat setuju tentang perkara ini, kita akan menekankan perkara ini supaya menjadikan sahsiah seseorang itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang ini pun pengakap juga Yang Berhormat Pasir Mas, banyak pengakap di sini Yang Berhormat, Santubong juga pengakap Yang Berhormat. Ya Pasir Mas.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat, saya tertarik di awal ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, di mana menyentuh dua tiga potong ayat al-Quran. Jadi yang menarik dan sebagai mukadimah asas yang saya mengucap tahniah kepada Yang Berhormat daripada Kuala Langat. Soalan saya, setelah ayat dibaca *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* barangkali sebagai dasar. Sebagai dasar kepada pengakap itu ataupun kepada negara, saya cadang begitu. Soalan saya iaitu sejauh manakah konsep kepercayaan kepada Tuhan? Disemadikan kepada pengakap-pengakap negara kita, supaya mereka lahir sebagai warganegara dan generasi yang terbaik di zamannya.

Dan apakah program-program yang telah diperkenalkan sebelum dan selepas. Insya-Allah selepaslah..... kerana Yang Berhormat baru pegang saya kira. Apakah program-program agama ke arah kemampatan kepada konsep ketuhanan ini yang telah dikenal pasti dan akan diselenggarakan oleh Pengakap Negara sebagai asas ke arah melahirkan warganegara pengakap yang cemerlang untuk masa depan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat, sebagai contoh saya sendiri. Selepas tiada di dalam Kabinet, hati saya senang. Ada lagu pengakap dahulu kata senang di sana, senang di sini, senang di mana-mana kerana kita bertunjangan kepada tauhid bahawa ini qada dan qadar dan juga hikmahnya. Jadi oleh kerana itu saya rasakan nanti apabila kita membuat latihan-latihan bahawa perkara ini tidak dapat kita pisahkan daripada latihan kerana ini merupakan dasar negara kita, rukun negara kita kepercayaan kepada tuhan itu ialah yang paling atas sekali. Jadi saya berharap bahawa perkara ini akan dapat diteruskan selanjutnya.

Kebimbangan saya ialah mengenai keciciran pelajar merupakan satu masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran bagi sekolah rendah kadar keciciran seramai 20, 560 pelajar bagi kumpulan 1997, 2002. Bagi Sekolah Menengah kadar keciciran adalah lebih kurang 60,413 pelajar bagi kumpulan 1998-2002. Ini bukanlah petanda yang baik terutamanya bila kerajaan menekankan kepada pendidikan wajib selama 11 tahun bagi semua kanak-kanak terutamanya di sekolah menengah, rendah dan sebagainya.

Jadi dari sinilah kita hendakkan supaya keciciran yang tinggi ini di kalangan pelajar lelaki pula itu. Perkembangan ini telah disuarakan oleh penyelarasan tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan wakil tetapi program pembangunan PBB, UNDP, Dr. Richard Lee mengenai fenomena ganjil yang berlaku di negara ini dan juga di negara-negara yang lain iaitu jumlah wanita jauh mengatasi lelaki dalam mendapatkan pendidikan peringkat menengah serta tinggi haruslah diberi perhatian yang serius oleh masyarakat dan kerajaan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Kuala Langat. Isu ini mengenai keciciran pelajar ini memang amat membimbangkan ibu bapa, kerajaan dan semua pihak dan selepas keluarnya keputusan peperiksaan SPM, STPM penyediaan ke IPTA cuma lebih kurang 20 peratus daripada yang memohon. Jadi apakah Yang Berhormat, mempunyai mekanisme ataupun yang disarankan kepada kerajaan bagaimana menangani isu seumpama ini, apakah pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki IPT ini, hala tuju mereka adakah mereka dibiarkan begitu atau ada jalan yang lain yang disediakan oleh kerajaan termasuk mungkin mengenal pasti IPTA dan IPTS di negara kita yang sedia ada dan mereka ini dipanggil untuk *upgrade* ataupun memartabatkan IPTS mereka supaya diiktiraf oleh kerajaan dan juga oleh mana-mana pihak sebab memang ramai IPTS di negara kita tetapi tidak diiktiraf ataupun kurikulum pendidikannya tidak begitu sampai ke tahap yang disasarkan oleh kerajaan dan akhirnya mereka yang pergi ke IPTS tersebut secara persendirian apabila keluar tidak akan mendapat apa-apa layanan sebab kelulusan mereka tidak diiktiraf, minta pandangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Oh sudah gulung sudah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Selepas ini saya tidak bagi lagi. Sebenarnya kalau kita tengok dari segi psikologi budak perempuan ini dia bagus segi *cognitive*. Jadi bila dia baca dia dapat, dia periksa, dia lulus terus masuk universiti. Budak lelaki ini dari segi psikologinya, dia bagus dari segi *psycho* motor, itu sebab dia punya tangan merayap, merayau sahaja. Jadi oleh kerana itu fenomena ini dapat diatasi dengan dasar bahawa kita mengadakan IKM, ILP, Kolej Komuniti dan sebagainya. Dengan cara itu kita harapkan pihak

lelaki tidak *wastage*, tidak jadi pembaziran tetapi dapat masuk ke peringkat-peringkat ini dan sudahnya akan menjadi rakyat yang berguna.

Kalau kita lihat pemuda-pemuda Tuan Yang di-Pertua, kita adalah tunggak negara...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua, Kuala Terengganu.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Kuala Terengganu, oh ya, saya tinggal sedikit sahaja masa, sila.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon izin, mohon sedikit penjelasan sebentar tadi Yang Berhormat Kuala Langat telah menyentuhi perkara yang cukup penting iaitu tentang keciciran sama ada di sekolah rendah ataupun di peringkat menengah tadi. Ada satu agenda yang besar di negara maju yang menyebut tentang *no child left behind*, tidak ada pelajar-pelajar dan anak-anak yang tertinggal di belakang. Mereka benar-benar serius malah ada satu agenda yang besar, mereka melihat pendidikan itu sebagai sekuriti agenda *of the first order* ertinya sebagai satu agenda keselamatan negara sebab untuk *survivor* dan dunia yang penuh persaingan itu pendidikan adalah merupakan keutamaan. Apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya kita bergerak ke atas itu dalam usaha merangka Rancangan Malaysia Kesembilan dengan penekanan kepada pembangunan modal insan meletakkan pendidikan ini sebagai sekuriti agenda *of the first order*? Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih, sebenarnya apa yang kita perlu *life long learning* ataupun pelajaran sepanjang hayat, kita telah pun menganjurkan supaya beritahu ke peringkat yang paling bawah. Baik JKK, baik orang kampung, baik DO dan terus ke atas. Kalau kita nampak budak-budak berpelesiran di tepi jalan tanpa haluan yang tertentu, kita tarik dia, kita tolak dia, kita masukkan dia ke kolej komuniti supaya dia menjadi rakyat yang berguna. Kita katakan tidak ada dolak-dalik lagi dalam perkara ini kita mesti maju ke hadapan modal insan adalah penting untuk kemajuan negara.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sila habiskan ucapan Yang Berhormat ...Yang Berhormat hendak beri jalan?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap ya? Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat tadi mengatakan tentang keciciran di peringkat sekolah menengah dan saya dapati tujuan penubuhan kolej komuniti itu adalah membantu mereka yang tercicir dari sekolah tetapi apa yang berlaku malangnya kolej komuniti itu gagal memainkan peranan dan malahan apa tempat yang dibekalkan itu nampak tidak ada wang pun berminat untuk belajar. Di Banting sendiri pun saya nampak ILP ada kapasiti 1, 800 tetapi yang belajar 180 apatah lagi kolej komuniti yang berlambak di tempat-tempat lain. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat

mengenai kekusutan ini? Apakah cara yang boleh kita gunakan untuk membolehkan mereka yang

gagal dalam SPM atau tidak belajar di peringkat menengah untuk meneruskan sekurang-kurangnya dapat latihan dari segi vokasional dan teknikal? Minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Kita ada mengatakan tentang kolej komuniti sebagai hub untuk pelajaran hayat dan kita hendakkan supaya orang-orang yang hanya lulus satu atau dua mata pelajaran boleh membaca, boleh mengira, boleh masuk ke kolej komuniti. Kolej komuniti ini ada dua, satu untuk anak-anak kita yang tidak berupaya untuk pergi IPTA dan IPTS dan satu lagi untuk komuniti yang berkenaan. Saya sungguh tertarik apabila saya pergi ke Kuala Terengganu baru-baru ini, saya tengok ada kakak kita yang agak lanjut usia. Saya bertanya kepada kakak ini datang sini buat apa, hantar anak kah hantar cucu? Katanya tidak. Dia belajar, saya kata belajar apa? Dia kata, hari-hari cucunya marah pada dia buat lempeng, lempeng pisang kalau cakap orang putih *pancake*. Tetapi dia kata, dia hendak buat pizza, dan dia belajar di kolej komuniti. Ada perempuan-perempuan daripada dan wanita-wanita kita masuk ke kolej komuniti. Saya tanya hantar adik kah, hantar kakak kah, dia kata tidak tetapi belajar Bahasa Inggeris. Bila saya tanya dia, *how are you? Fine thank you*, bagus dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Jadi oleh kerana itu kita tengok pendaftaran di pusat serenti sampai 33,000 orang dan sebagainya apakah cara kita hendak mengatasi *the statement of the problem*, apa masalah yang saya katakan tadi. Salah satu daripadanya ialah masuk Pengakap. Jadi saya ada di sini, pertamanya program latihan Pengakap Kanak-kanak, ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi Serigala, sekarang kita sudah ada.

Keduanya program latihan Pengakap Muda. Ini daripada sekolah menengah, program Skim Latihan Pengakap Remaja. Ini adalah Pengakap Laut dan Pengakap Udara serta selepas itu kita ada Pengakap Kelana (*rovers scout*). Jadi, Yang Berhormat tadi ada menyatakan tentang Pengakap Raja. Cita-cita saya dan bayangan saya apabila ada Majlis Raja-Raja bersidang di Kuala Lumpur dengan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar, kita hendakkan kalau boleh Pengakap Raja atau *King Scout* ini akan diserahkan oleh yang Mulia Agong sendiri kerana pengakap itu disaksikan oleh semua Raja-Raja Melayu.

Dan pengharapan saya, *last* sekali pengharapan saya ialah pertamanya kepada rakan saya di Kementerian Pelajaran supaya kita dapat mempertegaskan lagi, mengawet mudakan aktiviti Pengakap ini kepada Kementerian Belia dan Sukan. Kita harap peruntukan akan dapat kita adakan lebih banyak lagi aktiviti-aktivitinya. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ramai

bekas-bekas Pengakap kita harapkan nanti dapatlah kita tengok *inconstancy* masing-masing supaya dapat kita ...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Santubong bangun.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:... pergiatkan lagi aktiviti Pengakap ini di tempat masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beliau pun Pengakap juga itu.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak mahu ganggu tadi Ketua Pengakap yang sedang bercakap. Saya sebagai Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak, bahkan boleh dikatakan *the most decorated* Pengakap di seluruh Malaysia...*[Dewan menjadi riuh seketika]* *Actually I am one of the recipient of Philipines Pengakap Award dan Indonesian Pengakap Award.*

Beberapa ahli: *[Menyampuk]* Woo!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dan juga *The only Member of Parliament in Malaysia attending World Scout Parliamentary Union* dua kali berturut-turut *[Tepuk]*.

Persoalan saya ialah satu sahaja, satu sahaja. Macam mana hendak mengatasi Kementerian 'Pendidikan' yang menganaktirikan pengakap. Selama ini dikatakan mesti diwajibkan mengikut ko-kurikulum yang beruniform tetapi malangnya guru tidak dilantik, apa sahaja guru yang dilatih oleh pihak maktab-maktab dihantar ke sekolah tidak dilantik menjadi guru pengakap dan apabila aktiviti-aktiviti pengakap hendak diadakan dan dianaktirikan dan tidak diberi keutamaan oleh guru-guru dan sekolah-sekolah dan ini adalah masalah yang besar. Kenapa pengakap tidak diperkasakan di peringkat sekolah, jadi agenda Yang Berhormat sendiri, saya hendak tanya inilah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat jawab terus dan habiskan ucapan selepas ini tidak mahu lagi sudah.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi berjumpa dengan rakan-rakan saya iaitu menteri-menteri yang telah diperkatakan itu untuk membuat satu *persuasion* supaya perkara ini dapat kita atasi. Saya juga akan pergi bersama dengan Pesuruhjaya Pengakap ke tiap-tiap negeri berjumpa Duli Yang Maha Mulia Sultan, untuk menerangkan apakah aktiviti-aktiviti kita di peringkat negeri-negeri. Saya juga meminta kalau boleh bahawa semua Ahli-Ahli Yang Berhormat akan balik ke kawasan masing-masing untuk menggerakkan kembali pengakap kita. Kalau kita kata Yang Berhormat tadi, *World Scout Parliamentary Union*. Kita minta kalau boleh nanti, *World Scout Parliamentary*

Union ini akan diadakan di Malaysia dan kita harap semua bekas-bekas pengakap *once as a scout is always a scout*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat. Sila Puchong.

12.42 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di sini sebelum saya ingin memulakan perbahasan saya, saya ingin ucap tahniah kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Inilah semangat yang kita perlu, dahulu dia adalah ahli dalam Kabinet tetapi sekarang dia jadi *backbencher* tetapi semangatnya masih ingin untuk berkhidmat untuk rakyat tetapi dengan *divert* kapasiti, tahniah Yang Berhormat. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas mengenai titah Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa yang saya ingin bahas ialah di peringkat 8 di mana Sri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, telah menyatakan bahawa untuk memperoleh pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan dan peningkatan daya saing, produktiviti dan juga kecekapan amatlah penting dan di sini juga beliau telah menyatakan, Tuanku juga menyatakan bahawa sektor swasta ataupun adalah sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi dengan pelaburan dalam teknologi terkini sumber manusia dan juga penyelidikan. Akhir sekali, Tuanku juga menyatakan bahawa penerokaan pasaran baru di luar dan di dalam negara haruslah diterokai. Ini telah menunjukkan bahawa Tuanku adalah sangat-sangat prihatin kepada pertumbuhan ekonomi dan juga cara-cara memperkembangkan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengembangkan satu isu iaitu mengenai peranan sistem ataupun sektor kewangan dan juga perbankan negara kita kerana pendek kata sistem perbankan ataupun sektor kewangan kita yang berkesan adalah sangat penting kerana keberkesanan dan hala tuju yang strategik, sektor-sektor ini yang merupakan tunjang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dalam keadaan dunia yang berubah-ubah ataupun mencabar ini. Tetapi sektor perbankan khususnya di peringkat tempatan ini walaupun kita melalui banyak evolusi dan juga rancangan dasar-dasar yang tertentu tetapi sampai hari ini, bagi saya masih banyak ataupun kita boleh *room for improvement* dengan izin.

Selepas kemelut ataupun krisis kewangan pada tahun 1997 dan 1998, Kerajaan Pusat telah menubuhkan Danaharta dan juga Dana modal untuk menyelamatkan bank-bank tempatan yang mempunyai masalah. Tetapi hari ini adakah mereka ini membalas budi kepada kerajaan yang mempunyai banyak dasar-dasar ataupun perancangan-perancangan yang tertentu untuk memperkembangkan ekonomi. Sebagai contoh, dari segi perkhidmatan pelanggan yang

biasanya, sepatutnya lebih mesra dan juga berproduktiviti, tetapi apa yang berlaku sekarang ini adalah sangat-sangat menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi satu, dua contoh bagaimana sektor ini masih mempunyai mentaliti yang lama iaitu mentaliti yang mana kalau seseorang peminjam datang ke bank untuk meminjam, ini bermakna peminjam itu ada masalah ataupun mempunyai kesusahan. Maka, mentaliti mereka ialah untuk menolong mereka tetapi dengan cara-cara yang lapuk ataupun cara-cara yang tidak *up-to-date*. Sebagai contoh, saya ada seorang kawan, seorang peminjam, yang ingin untuk mendapatkan satu pinjaman perumahan dan beliau telah pergi ke tiga bank tempatan untuk meminta permohonan dan sebagainya.

Dia telah mengambil masa lebih daripada satu bulan untuk menjawab jawapan ataupun memberitahu apakah keputusan bank tersebut atau daripada bank tersebut. Tetapi pada masa yang sama, di minggu yang ketiga beliau telah berbincang dengan saya dan saya juga memberi satu, dua pandangan bagaimana kita cuba dengan bank asing. Saya tidak mahu beri nama bank itu. [Disampuk] Dalam kurang daripada lapan hari kerja, *working days*, bank asing ini telah memberi jawapan pinjaman sekian ini, tidak berjaya. Tetapi pinjaman daripada bank tempatan itu masih belum ada jawapan. Di manakah ada silap kita? Ini adalah satu pinjaman perumahan di mana kita boleh *charge* rumah itu kepada bank tertentu.

Maksud saya ialah pinjaman ini adalah satu pinjaman yang selamat dan ini telah menjadikan satu contoh bagi saya di mana kecekapan dan juga produktiviti bank-bank tempatan ini harus dipertingkatkan. Kalau kita betul-betul ingin menyahut apa yang telah dirancang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan saya akan berbincang secara lebih mendalam sejurus ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh, kalau kita lihat untuk melihat apakah tahap kecekapan operasi sesuatu bank, bank tempatan dan juga bank di luar, kita ada dua *indicator* ataupun dua *indicator* yang sangat-sangat penting iaitu pulangan kepada aset dan juga pulangan kepada ekuiti. Menurut satu laporan daripada Bank Negara pada tahun 2003, secara puratanya pulangan kepada aset oleh bank-bank tempatan iaitu lebih kurang 1.2%. Tetapi untuk bank-bank asing yang berjumlah 13 di negara ini adalah lebih kurang 1.5%. Ini secara peratus. Tetapi yang paling saya terkejut ialah pulangan kepada ekuiti, *return on equity*. Untuk bank-bank tempatan yang secara purata ialah lebih kurang 13% tetapi pada tahun yang sama iaitu 2003, secara puratanya bank-bank asing ini kecekapan operasinya pulangan kepada ekuiti adalah lebih kurang 23%. Iaitu perbezaan 10%. Ini bermakna, di manakah kecekapan kita, keberkesanan kita walaupun kita ini mempunyai cawangan-cawangan yang besar.

Sebagai contoh, di akhir tahun 2003 ini, jumlah cawangan-cawangan untuk bank-bank tempatan kita berjumlah lebih daripada 1,500, lebih *exact* 1,502, tetapi cawangan-cawangan untuk bank-bank asing ini hanya 182. Tetapi mereka boleh mendapatkan pulangan-pulangan yang tinggi terhadap aset ataupun ekuiti. Ini satu perkara yang kita mesti lihat bagaimana kita

hendak memperkembangkan industri ini. Pada masa yang sama, saya juga memberikan serba sedikit pandangan saya mengenai tahap kepakaran dan juga kemahiran sumber manusia di antara bank asing ataupun dengan bank tempatan kita. Yang Amat Berhormat kita selalu menyatakan bahawa kita mesti menuju satu ekonomi yang berasaskan pengetahuan ataupun *knowledge economy* dan kita mesti memperkembangkan sektor ICT melalui MISC dan kita mesti memberikan satu dasar pemodenan pertanian. Ini telah memberi satu *indicator* kepada bank-bank tempatan.

Sebagai contoh, untuk perkembangan ICT atau MSC ini, memang ada banyak cadangan bagaimana untuk menyahut seruan daripada Yang Amat Berhormat ini mengenai bagaimana kita boleh mengembangkan sektor ini melalui dana-dana tertentu. Tetapi sebagai contoh, bila kita bincang ataupun cakap dengan ICT ataupun perkembangan MISC ini, ada banyak pihak memberikan bahawa *venture capital* atau VC, kita mesti teruskan. Saya hendak tanya, berapa jumlah ataupun berapa komitmen yang telah *dicommitkan* oleh bank-bank tempatan setakat ini untuk mendorong kerajaan mengembangkan MSC di masa-masa yang akan datang. Bagi saya, ini adalah satu perkembangan yang tidak menggalakkan.

Sebagai contoh, kalau kita bandingkan dengan negara lain, kita tahu bagaimana *Microsoft* pada tahun 1975, dia berkembang. *Bill Gates* bila dia *study* di *Harvard University*, tahun kedua dia tidak mahu belajar, dia keluar untuk mencipta MS DOS, *Microsoft Operating System* dan hari ini *Microsoft* merupakan sebuah syarikat *software* yang paling besar sekali. Bagaimana dengan di *Yahoo* ataupun dahulu dianggap *Netscape*. Semua ini adalah kerana kerjasama ataupun pertolongan daripada sektor perbankan yang boleh memberikan *venture capital* ataupun pihak-pihak tertentu seperti bursa saham di New York ataupun di *Nasdaq* ini. Tetapi adakah kita di negara Malaysia ini menjurus ke arah ini. Sekarang ini kita tahu, sebagai contoh di negeri China, di Xiamen. Xiamen ini merupakan satu pusat *out sourcing* kepada perkembangan dan juga pembangunan perisian untuk MSC-MSC negara Jepun. Mereka ini dapat dikembangkan kerana ada pertolongan ataupun sokongan daripada bank-bank tertentu.

Kalau kita lihat di India, di Banglore, hari ini kita merupakan satu *out sourcing center* yang paling berjaya di dalam dunia. Ini juga adalah berkembang ataupun pertolongan daripada bank-bank tertentu ataupun sektor-sektor awam tertentu yang mendorong star lab-star lab tertentu, yang memberikan banyak pertolongan dan sebagainya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun. Cameron Highlands.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Dan, star lab.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:..... yang paling *prominent* ialah *Infosys*. Hari ini telah disenaraikan di bursa saham di New York. Ini adalah satu contoh di mana kita mesti

mengubah mentaliti dan juga pendedahan kita untuk menolong kerajaan memperkembangkan lagi perniagaan ataupun membangunkan ekonomi kita. Ya, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Saya ingin penjelasan, ya. Perniagaan *out sourcing* merupakan satu-satunya yang begitu popular sekarang dan negara India telah mencapai tahap yang begitu tinggi dalam proses ini, berbilion-bilion ringgit keuntungan. Daripada interaksi saya dengan beberapa syarikat dari India, saya dapati bahawa mereka juga ingin mencari sebuah negara lain di Asia Tenggara untuk menjadi pemangkin kepada *out sourcing*. Bererti, syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat dan Eropah dan negara-negara Barat, mahu mencari sebuah negara lain yang ada tahap kestabilan dan politik, keupayaan bahasa Inggeris dan keupayaan teknologi untuk juga diletakkan sebagai *out sourcing center* selain dari India. Banyak syarikat India ingin membuka *out sourcing center* di Malaysia.

Salah satu kekangan yang dirasakan adalah kerana birokrasi kita dan ketidakupayaan mereka yang terlibat dalam pelbagai agensi untuk menangani dan mengenal pasti kekuatan *out sourcing* ini. Saya minta penjelasan kenapa ini terjadi di Malaysia walaupun ekonomi itu begitu menunggu untuk kita dari segi *out sourcing*?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Memang saya setuju. Walau bagaimanapun, negara kita pun saya ingat setakat ini kita menduduki tempat yang keempatlah dari segi *out sourcing*. Saya bersetujulah apa yang telah dicadangkan selain daripada kemudahan-kemudahan kewangan yang senang diperolehi, *delivery system* kita dan juga dasar-dasar kita, sepatutnya kita melihat secara lebih global lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemelut, dengan semua mentaliti yang lama ini, di sini saya akan bercadang kepada kementerian, khususnya Kementerian Kewangan. selepas banyak pertolongan dan juga banyak sekatan daripada bank-bank tempatan dan juga bank-bank asing, kerana kita telah memberikan banyak sekatan sejak 1974 di mana bank-bank asing ini tidak boleh membuka cawangan-cawangan yang tertentu, yang lebih. Tetapi bank-bank tempatan ini kita memberikan *free hand*, dan sehingga lebih dalam 1,500 cawangan. Tetapi apakah kecekapan dan juga apakah sumbangan mereka kepada pembangunan negara?

Di sini saya cadangkan selaras dengan proses globalisasi. Kita mesti membuka sektor bank-bank ini kepada pelabur-pelabur asing ataupun daripada bank-bank asing. Caranya ada banyak cara. Kita boleh dari segi *equity, participation*, dengan izin. Setakat ini saya tahu bank-bank komersial di negara kita ini, untuk pelabur asing boleh memiliki sehingga maksimum 30%.

Apa kata kita *open* sehingga 49% ataupun kalau kita berani lebih, kita *open*, lebih daripada 50% ataupun kita memberikan peluang kepada bank-bank asing supaya mereka boleh membuka lebih banyak lagi cawangan, supaya ini memberi satu *competitive environment* untuk mereka meningkatkan lagi produktiviti dan juga kecekapan di sektor ini. Kalau pelabur asing

datang ke sini, kalau kita memberikan lebih bank dibuka di negara kita ini, mereka juga akan memberi banyak, mengambil ataupun menjemput banyak lagi perniagaan-perniagaan dari luar negara dan ini akan mempercergaskan lagi pertumbuhan ekonomi kita.

Ini adalah satu sektor yang kita mesti lihat. Walaupun kita ada satu pelan induk, mungkin kementerian akan jawab nanti dengan pelan induk. Pelan induk sektor kewangan di mana dalam fasa yang ketiga ataupun *phase* yang ketiga, kita akan menjemput lebih lagi persaingan global. Tetapi saya merayu kepada kementerian, kita mesti mempercepatkan lagi kerana kalau RMK-9 yang berasaskan kepada pengetahuan atau ekonomi yang *knowledge economy*, tetapi bank-bank kita masih mempunyai mentaliti yang lama, lapuk di mana mereka akan memberikan tumpuan kepada pinjaman-pinjaman konvensional, maka kita akan mengalami kesusahan ataupun mengalami banyak masalah di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih kepada isu yang kedua, ada berkaitan dengan *delivery system* iaitu saya akan khususnya kepada *delivery system* yang ada berkaitan di antara kerjasama, di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan. Di sini saya ingin memberi satu contoh di mana *delivery system* kita mesti diperbaiki. Sebagai contoh, baru-baru ini di kawasan saya telah menerima satu berita yang mengejutkan bahawa satu *transfer station* akan dibina di Kampung Bohol iaitu bersempadan dengan kawasan Puchong. Walaupun tanah itu adalah terletak di DBKL, tetapi ini telah menerima banyak bantahan dan juga kompelin daripada semua penduduk yang berdekatan.

Research ataupun satu *Details Environment Impact Assessment* (DEIA) telah dijalankan oleh sebuah syarikat swasta. Syarikat swasta ini saya tidak tahu adakah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar atau tidak, tetapi telah membuat satu DEIA dan menyatakan bahawa kawasan itu adalah sesuai untuk membina satu *transfer station* untuk bahagian Selatan – Kuala Lumpur. Ini telah mencetuskan banyak bantahan dan juga banyak kompelin daripada penduduk persekitaran, khususnya penduduk-penduduk di Puchong.

Saya merayu kepada kementerian yang berkenaan bahawa kalau kita membuat sesuatu keputusan, kita mesti mengambil kira apakah *opinion* ataupun pendapat daripada rakyat atau penduduk persekitaran. Kalau kita mengikut Akta Perancangan Desa dan Bandar dalam Artikel 21, bahagian 6 dan 7, kita telah menjelaskan bahawa sesuatu pembangunan itu mesti mendapat pendapat dan juga *feedback* atau maklum balas daripada penduduk persekitaran. Dalam kes ini, orang kata *top town*. Maksud saya ini dia. So, walaupun proses ini belum dimulakan, tetapi saya ingin merayu kepada pihak-pihak berkenaan, tapak ini adalah tidak sesuai. Alihkan projek ini kepada tapak-tapak lain yang lebih sesuai. Kita tidak anti *development*. Kita memerlukan kalau apa pun program pembangunan, kita mengalu-alukan tetapi di atas satu kawasan yang sesuai, satu kawasan yang lebih sesuai dari segi pencemaran alam, dari segi kesesakan lalu lintas dan juga dari segi keamanan dan juga keselamatan penduduk di kawasan ini. Saya ingin....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: menambah sedikit pandangan ataupun ulasan daripada kementerian yang berkenaan. Dengan ini saya ingin mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pontian.

1.04 tgh.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk sama-sama dengan rakan-rakan membahaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sambung jam 2.30 petang boleh?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pontian, sila terus sambung ucapan.

2.32 ptg.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti mana rakan-rakan yang dahulu saya juga turut ingin bersama-sama untuk membahaskan Titah Diraja pada petang ini. Seperti mana yang telah ditekankan di dalam Titah Seri Paduka Baginda bahawa sektor swasta perlu kembali sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Ini ada hubung kait yang secara langsungnya untuk sesetengah pihak swasta yang telah keluar negara untuk terlibat dengan projek-projek di luar negara tetapi dalam masa yang sama berita yang balik semula ke negara kita ialah kegagalan demi kegagalan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat swasta berkenaan. Kita merasa amat perlu supaya syarikat-syarikat swasta ini memilih dengan lebih teliti usaha-usaha untuk ke luar negara membuat pelaburan.

Usaha-usaha syarikat swasta ini keluar negara untuk terlibat dalam sektor-sektor seperti pembinaan atau pun projek-projek memajukan hartanah di negara-negara yang telah mereka laburkan pada waktu ini. Di mana sekiranya halangan-halangan dan rintangan-rintangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat berkenaan lebih banyak menimbulkan permasalahan daripada memberi kebaikan kepada mereka, maka amat wajarlah syarikat-syarikat berkenaan memberi tumpuan yang seimbang. Kalau kita boleh rugi beratus-ratus juta membuat pelaburan di luar negara sedangkan di dalam negara kita sendiri memerlukan lebih banyak kegiatan yang diusahakan oleh pihak swasta ini, maka dalam keadaan sedemikian amat wajar. Tuan Yang di-Pertua, CIDB sebagai contohnya, di mana kalau kita lihat dari segi peranan CIDB itu sendiri antara lainnya selain daripada beri latihan kepada masyarakat di dalam negara kita untuk terlibat dalam sektor pembinaan, CIDB juga bertanggungjawab untuk memperkenalkan pelbagai

pendekatan baru dalam sektor pembinaan supaya kita akan dapat memaksimumkan lagi usaha-usaha untuk menjalankan projek-projek dalam negara kita ini dengan lebih berkesan. Pada hari ini saya lihat CIDB masih belum berjaya di dalam melaksanakan kewajipan mereka untuk membawa atau pun untuk memperkenalkan teknologi-teknologi baru untuk mengembangkan lagi teknologi-teknologi yang ada dalam sektor pembinaan supaya projek-projek di negara kita ini seperti MRR2, seperti bangunan MATRADE, masalah yang dihadapi oleh projek-projek berkenaan yang kita semua maklum bahawa salah satu daripada punca kegagalan projek-projek tersebut ialah kerana kurangnya kepakaran teknologi yang ada sama ada di pihak perunding mahupun di pihak kontraktor itu sendiri. Maka satu agensi yang telah diwujudkan oleh kerajaan yang sepatutnya memainkan peranan tersebut saya kira perlu melipat kali gandakan usaha agar tujuan dan hasrat kerajaan menyuntik modal yang begitu besar, usaha dan hasrat kerajaan melihat CIDB ini turut berkembang dan terus dapat membantu kontraktor-kontraktor ini akhirnya akan peroleh kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat tentang soal penglibatan pihak swasta ini dalam membangunkan ekonomi negara, saya suka tak suka sebagai anak Johor terpaksa sedikit sebanyak berbalik kepada soal jambatan indah yang hendak kita bina ini. Tetapi dalam satu kata yang ringkas sahaja, jambatan indah ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dari segi faktor tergendalanya sehingga 10 tahun, saya ingin membawa Dewan ini untuk merenung seketika bahawa kita maklum Singapura tidak memberi kerjasama setakat ini untuk memastikan kelancaran pembinaan jambatan ini. Kita juga membawa bersama-sama kita pendapat dan pandangan seolah-olah Singapura ini mempunyai satu "budaya *kiasu*", tidak mahu mengaku kalah, tidak mahu menerima kekalahan.

Kita juga melihat Singapura seolah-olah tidak akan dapat pulangan yang secara langsung kalau jambatan ini terus dibina oleh Malaysia, seolah-olah mereka cuba hendak memastikan bahawa rasa kecewanya Malaysia ini sewaktu kita menandatangani perjanjian air sewaktu ketika dahulu. Satu perjanjian yang tidak memihak kepada kita. Soal *clout* pasaran yang saya kira juga meninggalkan satu kenangan pahit bagi masyarakat Singapura apabila kita menutup *clout* dan pendekatannya itu tidak menguntungkan rakyat Singapura sendiri.

Walau apa pun yang kita perkatakan tentang Singapura dan Malaysia ini perkara yang hakikinya ialah Singapura adalah sebuah negara yang merdeka, sebuah negara yang berdaulat. Dan mereka tidak mahu untuk dianggap sebagai di bawah telunjuk Malaysia khususnya. Maka saya ingin mencadangkan pada Dewan yang mulia ini, dari segi unsur dan juga asas kejayaan pembangunan jambatan indah ini ialah mengelak daripada rakyat kita sendiri menjadi alat atau diperalatkan oleh mana-mana pihak sama ada akhirnya jambatan ini menjadi jambatan yang indah atau jambatan yang lurus yang akan menentukan kejayaan ini ialah kita sebagai rakyat sebagai kerajaan terus berpegang kepada satu pendirian yang tegas. Tidak membenarkan sama

ada mana-mana pihak yang tertentu atau pun individu-individu tertentu menjadi alat untuk membolehkan mana-mana pihak mengeksploitasikan usaha untuk membangunkan jambatan ini.

Saya kira keputusan untuk membina tambak dahulu pada tahun 1919 adalah keputusan Persekutuan Tanah Melayu, 82 tahun yang lalu kita buat keputusan kita hendak bina Tambak Johor oleh kerana kita tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup.

Kita tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk membina sebuah jambatan, maka Tambak Johor ataupun tambak itu dibina atas keperluan menghubungkan tanah besar Tanah Melayu dan juga kepulauan Singapura. Maka hari ini kita harus menunjukkan kepada dunia luar, bahawa Malaysia sudah pun memiliki kesedaran tentang keprihatinan kita terhadap alam sekitar, kepentingan kita atau kebolehan kita terhadap teknologi dan juga kemahiran yang sepatutnya ada untuk membina sebuah jambatan yang indah ini, kita juga harus menunjukkan kepada dunia luar bahawa Malaysia pada hari ini mengambil kira daripada sudut alam sekitar, dari sudut kepentingan pelancongan, dari segi keselamatan menjadi faktor untuk kita berdiri di atas keyakinan betapa perlunya kita membina jambatan ini dan tentunya sama sekali tidak bertujuan untuk menyakiti hati mana-mana pihak.

Kalau kita melihat bahawa ruang udara sebagai contoh, kalau pasir itu mudah hendak kita yakinkan diri, bahawa penjualan pasir sebagai syarat mungkin itu kita boleh lihat dari segi sudut komersialnya. Kita jual suatu perkara yang ada secara berlebihan tetapi dari segi ruang udara kita harus melihat dalam konteks yang lebih luas. Kalau misal kata kapal-kapal pejuang Singapura ingin hendak menggunakan ruang udara negara kita, sebagai sesuatu yang menggugat kedaulatan kita.

Bagaimana pula kita melihat keadaan sebagai contoh di Indonesia yang baru-baru ini dengan lawatan ketua ataupun *Secretary of State*, dengan izin Condoleezza Rice ke Indonesia baru-baru ini, yang menyuarakan supaya tentera Amerika ini distrukturkan semula dan antara lain tawaran yang dibuat oleh negara seperti Amerika ini ialah dengan membekalkan tentera Indonesia dengan peralatan-peralatan yang moden, membekalkan pertahanan Indonesia dengan teknologi-teknologi yang diperlukan dengan harapan supaya apabila adanya sistem ketenteraan yang kuat di Indonesia itu, ia akan dapat membantu negara seperti Amerika ini sebagai jaguh memperjuangkan demokrasi, memperjuangkan *human rights*, hak asasi manusia dan sebagainya, tentu menjadikan itu sebagai alasan untuk negara seperti Indonesia memperkukuhkan kekuatan ketenteraan mereka bagi berhadapan dengan isu *terrorism* ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau rakyat Indonesia pun pada suatu ketika yang amat benci dengan Amerika ini, apabila IMF datang ke negara mereka, dengan istilah "membantu" ekonomi negara tersebut yang akhirnya telah menjadikan negara seperti Indonesia ini berhutang ataupun hampir menjadi sebuah negara yang *bankrupt*, tetapi apabila Tsunami melanda Indonesia, USD2.6 bilion dibantu kepada mangsa-mangsa Tsunami di Aceh. Rakyat di Indonesia telah berubah hati.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Keinginan Singapura untuk menggunakan saya khususkan kepada penggunaan ruang udara bagi tujuan latihan ketenteraan mereka telah mengundang berbagai-bagai reaksi rakyat Malaysia terutama Ahli-ahli Dewan Rakyat yang khususnya datang daripada Johor, Yang Berhormat salah seorang daripadanya.

Adakah Yang Berhormat boleh terfikir keinginan Singapura ini adalah merupakan sesuatu yang berlaku nyata di hadapan. Maknanya kita sibuk berhadapan dengan mereka ini dan pada ketika ini mungkin juga telah melalaikan kita yang mereka juga telah mempunyai strategi *offence initiative*, contohnya satelit-satelit pengintip mereka berada di ruang udara kita, untuk mengintip hatta boleh nampak Yang Berhormat sedang bercakap tentang isu ini di Dewan yang mulia ini. Mungkinkah ini berlaku melalaikan kita dengan isu ini, dan mereka menggunakan kaedah-kaedah lain yang mungkin sebagai suatu kaedah untuk pertahanan negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Bercakap dalam Dewan tidak nampak.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Satelit mana pun tidak nampak.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tercari-cari jawapan dia tadi. Terima kasih kerana membantu saya menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya hanya ingin menambah sedikit sahaja, Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Lima lagi Yang Berhormat, lima minit lagi.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang kita ada, yang kita tahu bahawa kita telah meletakkan peralatan untuk mengesan serangan Tsunami sekiranya berlaku. Ya, ada itu sahaja pada waktu ini. Dari segi perkara-perkara lain, saya kira kita telah meletakkan negara kita sama ada dari segi hubungan diplomasi, dari segi kejayaan-kejayaan negara kita berbanding dengan negara-negara jiran, bukti yang nyata sebagai tanda bahawa kita juga telah jauh lebih maju daripada negara-negara jiran dalam pelbagai aspek. Maka saya tidak pernah melihat bahawa Singapura ini *superior* dalam apa keadaan sekalipun, malah kita jauh lebih berjaya berbandingkan dengan negara-negara jiran sekalipun dalam pelbagai aspek.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin menekankan bahawa harapan melalui Titah Diraja ini telah meminta supaya kita terus berusaha untuk mengukuhkan kedudukan negara kita sebagai sebuah negara yang menjadi pilihan negara-negara luar untuk datang ke negara kita.

Maka amat wajar keadaan yang sedia ada pada hari ini khususnya kita di persimpangan untuk melihat Rancangan Malaysia Kesembilan ini sesuatu yang akan menjadi kejayaan, dapat kita bermula dan berasaskan kepada kelemahan-kelemahan yang ada kepada Rancangan Malaysia Kelapan itu sendiri. Kerana tidak jauh bezanya di antara halangan dan juga rintangan

dan ada bibit-bibit dan juga tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kesilapan di dalam kita atau pun kelemahan yang ada di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan itu kalau tidak kita tangani segera ia akan berulang dan akan menjadikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini sesuatu yang sukar untuk mencapai sepenuhnya ataupun pencapaian yang kita harapkan apabila ia mula dilaksanakan.

Kita meletakkan sepenuh keyakinan kepada kerajaan yang ada pada hari ini untuk memperkukuhkan lagi sistem penyampaian kita, untuk berusaha agar kita tidak kembali kepada sindrom menyalahkan antara satu sama lain di mana orang politik kata pegawai kerajaan yang tidak memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan sementara di pihak pegawai pula mengatakan ia berpunca kerana terlalu campur tangan orang-orang politik dalam menentukan satu keputusan. Kalau sindrom kita kerap menyalahkan satu sama lain yang akan menerima kesan dan akibat daripada keadaan tersebut ialah Rancangan Malaysia Kesembilan itu sendiri. Maka saya amat yakin dan percaya kita semua akan berusaha untuk mengambil iktibar daripada kelemahan dan juga perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi supaya rancangan kita khususnya ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya tanya sikit? Saya ingat tidak betul Yang Berhormat. Yang sebenarnya kita Penggubal Dasar, kita meluluskan dasar Rang Undang-undang dan Akta dan mereka melaksanakannya. Itu sahaja. Tidak timbul soal orang politik campur urusan pentadbiran dan sebaliknya. Minta sikit Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya perbetulkan bahawa yang menentukan Dasar adalah kita Ahli-ahli Parlimen. Cuma kita minta pelaksanaannya begitu konsisten menjalankan tugas dan amanah mereka mengikut apa yang telah kita luluskan jangan tertangguh-tangguh. Kalau tidak ini akan melemahkan lagi jentera pentadbiran. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan sedikit pertanyaan ini?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Soal saya bersetuju atau tidak saya kira Yang Berhormat Larut pun ada jawapannya. Di situlah bermulanya masalah yang apabila kita seperti mana yang saya bangkitkan awal tadi *denial syndrome* tadi kita kalau tidak masa kan jambatan yang kita hendak buat itu 10 tahun lamanya. Kalau kita lihat masakan Menteri Kerja Raya sebagai contoh pada peringkat awal mengatakan bahawa MRR2 itu bukan silap perunding di dalam Dewan yang mulia ini tetapi akhirnya mengakui bahawa terdapat kesilapan di peringkat reka bentuk, terdapat kesilapan di peringkat konsultan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Ini adalah beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua yang meminta supaya kita lebih bersungguh-sungguh dalam usaha untuk menerima kelemahan yang ada dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga mencari jalan untuk mengatasi dan memastikan supaya Rancangan Malaysia Kesembilan dapat kita laksanakan dan

insya-Allah pada tahun 2010 nanti kita akan dapat lihat perubahan yang ketara dalam kita merangka Rancangan Malaysia Kesepuluh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lanang ada mohon 10 minit ye! Lanang.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: 10 minit tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. Saya minta 20 minitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat mohon 10 minit kerana hendak pergi tempat lain.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya kesempatan untuk turut serta mengambil bahagian dalam menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong. Saya ingin membangkitkan 5 isu di Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, kesan kenaikan harga minyak. Tuan Yang di-Pertua, pengumuman kenaikan harga minyak sebanyak 30 sen pada 28 Februari lalu telah mengejutkan semua lapisan rakyat jelata. Reaksi rakyat adalah difahami memandangkan kadar kenaikan kali ini yang amat tinggi berbanding dengan beberapa kenaikan terdahulu. Yang membimbangkan rakyat jelata adalah kenaikan harga semua jenis barangan berikutan kenaikan harga minyak. Kebimbangan ini tentunya berasas kerana kenaikan harga minyak pada masa yang lalu telah menyebabkan kenaikan harga berbagai-bagai barang dan perkhidmatan. Namun rakyat jelata berkeyakinan besar pada pihak kerajaan yang berjanji akan memantau dan mengawal harga barangan keperluan harian pengguna agar berada pada paras yang tidak membimbangkan

Dalam hal ini, saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya melakukan pemantauan berulang yang ketat di seluruh negara bagi memastikan harga barangan tidak melambung naik. Hukuman keras harus dijatuhkan kepada mereka yang cuba mengambil kesempatan ini demi kepentingan diri sendiri.

Kami menghargai tindakan kerajaan untuk meneruskan subsidi harga minyak kepada sektor-sektor tertentu namun berbezaan harga minyak bersubsidi dengan harga minyak pasaran masih besar. Peluang penyalahgunaan minyak bersubsidi masih akan berleluasa jikalau penguatkuasaan tidak dilakukan dengan ketat. Disebabkan harga minyak pasaran di negara kita masih rendah berbanding dengan beberapa negara jiran masih ada potensi penyeludupan minyak ke negara-negara asing. Saya menyeru kepada kerajaan agar mengadakan pemantauan yang ketat ke atas perihal ini. Kalau tidak langkah memberi subsidi harga minyak kerajaan bukan sahaja tidak memberi manfaat kepada rakyat jelata tetapi kepada segelintir ataupun menguntungkan rakyat asing yang memang tidak berhak menikmati peluang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 40% daripada penduduk-penduduk negeri Sarawak terdiri daripada kaum Dayak. Kebanyakan daripada mereka masih tinggal di dalam rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman. Mereka perlu berulang alik ke kawasan bandar beberapa kali untuk memperoleh keperluan harian di samping menjual tanaman serta berurusan dengan agensi

kerajaan. Pengangkutan mereka adalah dengan bot-bot bermotor ataupun van-van masing-masing penggunaan sejumlah besar minyak. Di samping pengangkutan penjana-penjana elektrik yang digunakan untuk bekalan elektrik kepada rumah-rumah panjang, sekolah-sekolah dan klinik-klinik desa yang berdekatan *road* memerlukan minyak yang agak banyak setiap bulan. Kenaikan harga minyak baru-baru ini telah mendatangkan impak yang amat besar kepada kaum Dayak yang kebanyakan daripada mereka masih berada di tahap kemiskinan. Saya menyeru kepada kerajaan supaya memberi pertimbangan yang istimewa kepada mereka dalam menangani kesan kenaikan harga minyak.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kerajaan menetapkan permintaan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan selepas pengumuman kenaikan harga minyak, syarikat penerbangan Malaysia pula sekali lagi menaikkan kadar *surchage* bahan api kepada tambang penerbangan. Walaupun dikatakan tidak dinaikkan dengan tambang tiket penerbangan, kenaikan kadar *surchage* bahan api yang dikenakan sebagai tambahan kepada tambang penerbangan merupakan suatu kenaikan harga tambang secara tidak langsung. Rakyat jelata tidak harus dihukum atau bertanggungjawab ke atas kerugian MAS.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah pemeriksaan mutu makanan. Tuan Yang di-Pertua, kita sering mendengar berita atau mengumumkan pihak berkuasa tentang mutu makanan yang melanggar peraturan makanan dan tidak menepati keperluan atau piawaian kesihatan yang ditetapkan. Walaupun para pengguna berasa lega terhadap pendedahan kes-kes sedemikian, namun pendedahan ancaman yang diakibatkan oleh makanan-makanan tersebut tidak dapat dipulihkan. Kita tidak pasti berapa lama makanan-makanan ini telah berleluasa dijual di pasaran. Ancaman terhadap kesihatan para pengguna pula tidak terkira. Apa yang menyedihkan adalah terdapat beberapa kes-kes pelanggaran piawaian kesihatan didedahkan oleh pihak berkuasa negara asing dan bukan pihak berkuasa kesihatan negara sendiri.

Oleh sebab itu, pihak berkuasa terutamanya Jabatan Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan harus menjalankan pemeriksaan yang lebih ketat dan kerap terhadap tempat-tempat penjualan makanan. Penyimbolan makanan perlu dilakukan dengan lebih terancang dan menyeluruh meliputi pelbagai jenis makanan termasuk sayuran, daging, makanan tin, minuman, ubat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat gembira kerana makmal kimia yang dinantikan oleh rakyat di Sibu akhirnya telah mula dibina. Pembukaan makmal ini akan memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di seluruh Sarawak. Pada masa kini, sampel-sampel makanan hendaklah dihantar ke makmal kimia di Kuching dengan diiringi seorang pegawai kesihatan persekitaran. Kadangkala keputusannya hanya akan diperolehi selepas beberapa minggu. Amalan ini melengahkan pendedahan kes-kes makanan larangan. Semoga proses ini akan disiarkan seperti yang dijadualkan untuk merealisasikan projek ini. Saya harus

mengucapkan ribuan terima kasih kepada bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Law Hieng Ding yang telah meluluskan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, ya?

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Okay, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Santubong.

3.04 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap. Saya akan tertumpu kepada dua tiga perkara, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama ialah berhubung dengan soalan Polis Diraja Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang Polis Diraja Malaysia dalam keadaan yang tidak menyenangkan hati kebanyakan anggota-anggotanya. Jadi sebahagian daripada sebab-sebab ini juga berbangkit oleh kerana perkara-perkara yang berlaku di dalaman Jabatan Polis itu sendiri; yang kedua adalah situasi yang berlaku di luar kawalan mereka; yang ketiga ialah persepsi yang berlaku oleh kerana perkara-perkara yang berlaku yang saya sebut awal tadi.

Jadi, kadang-kadang kita tidak melihat secara menyeluruh keadaan satu-satu agensi kerajaan khususnya badan sebagai Jabatan Polis. Jabatan Polis telah banyak membuat pengorbanan dan perkhidmatan yang dahulunya Jabatan Polis ini hampir sama tahapnya umpamanya angkatan tentera. Tetapi selepas 20 tahun sebagaimana yang saya nampak bahawa Jabatan Polis telah menurun daripada segi prestij, pandangan dan penghormatan masyarakat padanya.

Ada juga kita melihat bahawa sokongan kerajaan pun makin berkurangan. Walaupun dalam masa yang sama perkhidmatan polis ini masih baik, masih sempurna dan masih boleh dibanggakan. Walaupun kerenah banyak berlaku, tetapi kerenah ini Tuan Yang di-Pertua, adalah disebabkan oleh kerana banyak kerja. Kalau kita banyak buat kerja banyaklah kerenah yang akan berlaku, banyaklah cacian yang boleh ditujukan. Tetapi kadangkala kita melihat bahawa perkhidmatan mereka ini, kita akan melihat satu situasi dalam satu keadaan yang begitu rupa makanya pegawai-pegawai yang dikatakan pegawai polis ini, yang menegakkan undang-undang ini telah terlibat dengan banyak satu perkara yang dipertikaikan oleh masyarakat umum.

Jadi, akhirnya tertubuh dua tiga suruhanjaya untuk melihat kemudahan polis. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemudahan untuk Jabatan Polis ini jauh ketinggalan ke belakang daripada kemudahan-kemudahan yang diberi kepada jabatan-jabatan lain. Kalau kita melihat di luar bandar, di dalam bandar pun kemudahan polis ini jauh masih tidak mencukupi dan ini patutnya kerajaan mengambil satu sikap yang positif lagi untuk melaksanakan janji-janji kerajaan kepada jabatan ini supaya kemudahan-kemudahan pihak polis ini disediakan dengan seberapa cepat yang boleh. Dan, yang kedua, kemudahan untuk seorang pegawai-pegawai polis itu

sendiri. Kita tidak melihat keperluan ini seperti keperluan uniform, keperluan kelengkapan, pakaian, kemudahan, elaun dan sebagainya serta macam-macam lagi. Tetapi hanya pegawai polis itu sendiri yang mengetahui macam mana kemudahan ini diperlukan oleh mereka untuk menjalankan tugasnya.

Jadi, kadangkala bila kerajaan membuat satu keputusan tetapi ada satu jabatan dalam kerajaan itu sendiri tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan. Kadang-kadang saya tidak memahami tindakan sedemikian. Umpamanya, pada satu ketika apabila Jabatan Polis memohon supaya tiap-tiap IO diberi elaun untuk telefon bimbit Tuan Yang di-Pertua, RM200 dan dipersetujui oleh pihak Kabinet. Ini Kabinet, Tuan Yang di-Pertua. Kabinet maknanya kuasa dan *authority* yang tertinggi sekali di negara kita ini. Tidak ada lagi selain daripada Parlimen tinggi daripada Kabinet.

Jadi, apabila Kabinet telah bersetuju memberi RM200 untuk tiap-tiap penyelidik iaitu IO, tetapi apabila kelulusan didapati, sumber kewangan didapati RM50 sahaja keluar. Tanya dengan anak wakil Parlimen di sini. RM50 Tuan Yang di-Pertua, untuk satu minggu budak main SMS sahaja. Sekarang zaman canggih, zaman orang tidak pakai *fix* telefon lagi. Zaman orang pakai *hand phone*. Zaman orang pergi ke sana ke sini menggunakan *hand phone*. Diberi RM50 ini siapa yang membuat keputusan? Saya hendak tanya siapakah kuasa yang boleh *reverse*sekan, dengan izin, keputusan Kabinet yang telah dibuat ini? Saya tidak faham kalau Kabinet sudah buat keputusan ada lagi agensi kerajaan yang lain boleh memutarbelitkan perkara ini dan bagi kelulusan yang lain. Ini amat membimbangkan. Ini berhubung dengan soalan-soalan polis.

Oleh kerana saya bertanya soalan berhubung dengan keputusan Kabinet yang diubahkan oleh pihak-pihak tertentu, saya hendak tanyalah siapa sahaja Menteri yang jawab nanti, hendak tanya siapa autoriti dalam Malaysia ini yang berkuasa selain daripada Parlimen, buat perubahan kepada satu-satu keputusan daripada Kabinet, dan kalau sudah dibuat oleh Kabinet kenapa pula perkara ini boleh berubah.

Adakah Kabinet pada awalnya bersetuju oleh kerana pertimbangan salah atau Kabinet membuat kesalahan atau bagaimana? Kalau buat kesalahan kenapa dibuat? Lepas itu ditukar semula, jadi Tuan Yang di-Pertua, saya bermohon supaya perkara soalan keputusan Kabinet ini jangan dibuat sedemikian. Jangan diremehkan keputusan kabinet ini oleh siapa sahaja, saya tidak kira siapa sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua soalan Polis lagi. Kalau kita pergi ke mana-mana tempat di seluruh Malaysia khususnya di Negeri Sarawak, hendak tengok bereknya, hendak tengok kemudahannya bahkan ada ahli-ahli Parlimen ini bagi sumbangan dengan Polis ini. Dia punya *emergency light* pun tidak ada, *type writer* tidak ada, dia punya macam-macam yang tidak ada. Jadi, macam mana kita hendak berharap pegawai Polis ini memberi perkhidmatan yang baik?

Ada juga yang diberi uniform, beri kain tetapi kamu jahit sendiri kain ini. jadi, saya tidak fahamlah ini orang yang pakai uniform. Adakah pegawai tentera, adakah pegawai penjara,

adakah pegawai imigresen, kastam dan semuanya dikatakan, bagi kain, sendiri jahit *uniform* ini. Gaji sudah kecil Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia suruh jahit kain sendiri pula, potong sendiri. Kadang-kadang kain lebih murah daripada kos memotong. Jadi kalau kita tidak lihat benda ini, saya tidak baca semua kerana masa tiga puluh minit sahaja. Hendak baca semua kemudahan daripada bereknya, kemudahan pejabatnya, kemudahan untuk kelengkapan kerjanya dan kemudahan elaun untuk pergi ke sana sini, kemudahan minyak untuk naik keretanya, kemudahan elaun untuk *hand phonenya*, semua ini berkurangan dan diberi tetapi dalam masa yang sama, kita berkehendak Polis, mesti bagi *first class performance*.

Kalau tidak buat *first class performance* kita kata, tubuhkan IPCMC, yang buat salah siapa? Tuan Yang di-Pertua, soalan IPCMC Suruhanjaya kata tubuh, tetapi suruhanjaya ini fahamkah apa tugas Polis ini? Saya bukan mengatakan kelemahan berfikir daripada pegawai dan anggota Suruhanjaya. Tetapi dalam persepsi Polis, orang Polis itu sendiri sepatutnya kita jangan mencadangkan orang daripada luar untuk menghakimi dan memberi penghakiman kepada mana-mana pegawai polis untuk menjalankan tugas mereka. Kita bersetujulah kalau diadakan satu badan dalam Polis itu sendiri. Saya cadangkan berapa lama dahulu saya pernah mencadangkan di Dewan ini mengatakan kita wujudkan satu badan yang dikatakan *internal affair* dalam Polis itu yang *report direct* kepada IGP dan bertanggungjawab kepada IGP dan bukan kepada Polis-polis Negeri dan badan ini dipertanggungjawabkan ke atas disiplin dan laporan orang awam ataupun dalaman kepada mana-mana anggota Polis yang tidak menjalankan tugas mereka sebaik mungkin.

Tetapi, kalau diwujudkan satu IPCMC ini, dan dapat laporan luar dan sebagai satu badan suruhanjaya tugas pun saya tidak tahu mana satu lagi, yang Suruhanjaya Polis ini yang sekarang ada juga dan ini satu IPCMC ini satu lagi. Sudah berapa banyak lagi Suruhanjaya kita hendak tubuh untuk Polis ini. Jadi, kita hendak wujudkan ini dan menerima laporan-laporan dan *complain* orang awam kepada polis mengambil tindakan di mana letaknya moral polis ini nanti? Adakah Polis ini akan berkhidmat untuk melaksanakan undang-undang, menjalankan tugas mereka atau berkhidmat dengan IPCMC ini sahaja. Jadi manusia ini Tuan Yang di-Pertua, dia macam itu kalau kita tekankan sangat, dia akan cari cara dia untuk mengatasi masalah untuk menyenangkan dia sendiri, akhirnya *efficiency* Tuan Yang di-Pertua akan terjawab, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Saya hairan dengar ucapan Yang Berhormat bagi Santubong. Kenapa selepas 10 bulan, laporan Suruhanjaya Diraja mengenai Polis diumumkan barulah ada pandangan yang membantah selepas 26 bulan semenjak penubuhan Suruhanjaya Diraja pada Disember 2003, masa ini tidak ada apa-apa bantahan protes daripada khususnya ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan UMNO. Sekarang semua satu demi satu berdiri. Adakah ini oleh kerana ada satu *briefing* jemputan oleh pihak Polis pada 13hb Mac malam ini di mana pihak Polis sudah berjaya untuk *high jack* sokongan ahli-ahli Parlimen daripada UMNO supaya menentang IPCMC. Bukankah benar bahawa di UK, di Australia, di

Hong Kong dan negara-negara yang lain adalah Suruhanjaya sedemikian ada *external over sight* mekanisme mengenai kelakuan pihak polis dan ini tidak bererti bahawa dalam negara UK, Australia, Hong Kong dan lain-lain, rakyat atau kerajaan negara-negara itu tidak menghargai pengorbanan perkhidmatan pihak polis, tidak.

Sebenarnya bukannya penubuhan satu IPCMC sebenarnya akan mempertingkatkan kepercayaan, keyakinan orang ramai terhadap pihak polis dan menunjukkan sungguhpun segelintir kecil sahaja *black sheep*, tetapi ini akan dicegah, akan diambil dan akhirnya bukannya benar bahawa kelakuan apa yang berlaku beberapa hari ini yang menunjukkan bantahan begitu keras oleh ahli-ahli Parlimen UMNO terhadap IPCMC menentang pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada mengumumkan pada prinsipnya sokong IPCMC ditubuhkan, kenapa berlaku *revoke* pemberontakan ini oleh ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *this is not the revoke against* keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri ataupun sesiapa. Saya pun tidak dengar Perdana Menteri buat keputusan, itu yang pertama. Yang kedua, sebenarnya saya *consistent*. Jawapan saya *consistent*. Saya *consistent* saya katakan wujudkan satu badan yang saya sebut sebagai *internal affair* dalam polis dari dahulu lagi saya sebut. Soalan Suruhanjaya hendak tubuh IPCMC itu bukan soalan saya. Saya baru lepas baca buku, saya bukan macam Yang Berhormat. Hendak *protest* dahulu belum tengok apa garis panduan, apa yang disebut, apa dia punya mandet dan sebagainya. Saya baca dan teliti benda itu dahulu, sudah memahami semuanya peluang saya berada di Parlimen untuk bercakap dalam soalan perkara ini berbangkit, itu baru saya sebut.

Tidak akan saya *protest* sekadar belum tahu hujung pangkal saya hendak benda hendak cerita. Itu yang pertama. Saya *consistent*, saya sentiasa sebut, wujudkan *internal affair* dalam polis *report* terus kepada IDP, soalan sama ada Barisan Nasional semua tidak setuju, Yang Berhormat ini soalan Parlimen. Kita benarkan ahli Parlimen bercakap *base on his conscience base on his* penerimaan. Walaupun IGP sudah jemput, kita betul sudah datang, tetapi bukan semua orang bersetuju apa yang IGP kata. Jadi ada juga yang IGP kata kita tidak dengar. Tuan Pengerusi, kalau benda itu logik, kalau benda itu betul, untuk kebaikan polis itu sendiri, kita mungkin boleh bersetuju dalam satu-satu perkara. Saya bukan bersetuju dengan apa yang IGP cakap. Saya bersetuju apa yang saya fikir sendiri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita berfikir oleh kerana England buat macam ini, kita buat macam ini, oleh kerana Australia buat macam ini, kita ikut macam ini. jadi, sejauh manakah kita akan berfikir atas kita sendiri dan merealisasikan impian Malaysia itu sendiri berlandaskan pemikiran kita sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: sebenarnya sebelum ini satu pendirian sudah dibuat oleh BNBBC di mana Tuan Pengerusi BNBBC Yang Berhormat bagi Johor Bahru ada dengan tegasnya kata bahawa sokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sokong

perakuan Suruhanjaya Diraja mengenai penubuhan IPCMC dan bukan sahaja nampaknya ada satu *coup'deta* terhadap Perdana Menteri pun *coup'deta* terhadap Tuan Pengerusi BNBBC. Kenapa perkara ini berlaku? Adakah satu pengundian dibuat dalam BNBBC supaya tukar pendirian ini?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebenarnya tidak ada *coup'deta* Yang Berhormat, [Ketawa]. Ini hanya kita berlainan pendapat sebagaimana Yang Berhormat sendiri sarani. Ini kita demokrasi, ini Parlimen bebas bercakap sebagaimana Yang Berhormat bercakaplah. Jadi kalau Yang Berhormat boleh bercakap yang berlainan daripada apa pendirian kita, kita terima hakikat Yang Berhormat bebas bercakap.

Jadi sebagaimana saya sendiri walaupun saya tidak pernah berbincang dengan Pengerusi Backbencher berhubung dengan yang kita 100% mesti sokong. Kita sokong Perdana Menteri, apa dasar beliau. Tetapi persoalan IPCMC ini soalan lain. Kita bersetuju bahawa suruhanjaya ditubuhkan untuk menyelidik soal polis. Kita bersetuju supaya suruhanjaya ditubuhkan untuk menyelidik soal ketuk ketampi tetapi Yang Berhormat akan lihat juga pada satu hari nanti adakah semuanya itu akan disokong oleh Ahli Parlimen. Akhirnya Ahli Parlimen akan menunjukkan bahawa mereka mempunyai pendirian dan pendapat mereka sendiri yang kita akan sebut dan laksanakan di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lima minit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya pindah....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, lima minit lagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Lima minit? Saya berpindah kepada cerita lain, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua saya hendak berpindah kepada soal modal insan ini. Soal modal insan ini yang saya persoalkan ialah soal pembangunan soal modal insan yang saya sebutkan bahawa modal insan ini ada dua jurusan dia, Tuan Yang di-Pertua.

Satu, modal insan yang kita belai daripada awalnya, daripada peringkat sekolah, universiti dan akhirnya ke mana-mana sahaja mendapat kepakaran mereka ini. Dan modal insan ini dibelai menerusi universiti-universiti dan prasekolah.

Saya adalah seorang yang selalu bercakap bahkan sudah 10 tahun di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, berhubung soal sistem persekolahan di Malaysia, di negara ini bahawa saya sebutkan dahulu lagi saya kata *open certificate concept* pada tahun 1994 dan pada masa itu juga saya menyebutkan persoalan *exam oriented* dan *a liberal education system* yang mirip kepada inovasi dan kreativiti. Ini saya sebutkan. Tetapi alhamdulillah pada hari ini sudah banyak orang menyokong idea-idea ini supaya kita *regimentation* soal pelajaran kita, jangan dibuat sedemikian rupa yang mana kita hanya *glorified* apabila melihat seseorang itu dapat 17A, 18A, 20A dan sebagainya, akhirnya betulkah 17A, 18A atau 19A ini menjadi manusia yang cemerlang pada

masa akan datang? Adakah manusia yang lebih kurang daripada dia ini akan menjadi manusia yang cemerlang pada masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat yang pernah saya sebut sebagai menyokong hujan saya ialah *research* yang dibuat oleh seorang akademik di seluruh dunia pada tahun 1992 yang menunjukkan bahawa negara yang mempunyai *regimentation* pembelajaran yang mirip kepada peperiksaan ini tidak akan mendatangkan hasil yang lebih daripada orang yang mana keputusannya berkurangan. Perbandingan dibuat di antara negara Jepun, Korea, China, Hungary dan sebagainya yang mempunyai ketinggian mutu dalam pelajaran Sains dan Matematik kalau dibandingkan dengan negara Amerika yang mempunyai rendah kebolehnya dalam Matematik tetapi dalam masa yang sama dikatakan bahawa Amerika mengeluarkan 75% manusia yang mendapat *Nobel Peace Prize* dalam *natural science*.

Kenapa perkara ini berlaku? Maknanya inovasi dan kreativiti adalah punca kemenangan dan punca kebolehan manusia berfikir dalam masa yang sama itu, dalam soal anak-anak kita daripada sekolah dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama kalau soal modal insan yang kita sebutkan adalah modal insan yang ada. Adakah kita menggunakan modal insan yang ada? Adakah kita masih menggunakan cara-cara lain untuk memilih penggunaan manusia? Adakah kita sebenarnya *embraced talent acquisition* ini di antara kalangan kita sama ada dalam politik, pentadbiran kerajaan, dalam syarikat dan sebagainya.

Ini kita kena mengasaskan diri kita sendiri. Adakah kita masih memilih orang berlandaskan *connection, affiliation, political connection* dan sebagainya? Kalau inilah cara pemilihan kita bermakna kita belum *embrace talent requirement* dan kita belum lagi menggunakan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...persoalan modal...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Santubong, boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berhubung dengan modal insan dan kenyataan Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini bahawa bakal modal insan yang mengisi masa depan negara kini akan tercicir daripada menduduki di IPTA dan IPTS. Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai pendekatan ataupun akal untuk dicadangkan kepada kerajaan supaya institusi seperti IKM, ILP, *community college* dan vokasional diperbanyakkan sebab tidak bermakna satu artikel yang ditulis oleh seorang yang telah berjaya, dia kata, "...seseorang yang gagal dalam peperiksaan tidak bererti dia bodoh atau lemah tetapi dia lebih cenderung ke arah yang lebih teknikal."

Jadi dalam negara kita ini tidak mengamalkan sistem seumpama ini seperti dibandingkan dengan di Paris dan di negara-negara Eropah. Mereka memperbanyakkan institusi seumpama ini untuk penyediaan modal insan masa depan mereka. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Betul Yang Berhormat. Dalam....

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir, ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ha, tidak boleh jawab. Dalam kebijaksanaan manusia ada mempunyai lapan *intelligent*. Ia ada kebijaksanaan dari segi muzik, kebijaksanaan daripada interaksi, kebijaksanaan daripada pemikiran, kebijaksanaan yang bermacam-macam lagi. Jadi kalau kebijaksanaan tidak dieksploitasi dengan sepenuhnya, hasil akhirnya nanti kita akan rugi daripada menggunakan penggunaan kebolehan seseorang insan yang telah dilahirkan di dunia ini.

Pada masa sekarang kita menggunakan kebanyakannya dua sahaja iaitu pemikiran untuk berfikir untuk belajar dan yang lain kita ketepikan sahaja. Umpamanya seperti muzik. Dahulu macam P. Ramlee pandai muzik. Banyak pakar dan anak-anak kita yang mempunyai *talent* dalam muzik tetapi tidak dipelopori. Jadi ini kita mempunyai satu kelemahan.

Jadi saya bersetuju bahawa kita terpaksa mengeksploitasi semua *talent* manusia secara natural ini yang bakal dieksploitasi, bakal dibangunkan dan dibangkitkan daripada jiwanya untuk menjadi dan mengisi keperluan negara pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana terlebih satu minit dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mertajam.

3.27 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1984 hingga Februari tahun ini terdapat sejumlah 87 kes rogol dan dibunuh. Daripada jumlah 87 kes yang kejam ini, hanya 23 kes ataupun 26.4% diselesaikan dengan pesalah dijatuhkan hukuman. Kita melihat bahawa trendnya kes ini semakin meningkat. Dari tahun 1980 hingga 1990 hanya ada 12 kes. Dari 1991 hingga 2000 terdapat 39 kes iaitu tiga kali ganda. Dari 2001 hingga Februari tahun ini iaitu dalam masa 5 tahun 2 bulan terdapat 36 kes. Kita boleh melihat bahawa trend ini akan terus meningkat.

Semua mangsa kes rogol dan bunuh adalah wanita. Ramai di antaranya adalah kanak-kanak kecil. Yang termuda sekali ialah hanya berumur 5 tahun sahaja. Ini menunjukkan bahawa wanita dan kanak-kanak kecil menjadi mangsa kes rogol dan bunuh, bukan kerana mereka berpakaian seksi tetapi kerana mereka adalah golongan yang lemah dan tidak dapat mempertahankan diri sendiri.

Umpamanya pada 30 Ogos 1997, Norsalwani Dahlan hanya berumur 7 tahun dirogol kemudian dibunuh di Kampung Kumpulan A Hulu Melaka, Langkawi, Kedah. Pada Julai 2001, Siti Nadirah Budah, berumur 5 tahun sahaja, dia juga dirogol dan kemudian dibunuh. Pada 8 Januari 2004, Sarawati Saridi, 10 tahun juga menerima nasib yang sama dan sekali lagi pada 17 Januari 2004, Nurul Huda Ghani, 10 tahun juga menerima nasib yang sama.

Tiada kes rogol, kemudian bunuh sebelum tahun 1984. Tetapi dua bulan pertama tahun ini, telah berlaku empat kes. Mangsa di Nibong Tebal, namanya Kalasawi, hanya berusia tujuh tahun. Saya minta pihak kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini perkembangan terkini kes ini. Salah satu, empat kes ini berlaku, di Cinta Sayang *Resort*, Sungai Petani pada 15 Januari 2006.

Mangsa kes ini, Chee Geik Yap, berusia 25 tahun, baru lepasan universiti dan mula bekerja. Beliau didapati hilang semasa *jogging* pada petang itu. Mayatnya ditemui di tepi jalan, berdekatan tempat beliau hilang 10 jam kemudian. Beliau dirogol, diliwat, sebelum dibunuh. Dalam satu jawapan kepada saya pada 15 Mac, Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengatakan, 18 orang telah ditangkap secara rambang, secara rambang oleh pihak polis dan dijalani ujian DNA. Kesemuanya telah dibebaskan kerana ujian DNA terdapat negatif.

Saya ingin mendapat penjelasan sama ada penangkapan orang secara rambang dan dijalani ujian DNA merupakan prosedur yang diguna pakai oleh polis, dan apakah sebabnya ia digunakan dalam kes ini? Ini seolah-olah kalau Yang Berhormat Kinabatangan, kalau dia secara kebetulan berada di Sungai Petani, dan pihak polis nampaknya dia adalah seperti orang yang membuat perkara ini. *[Ketawa]* Dia ditangkap untuk ujian. Saya rasa ini bukan secara profesional. Kes Chee Geik Yap, bukan kes pertama culik, rogol kemudian bunuh yang berlaku di Sungai Petani. Pada 13 Mei ..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan, bangun.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti, nanti, nanti ya! 1996, nanti, nanti.. Seorang wanita, 40 tahun juga dirogol dan dibunuh. Dan pada 12 September 2004, Siti Syazwani berusia 9 tahun didapati hilang dalam perjalanan pulang dari kelas Al-Quran. Mayatnya ditemui esok hari, separuh bogel. Beliau dirogol sebelum dibunuh. Indeks jenayah kawasan Sungai Petani.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta nama saya jangan jadi contohlah. Saya ini tidak ada potensi buat itu macam, saya ini orang baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya, ya. Tarik baliklah, jangan guna contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tarik balik, tarik balik. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah sampai mana?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jenayah, indeks jenayah kawasan Sungai Petani meningkat dari 2,503 kes pada tahun 2000 ke 2,876 kes pada tahun 2005. Penduduk-penduduk

di Sungai Petani meminta saya mendapat penjelasan daripada YAB yang mereka sangat sayangi. Apakah sebabnya indeks jenayah di bandar mereka semakin meningkat dan apakah langkah yang akan diambil untuk menurunkannya? 10 hari selepas kes Chee Gaik Yap berlaku satu kes lagi di Johor Bahru.

Mangsa kali ini ialah Syafiqah binti Borhan, berusia 15 tahun. Beliau hilang dalam perjalanan ke perhentian bas pada awal pagi 25 Januari. Mayatnya ditemui 2 hari kemudian dipercayai dirogol sebelum dibunuh. Beliau adalah seorang pelajar yang cemerlang, bertudung. Beliau pernah mendapat keputusan 5A dalam ujian penilaian sekolah rendah pada tahun 2003. Walaupun kemudian berlaku, tapi kes ini telah selesai dengan pihak polis berjaya menangkap seorang suspek dan menuduhnya di mahkamah pada 27 Februari.

Walau bagaimanapun, saya berharap pendakwa raya kes ini berjaya membuktikan suspek inilah yang melakukan keganasan terhadap mangsa dan dijatuhkan hukuman. Bukan seperti kes Syazwani, pihak polis tidak dapat memberi bukti yang kukuh sehingga suspek dibebaskan, walaupun polis berjaya menangkap 14 orang suspek dalam 24 jam dan polis mengatakan salah seorangnya telah mengaku kepada polis bahawa dia merogol dan membunuh Syazwani.

Di sini saya sekali lagi diminta oleh keluarga Chee Gaik Yap untuk menanya kepada YAB Menteri, mengapakah polis di Johor Bahru dapat menyelesaikan kes di sana, tetapi polis di Sungai Petani pula masih tidak dapat menyelesaikan kes Chee Gaik Yap. Saya rasa mereka harus diberi penjelasan untuk memahami kesulitan yang dihadapi pihak polis untuk mengelak sebarang salah sangka yang mungkin akan menjejaskan nama baik PDRM.

Saya cadangkan pihak polis kumpulkan semua kes rogol, bunuh yang mereka berjaya selesai dan jatuh hukuman dan juga kes yang tidak berjaya untuk membuat analisa dan kajian. Saya rasa langkah ini dapat membantu pihak polis untuk menyiasat kes-kes jenis ini pada masa yang akan datang. Angka statistik menunjukkan..

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat daripada Bukit Mertajam. Saya telah berkunjung ke rumah keluarga Siti Syazwani ini kerana bapa beliau telah meminta saya hadir untuk mendengar kes anaknya yang telah ditolak oleh mahkamah dan memang sangat menyedihkan. Apa yang peliknya Tuan Yang di-Pertua, semasa 14 orang ini ditangkap, pihak polis semacam hanya percaya yang seorang itu sahaja yang merogol anaknya dan akhirnya didapati tidak siuman.

Yang peliknya, yang disyaki itu sahaja diambil ujian DNA. Yang lain itu tidak diambil ujian DNA. Jadi di sini, terdapat satu bentuk kelemahan yang sangat jelas dan seharusnya tidak berlaku kepada kes-kes yang lain yang telah disebut tadi. Apakah pandangan Bukit Mertajam?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, memang saya akan datang ke kes itu. Angka statistik menunjukkan jumlah kes rogol, kemudian bunuh semakin meningkat dan dijangkakan akan terus meningkat pada masa akan datang. Ini bermakna keselamatan kaum wanita, khususnya kanak-kanak perempuan semakin terancam semasa negara kita semakin maju. Saya rasa kita harus bersama-sama merenung mengapa jenayah rogol, bunuh semakin menjadi-jadi? Adakah ini hasil sampingan modul pembangunan kita? Saya menyeru kerajaan menjalankan satu kajian untuk mengenalpastikan punca-punca jenayah seks yang semakin ganas terhadap wanita dan kanak-kanak di negara ini supaya kita dapat menangani jenayah kejam ini dengan lebih berkesan.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri sama ada beliau sedar tentang trend yang membimbangkan ini? Dan apakah tindakan beliau untuk menangani masalah ini? Adakah *Gender Focus Point Committee* pernah membincang gejala ini? Dan sekiranya ada, apakah agensi-agensi yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah yang dapat mengatasi masalah ini.

Sekiranya jawatankuasa yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat masih belum membincangkan jenayah yang mengancam keselamatan kaum wanita dan kanak-kanak ini, saya memohon beliau memberi perhatian kepada isu ini pada masa hadapan yang dekat. Jangan tunggu lama-lama, nanti nyawa anak orang terkorban lagi. Selain daripada ancaman rogol, bunuh, kaum wanita dan kanak-kanak juga berdepan dengan jenayah rogol dan yang juga semakin meningkat setiap hari. Kes rogol telah meningkat dari 1,429 kes pada tahun 1997 ke 1,718 kes pada tahun 2004. Ini bermakna pada tahun 2004, secara purata, setiap hari berlakunya 4.7 kes rogol. Ini hanya merupakan kes-kes yang telah dilaporkan kepada pihak polis. Mengikut tafsiran *Woman Aids Organisation*, berlandaskan kajian, setiap kes rogol dilaporkan kepada polis. Sekurang-kurangnya terdapat 3 kes tidak dilaporkan. Ini bermakna, jumlah kes rogol adalah lebih tinggi lagi.

Saya ingin memperingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, semua mangsa jenayah rogol mengikut definisi undang-undang sekarang adalah kaum wanita dan kanak-kanak perempuan. Wanita juga berdepan dengan jenayah ragut tetapi saya merasa kecewa bahawa Titah Ucapan Baginda tidak langsung menyebut ancaman-ancaman terhadap wanita kita ini dan Baginda mengatakan bahawa keselamatan awam adalah terkawal. Walaupun begitu, saya rasa ini tidak cukup baik kerana terkawal hanya selangkah daripada tidak terkawal atau *out of control*. Jadi saya harap pada masa yang akan datang, Titah Ucapan Baginda akan memberi keutamaan ataupun perhatian kepada isu-isu wanita khususnya keselamatan.

Bukan sahaja wanita yang diancam, lelaki juga diancam. Walaupun mereka tidak dirogol...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jadi bukan sahaja sebutkan wanita....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lelaki jugalah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi titah ucapan kena panjangkan lagilah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Kita lihat Januari tahun ini, "*living in dangerous time*," ini dalam *Star* dan di Rawang, taman-taman di Rawang penduduk di sana juga sangat bimbang dengan keselamatan mereka. *Living in fear over gross and robberies*. Ini menunjukkan keselamatan sekarang dan *Sin Chew Daily* 15 November 2004, dalam *front page* dia mengatakan pihak polis memberi perkhidmatan percuma kepada orang-orang seperti Tuan Yang di-Pertua untuk...yang hendak pergi ke bank...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia ada sebutlah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...draw money.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia ada sebut seperti Tuan Yang di-Pertua? Tak adalah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Contohlah, contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Contoh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Understood*lah. Dia akan memberi perlindungan percuma. Walaupun saya menyambut baik kepekaan pihak polis untuk memberi perlindungan percuma tetapi kita patut berfikir mengapa keadaan telah merosot sampai keadaan ini? ini tidak pernah berlaku sebelum ini. Ini satulah tanda keselamatan awam telah merosot kepada satu tahap yang membimbangkan dan juga kita lihat Johor Bharu memang satu *sin city*. Dia merupakan indeks jenayah yang paling tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu *sin city*?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Crime city*, *crime* yang paling tinggi dan di seluruh Johor, semuanya dimenangi oleh Barisan Nasional. MP Johor Bharu juga ialah *chairman BBC*, bukan pembangkang. Jadi jangan hendak salahkan orang lain apabila katakan ada *crime*, ada jenayah yang tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak ada sini sekarang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun zaman telah maju dan kedudukan wanita memang telah semakin meningkat tetapi dalam aspek jenayah ini wanita memang lebih senang menjadi mangsa kalau berbanding dengan kaum lelaki. Sekurang-kurangnya kaum lelaki tiada diancam dirogol. Dalam perspektif ini saya ingin menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya

memberi perhatian yang khusus kepada jenayah-jenayah yang lebih mengancamkan kaum wanita dan kanak-kanak.

Di antara lain saya mencadangkan menubuhkan cawangan khas jenayah seksual dan juga jenayah-jenayah yang lebih mengancamkan kaum wanita dan kanak-kanak di peringkat kebangsaan negeri dan daerah. Menambahkan anggota-anggota polis, seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM. Yang ketiga, menambahkan anggota polis wanita supaya dapat secara lebih peka dan sensitif mengendalikan kes-kes jenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung, gulung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit lagi. Saya difahami pada tahun 2005 kita hanya mempunyai 8% polis wanita, saya harap angka ini akan ditingkatkan kepada 30% dan saya berpendapat bahawa apa yang diumumkan oleh IGP hari ini bahawa semua polis wanita mesti memakai tudung pada upacara rasmi ini tidak akan menolong menarik lebih ramai wanita, khususnya mereka yang bukan Islam. Jadi saya harap dia tidak akan melaksanakan dengan langkah ini. Yang keempat, menerima pakai cadangan Persatuan Pengguna Pulau Pinang kepada *the Parliamentary Select Committee on Integrity* untuk merombak semula struktur PDRM menjadi satu agensi yang memberi perkhidmatan bebas daripada eksekutif.

Yang satu lagi yang saya hanya menyebut ialah kes Siti Syazwani. Saya ingin memohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri memberi penjelasan mengapa *suspect* itu telah ditangkap dan dikatakan dia telah mengakui dia merogol dan membunuh Siti Syazwani tetapi setahun kemudian dia dilepaskan oleh mahkamah kerana ujian DNA nya, tidak mengaitkan beliau dengan jenayah ini. Bukankah ujian DNA ini dilakukan, dijalankan awal-awalnya? Kalau pada awal telah mendapat bahawa dia ini tidak berkait dengan kes ini mengapa beliau terus ditahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat masa cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa beliau terus ditahan ditahan selepas dia dilepaskan oleh mahkamah. Dia sekarang ditahan di bawah *Emergency Ordinance* selama 60 hari. Apa sebabnya? Adakah dia membunuh Siti Syazwani atau tidak? Itulah yang ditanyanya. Jadi saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan, Sri Gading, dan Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO sepatutnya membela nasib seperti keluarga....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengapa hendak kaitkan Yang Berhormat dari kawasan Kinabatangan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...keluarga Siti Syazwani. Kalau pada masa sekarang kita ada IPCMC, mereka boleh mengadu kepada IPCMC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat, masa cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mereka boleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup masa sudah cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mereka boleh mengadu ke IPCMC. Ke mana mereka hendak mengadu apabila kes ini berlaku? Timbalan Perdana Menteri kata ini sungguh kejam. Binatang pun tidak buat seperti itu. Menteri Pembangunan Keluarga mengatakan dia mahu hukuman setimpal dikenakan. Sekarang bapanya, Ahmad Dusukhii telah menulis surat kepada Yang Berhormat kepada menteri, apa yang mereka boleh buat? Mereka kata mereka akan *refer* kepada polis. Ibunya mengatakan anaknya adalah mati seperti katak. Keadilan tidak dibela, Yang Berhormat tidak dapat membela keadilannya, hanya IPCMC jika ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya hendak menyerulah Yang Berhormat - Yang Berhormat yang di dalam Dewan ini. Kalau kita adalah wakil rakyat kita wakillah rakyat seperti keluarga, *Siti Syazwani* janganlah kita tidak lihat kes-kes seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat mereka pun faham, cukuplah Yang Berhormat. Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa, pihak polis pun hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu pun sudah bangun, hendak berucapkah? Yang Berhormat, Kota Bharu hendak berucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...pun hendak mengadakan IPCMC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Last sentence.* Pihak polis telah melancarkan kempen anti rasuah ini menunjukkan mereka ingin mempertingkatkan imej mereka. Jadi saya rasa mereka hendak IPCMC. Saya haraplah, ini Yang Berhormat-Yang Berhormat jangan salah wakikan PDRM ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Kota Bharu sila.

3.50 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setiap kali Dewan ini dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baginda menyentuh soal perpaduan, kestabilan negara dan seterusnya untuk menjamin negara kita ini selamat di masa yang akan datang.

Saya ingin menyentuh soal ini soal perpaduan. Tetapi soal perpaduan Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh timbul atau menjelma dengan begitu sahaja. Perpaduan timbul dengan satu perasaan kesedaran yang tinggi di antara semua kaum negara kita. Ia tidak boleh dicapai

dengan kekerasan, ia tidak boleh dicapai dengan menutup ruang perbincangan soal perkara-perkara penting, ia tidak boleh dilaksanakan semata-mata dengan *authority* dan kuasa.

Kalau kita lihat di Rwanda persekitaran etnik *Hutu dan Tutsis* - kerana mereka dari kumpulan yang berbeza tetapi dari negara yang sama, mempunyai agama yang sama tetapi mereka sanggup membunuh antara satu sama lain sehinggakan 1 juta manusia meninggal dunia. Di Serbia, *Slobodan Milosevic* yang baru meninggal juga mengambil pendekatan bahawa orang-orang *Serb* mempunyai kekuatan yang tersendiri harus mengawal, harus menentukan corak negara itu membangun dan akhirnya Yugoslavia hancur dan ratusan ribu orang-orang Islam *Croats, Albanian* mati.

Baru-baru ini kita lihat dasar Amerika yang berasaskan perkauman menyerang Iraq dan menutup segala ruang untuk orang-orang Islam di Timur Tengah. Walaupun baru ini syarikat Dubai dapat berjaya untuk menguasai Syarikat P&O tetapi diberhentikan, digagalkan oleh Kongres semata-mata kerana dia orang Arab. Bila syarikat China ingin membeli *Unocal*, syarikat Amerika ia juga digagalkan tanpa alasan yang munasabah tetapi semata-mata kerana prejudis, kerana sikap benci kepada bangsa dan *race* yang lain.

Kita juga di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, mengalami pengalaman yang hitam tahun 1969 dan tidak ada jaminan bahawa ia tidak akan berlaku lagi kalau kita masih tidak mahu mempelajari sejarah dan keadaan politik semasa. Sebab itulah saya sebagai seorang Ahli Parlimen ingin menyeru kerajaan berilah perhatian yang lebih dan serius mengenai perkara ini. Sudah tentunya kita dengar setiap kali soal sensitif kononnya timbul maka reaksi yang kita dengar ialah "Oh! Cukup, cukup. Ini sensitif tidak boleh diperkatakan." Tidak ada ruang perbincangan. Tetapi selama manakah kita hendak gunakan pendekatan ini.

Pada saya kalau niat kita baik hujah kita ada alasan tidak ada yang sensitif. Soal hak rakyat di negara ini, sama ada Melayu dan bukan Melayu, sama soal perkara 153, sama ada soal agama, selagi kita tidak niat hendak menghasut kerana menghasut itu datang daripada niat yang jahat tetapi persoalan-persoalan yang timbul mengenai diskriminasi, memberi peluang sama ada peluang *scholarship*, peluang pengajian tinggi, peluang orang-orang Melayu sendiri menyertai *business*, ini semua perkara-perkara yang perlu kita selesaikan dengan cara yang baik. Sebab itulah saya mencadangkan walaupun cadangan ini sudah tentunya juga akan ditolak, saya merayu supaya kerajaan menubuhkan Perlembagaan ataupun Mahkamah Perlembagaan, *constitutional court*.

Tujuan kita menubuhkan mahkamah ini supaya isu-isu yang berkaitan dengan hak dapat ditentukan oleh mereka yang tidak berpolitik kerana orang politik tidak boleh menyelesaikan perkara ini. Kita perlu mengambil iktibar di Afrika Selatan, negara yang diperintah oleh *apartheid* begitu lama tetapi Mahkamah Perlembagaan Afrika Selatan setakat hari ini berjaya menyelesaikan persoalan-persoalan yang rumit tadi, dan saya percaya ini akan membantu negara itu membangun. India juga mempunyai masalah yang besar tetapi Mahkamah

Persekutuan ataupun *Supreme Court* India begitu aktif sekali membuat ketetapan-ketetapan yang boleh menjamin bahawa semua rakyat India, orang Islam di India, orang Hindu di India mendapat pembelaan merasakan mereka mendapat perlindungan.

Ini penting Tuan Yang di-Pertua, dan saya merasakan kita tidak perlu takut mengambil pendekatan sebegini. Bagi orang Melayu tidak ada perlembagaan dalam dunia yang memberi keistimewaan kepada kumpulan majoriti dan tidak ada siapa yang mempertikaikan. Artikel 153 *is unique*, dengan izin. Kita ada pembelaan ini, keistimewaan itu ada tetapi bila orang bertanya di manakah berakhirnya 153, di mana akhirnya keistimewaan yang dimaksudkan dan bilakah bermulanya diskriminasi, itu bukan untuk menghasut, untuk kita sendiri sama-sama memikirkan supaya peruntukan itu tidak disalahgunakan.

Dan bila saya katakan salah gunakan bukan sahaja antara Cina dan Melayu, Melayu dan India, ia boleh disalahgunakan oleh Melayu dengan Melayu juga. Jadi, persoalan 153 bukan sensitif, soal agama Islam tidak ada siapa yang siuman dalam dunia Malaysia ini yang mempersoalkan kedudukan agama Islam, tidak ada siapa dan Islam terjamin. Jika ada rintihan, dan jika ada perkara-perkara yang dibangkitnya yang berkaitan dengan agama tidak bererti mereka menentang Islam, kedudukan Islam. Islam hanya akan boleh diancam oleh orang-orang politik. Kita orang Islam mengambil pendekatan yang jelas, etika orang-orang Islam ialah keadilan. Kita mengingati nasihat Sayidina Ali sendiri, hanya dua kumpulan manusia, satu kumpulan yang seagama dengan aku dan satu kumpulan yang sama etika dengan aku, dalam erti kata kita bersaudara.

Dan kalau kita sebut mengenai *amar makruf nahi mungkar*, prinsip etika yang mengajak kita membuat kebaikan dan menolak kejahatan. Jadi, prinsip-prinsip ini kekal tidak ada siapa yang akan mencabarnya, dan bagi orang bukan Melayu kerajaan telah memberi banyak kebebasan. Banyak! Tetapi mengapa tidak boleh bersama-sama dengan Sekolah Kebangsaan. Kalau pun ada kelemahan, kalau pun Sekolah Kebangsaan seolah-olah macam Sekolah Arab katanya, ubah, *engage in political dialogue*. Jangan kita pisahkan, jangan kita rasakan *we can live on our own life*, kita hendak sekolah sendiri, hendak bahasa sendiri seolah-olah *National School*, bahasa untuk bangsa Malaysia tidak penting. Jadi, soal ini Tuan Yang di-Pertua, penting.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Kota Bharu sahabat saya. Saya tidak nafikan pandangan Yang Berhormat. Jelas mengatakan bahawa kita dalam sebuah negara yang demokrasi tetapi persoalannya kita bimbang dari segi yang tidak berdisiplin. Kita tidak mahu sudah diberikan betis hendak peha. Ini yang membimbangkan kita. Kalau kita ikut peraturan dan saluran tidak mengapa. Lebih membimbangkan lagi kalau ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan menanggung di air yang keruh, terutama sekali isu sensitif seperti agama yang kita sudah tahu ini

termaktub dalam Perlembagaan kita. Apa pandangan Yang Berhormat tentang ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya setuju bahawa perkara-perkara ini kita kena tangani dengan berhemah, penuh hemah dan berjaga-jaga tetapi orang yang tidak mahu perkara ini dibangkitkan juga akan menggunakan, sebab itu, "*Oh! Ini sensitif*". Kita kena ajar, kita kena latih. Kata orang Inggeris, *we have to nature, tolerance* dan *tolerance* tidak boleh terjadi dengan begitu sahaja.

Jadi kita sebagai kepimpinan yang mewarisi *framework* ataupun negara yang telah, yang begitu bertuah ini, kepimpinan mestilah berani dan bertanggungjawab. Kepimpinan mestilah mengatur perkara ini, mengajak kita bersama supaya memahami masalah ini. Dan saya percaya kita ada kemampuan itu, kita mesti ingat kekuatan rakyat Malaysia, kita hanya ada 25 juta. Dalam 20 tahun lagi, negara China akan menjadi *superpower, economics superpower*, ini diakui oleh orang Amerika sendiri. India *economics superpower*.

Apakah kita yang 25 juta ini masih lagi waswas antara satu sama lain dalam pendekatan polisi, bimbang kepada orang sebelah, warganegara sendiri. Apakah kita tidak bimbang kepada dunia luar dan kalau itu yang menjadi keutamaan kita sudah tentu yang menjadi *priority* ialah kekuatan bangsa rakyat Malaysia. Saya tidak nampak dengan kita dapat mengatasi, orang Melayu dapat mengatasi orang Cina Malaysia dan ataupun orang Cina mengatasi orang Melayu di Malaysia, dapat menyelesaikan masalah mereka suatu hari nanti. Hanya kekuatan bersama dapat menjamin kestabilan negara ini.

Saya ingin menyentuh perkara ini sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana kita selalu bercakap mengenai muhibah, kita ada panel penasihat, mungkin kita ada menteri yang bertanggungjawab, saya tidak tahu. Kita ada 'merdeka' bila hari ucapan merdeka, *we always say the right thing*. Tetapi sudah sampai masanya ada perkara hari ini yang tidak sihat, dan saya rasa tanggungjawab kita pemimpin ialah menyelesaikan masalah ini supaya rakyat Malaysia merasakan kita bersama, kita bersama membangunkan negara ini dengan erti kata yang sebenar. Hari ini kita tahu sebelum Yang Berhormat Larut *sidetrack* saya tadi, saya menyebut tentang persekolahan dan saya ingin menyebut tentang perkara ini kerana inilah yang menyatukan kita, *the school*.

Tetapi kebimbangan kumpulan-kumpulan tertentu sudah tentu kita ambil kira tetapi kita mesti ada satu pakatan, *what type of school* yang kita hendak? Kita tidak boleh menyelesaikan semuanya, kalau orang nak sekolah Arab, kita sediakan sekolah Arab, orang nak sekolah Cina, kita bagi sekolah Cina, orang nak sekolah apa, bagi. Tetapi *national school* mesti mempunyai satu, bukannya tempat *bargain*, bukan kerana orang itu nak jawi, kita bagi jawi, orang tu nak Mandarin, kita bagi Mandarin. Kita tanya *what is this school for?* Dan itulah yang menjadi penentuan majunya negara kita supaya semua rakyat Malaysia yang ingin mendapat pelajar yang terbaik datang ke sekolah *national school*. Kalau nak belajar bahasa sendiri, belajar, nak

belajar 10 bahasa lain, belajar. Nak belajar apa pun, nak belajar Sanskrit sekalipun belajar, tetapi *national school* mesti mempunyai ciri-ciri wajib, ciri-ciri yang progresif, yang moden, kalau tidak kita akan terus bercakap mengenai persaingan, *competitiveness*.

Kita jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, kita negara kecil, kita dikelilingi oleh negara-negara yang kuat, modal yang lebih, pelajar yang terlebih tinggi, kekuasaan tentera yang lebih kuat yang boleh menjamin orang Melayu, orang Cina dan orang India ialah kekuatan diri. Tidak ada dasar, tidak ada polisi dan tidak ada kerajaan yang boleh menyelamatkan kita. Sebab itu saya mengakhiri, saya harap kerajaan melihat perkara ini secara objektif dan baik. Dan timbullah kekuatan yang diidam-idamkan oleh pemimpin kita dahulu, Tun Razak, Tunku Abdul Rahman, semua pemimpin yang dahulu, mereka telah menyediakan rangka janglah kita

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong bangun.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana sekurang-kurangnya telah memberi satu dorongan kepada semua pihak terutama orang-orang politik. Tetapi satu perkara, satu isu yang saya nak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Bharu mengenai sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sebagainya.

Sekarang ini dalam masyarakat kita ini, orang Melayu, orang Muslim, mereka kata bahawa orang sekolah kebangsaan tidak *Islamic enough* dengan izin. Tetapi bagi orang bukan Islam, orang Cina, India ataupun bangsa lain, mereka ini kata sekolah kebangsaan macam sekolah agama. Saya tahu ini adalah satu persepsi dan ketidakyakinan pihak-pihak tertentu terhadap sekolah kebangsaan iaitu dari kedua-dua pihak. Daripada penjelasan dan juga ketokohan Yang Berhormat Kota Bharu, bagaimanakah kita boleh mengatasi persepsi dan juga ketidakyakinan terhadap sekolah kebangsaan pada masa ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya tidak ada ketokohan dan saya tidak ada jawapan yang mungkin dapat memberi kepuasan, tetapi kita berbalik kepada matlamat sekolah, itu yang utama. Dan pada saya kebebasan telah pun diberi di bawah sistem kita untuk kita adakan sekolah ataupun *vernacular school*, kita ada sekolah agama, sekolah Arab, kita ada macam-macam. Dan saya rasa peluang atau pilihan ini kita terus sediakan, tetapi dalam kita menjayakan projek sekolah kebangsaan, ciri-cirinya seperti yang saya kata tadi untuk mengambil kira perkara-perkara yang boleh diterima sebahagian besar daripada rakyat.

Rakyat yang mahukan kemajuan, rakyat yang mahukan pendidikan yang terbaik dan kita tahu apa itu pendidikan yang terbaik. Dan kita tidak dapat menyelesaikan segala permintaan tetapi pada pendapat saya biarlah sekolah kebangsaan ini, sekolah yang *excellent*, sekolah yang namanya kebangsaan ke, wawasan ke, kita jangan mudah tolak. Kita jangan cari jalan mudah,

"oh, I don't like your school, I set up my own school". Kita cuba jayakan sekolah kebangsaan, kita jayakan sekolah wawasan, supaya bangsa.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, pandangan terbaik. Boleh terima sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai, sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Alangkah indahnyanya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pandangan, alangkah indahnyanya seorang rakyat Malaysia boleh bertutur tiga bahasa. Bahasa Melayu, bahasa India, dan bahasa Tionghoa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bahasa Inggeris.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Nanti dulu, haiya ini nyonya banyak susahlah. *[Ketawa]* Jadi ini adalah satu budaya yang sangat cantik Yang Berhormat Kota Bharu, saya amat bersetuju dari segi jangka masa panjang tidak ada alternatif kita dalam Malaysia, kita mesti duduk dalam satu bumbung dengan fahaman pendidikan yang sedemikian rupa. Jadi kalau rakyat Malaysia pergi ke England, kita boleh bercakap bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Melayu dan *people will respect us*, "class, fantastic Malaysia" dia kata. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya dengan Jerai ni, saya ada *soft spot* dengan dia, jadi saya setuju kalau kita tahu banyak bahasa dan itu adalah untuk kebaikan kita semua, saya setuju. Tetapi balik kepada isu yang saya sebut tadi, isu yang mustahak, isu yang sensitif kononnya, isu yang besar, cara penyelesaian bukannya dengan cara kita mengasingkan diri. Kita mesti *politically involve* dan kita jangan menggunakan politik yang mudah untuk mengatasi masalah tertentu.

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya harap penubuhan Mahkamah Perlembagaan ini dapat memperjelaskan semua supaya kita boleh tumpukan hak masing-masing. Hari ini tanpa penjelasan itu kita ada guru sekolah, kata kamu main *netball*, tak boleh kerana tak pakai tudung misalnya, ataupun nampak pusat, misalnya. Macam tadi kita dengar daripada wakil rakyat daripada Indera Mahkota, anaknya sendiri, sebab apa? Sebab *culture of constitutionalism* tidak ada, semua orang buat keputusan sendiri, semua orang buat keputusan sendiri. Guru buat keputusan, pegawai majlis buat keputusan, DO buat keputusan, dasarnya sendiri. Ini semua mesti mengikutinya undang-undang dan perlembagaan, baru kita selamat.

Dan *this culture* tidak akan terjadi dengan begitu sahaja, kalau kita buat keputusan sama ada badan politik misalnya, buat keputusan semata-mata kerana orang politik tidak boleh bawa kes ke mahkamah, maka kita buat keputusan kerana kita ada kuasa, itu bukan '*culture of law of constitutionalism*'. Kita kena ada asas. Begitu juga badan-badan lain, kalau mula kita buat keputusan semata-mata kerana kuasa, maka guru pun dia rasa dia ada kuasa, orang itu ada

kuasa, *the policeman* pun fikir tidak apalah undang-undang *I will* selesai *this* kuasa. Misalnya dia rasa ada kuasa, sebab itulah kalau kita tubuhkan Mahkamah Perlembagaan ini. *South Africa* pun ada, India, Thailand pun ada. Thailand itu ada *Constitutional Court*, sebab itu Taksin takut. Kita ada negara-negara kurang daripada kita dari segala segi, sanggup menyerahkan kuasa penentuan hak-hak penting...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung, boleh gulung.

Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: ...dan perkara-perkara yang ada kaitan dengan hak asasi, ya biar mahkamah yang menentukan. Jangan sahaja kerana Menteri ada kuasa, misalnya kita minta permit ke, minta surat khabar ke, kita minta *journal magazine* dia kata tidak boleh, habis cerita. Kita hendak daftar parti politik Dayak ke, tidak dapat kita tidak boleh buat apa. Sebab itu kita perlu hak dan mahkamah yang menentukan rakyat boleh terima dan inilah pendekatan yang saya syorkan.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau

4.12 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyertai perbahasan atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan menyentuh beberapa perkara.

Perkara yang pertama ialah tentang kepentingan untuk membina bilik-bilik darjah mengikut keperluan rakyat di kawasan bandar dalam RMK-9. Pentingnya peranan pendidikan dalam membangunkan modal insan untuk keperluan pembangunan negara adalah tidak pernah dinafikan. Oleh sebab itu, sebahagian besar peruntukan telah diagihkan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam setiap rancangan lima tahun. Walau bagaimanapun masih terdapat kawasan-kawasan tertentu tidak diberi perhatian yang sewajarnya mengikut pendesakan keperluan untuk kemudahan persekolahan yang sebenarnya.

Kekurangan kemudahan persekolahan ini bukan sahaja berlaku di kawasan luar bandar tetapi tidak kurang serius, dan tidak kurang kadar mendesakunya di kawasan bandar juga. Keadaan perancangan tidak selaras dengan keperluan yang sebenarnya berlaku di kawasan Parlimen Tebrau. Bangunan sekolah baru yang dekat dengan Tanjung Puteri dibiarkan setelah siap dibina. Sehingga dibongkar oleh akhbar, manakala Sekolah Kebangsaan Kota Masai di Kota Masai dan Sekolah SJKC Foon Yew 5, di Taman Mang Austin menghadapi kekurangan bilik darjah yang serius.

Wakil Rakyat telah merayu dan menonjolkan masalah tetapi masih belum nampak langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan. Dalam kes SJKC Foon Yew 5 Taman Mang Austin sejak sekolah ini dipindah ke Taman Mang Austin. Pembinaan sekolah ini

termasuk kelengkapan telah memakan perbelanjaan sebanyak RM 6juta. Daripada jumlah itu, saya difahamkan kurang daripada 10 peratus merupakan peruntukan kerajaan. Bakinya terdiri daripada kutipan derma dari setahun ke setahun daripada penduduk-penduduk setempat. Sekolah ini masih menghadapi masalah kekurangan bilik darjah yang serius. Ekoran daripada peningkatan bilangan penduduk yang pesat kerana penduduk-penduduk dari tujuh buah taman kediaman persekitaran di persekitaran sekolah itu terpaksa hantar anak-anak mereka ke sekolah ini.

Memandangkan hanya terdapat dua buah SJKC di kawasan ini telah pun mempunyai *enrolment* melebihi tiga ribu orang murid masing-masing. Maka tibalah masa kerajaan menghulurkan tangan untuk menyelesaikan masalah kekurangan bilik darjah yang dihadapi oleh rakyat di Kawasan Parlimen Tebrau dan tidak semata-mata menyerahkan tanggungjawab membina bilik darjah kepada PIBG dan jemaah pengurus sekolah itu. Padahal selepas pilihan raya tahun 1999, dalam satu mesyuarat yang telah diadakan di Kementerian Pelajaran antara bekas Menteri Pelajaran Tan Sri Musa Mohammad dengan pihak PIBG sekolah, Yang Berhormat Menteri telah bersetuju membenarkan SJKC Foon Yew 5 dan SJKC Kulai 2 dibina oleh kerajaan dengan syarat tapak sekolah diserahkan kepada pihak Kementerian.

Dan pada tahun 2001, Kementerian Pelajaran telah bersetuju mencadangkan SJKC di Foon Yew 5, dan Kulai 2 dilaksanakan dalam RMK-8. Saya difahamkan oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan penyerahan tanah tidak dapat dilakukan dalam tempoh RMK-8. Walau bagaimanapun kini penyerahan tanah sudah pun selesai. Saya memohon sepatutnya pembinaan bilik-bilik darjah yang keperluannya begitu mendesak di SJKC Foon Yew 5 dan pembinaan sebuah Sekolah Kebangsaan baru di Kota Masai di masuk di RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua perkara yang kedua saya ingin menyentuh tentang pelaksanaan program rakan cop di semua kawasan bandar. Kadar jenayah masih tinggi di Johor Bahru dan kebimbangan tentang ancaman penjenayah masih benar dan ketara di kalangan penduduk-penduduk di taman-taman kediaman. Kes pecah rumah, curi kereta, ragut dan merompak dengan senjata sering berlaku terutamanya semasa kaum lelaki keluar bekerja. Memandangkan kekurangan kakitangan polis, kerajaan perlu mendidik dan melibatkan penduduk-penduduk setempat untuk membantu memelihara keselamatan di taman kediaman. Hanya dengan usaha membangkitkan kesedaran bahawa keselamatan di tempat kediaman adalah tanggungjawab bersama setiap penghuni akan dapat kita membanteras kegiatan jenayah.

Dengan sebab itu program rakan cop harus dilaksanakan di setiap kawasan kediaman. Semangat bekerjasama dan bantu-membantu perlu ditanam di kalangan rakyat melalui penglibatan NGO, Jawatankuasa Penduduk dan Wakil Rakyat boleh menggembeng tenaga dan kemudahan semua pihak. Dengan sokongan dari PDRM serta PBT atau pihak berkuasa tempatan. Satu jaring perhubungan melalui telefon bimbit, dengan sistem perhubungan teks

boleh ditubuhkan untuk melaporkan kepada MPV atau *Mobile Police Vehicle* apabila jenayah berlaku atau disyaki akan berlaku.

Dengan bantuan orang ramai polis dapat bertindak dengan cepat untuk menangkap penjenayah. Jaringan perhubungan ini jika berfungsi dengan baik akan dapat menyekat kegiatan jenayah.

Perkara yang ketiga saya ingin menyentuh tentang masalah bekalan air, elektrik di kawasan luar bandar dan projek jalan kampung. Setelah hampir lima puluh tahun negara mencapai kemerdekaan, masih terdapat kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung orang asli di pinggir bandar yang belum ada bekalan air, elektrik dan belum dihubungi dengan jalan tar.

Kerajaan perlu berikhtiar menyediakan kemudahan asas ini untuk penduduk-penduduk di kawasan terpencil ini sungguh pun kos per *capital* menyediakan kemudahan ini lebih tinggi. Peruntukan bagi tujuan ini harus ditambah lagi demi keadilan sosial. Peruntukan PJK ini diberikan di kawasan Parlimen diklasifikasikannya sebagai kawasan luar bandar. Kawasan Parlimen diklasifikasikan sebagai kawasan bandar tidak diagihkan peruntukan PJK seperti diagihkan secara automatik kepada kawasan Parlimen luar bandar. Pada hakikatnya terdapat juga kawasan luar bandar yang mempunyai kampung-kampung tradisi di kawasan Parlimen yang dinamakan kawasan bandar. Cara klasifikasi dan cara pengagihan peruntukan dia tidak adil dan tidak logik seperti ini telah menganak tiri kan penduduk-penduduk luar bandar di kawasan Parlimen dinamakan kawasan bandar.

Bagi PJK kerajaan perlu mempunyai rancangan menyeluruh berbentuk jangka panjang dan bukan semata-mata memperbaiki meluas, memanjang ataupun menarik menaik taraf secara *piecemeal* atau berasingan. Pengagihan peruntukan PJK secara berasingan kita dapat menggunakan sumber yang terhad secara optimum. Misalnya jika *growth pearl* konsep *growth pearl* dikenal pasti dan jaringan jalan dirancang untuk jangka panjang nescaya peruntukan PJK akan lebih bermanfaat kepada rakyat.

Satu perkara lagi saya menyentuh ialah tentang kurang ketelusan dalam pelaksanaan program memperkasa SME atau perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Memandangkan bilangan PKS adalah besar dan merupakan lebih 90% daripada keseluruhan syarikat di dalam sektor pembuatan maka PKS memainkan peranan penting dalam perkembangan pelaburan sektor swasta. Dengan itu kerajaan harus mengambil berat rintihan dan masalah yang dihadapi oleh PKS.

Kerajaan telah menubuhkan SME Bank untuk berfungsi sebagai pusat sehenti yang memberi bantuan perkhidmatan kewangan dan khidmat nasihat perniagaan kepada PKS tetapi masih ramai PKS mengadu bahawa mereka belum mendapat manfaat daripada khidmat daripada SME Bank kerana prosedur mendapatkan pinjaman wang dan khidmat nasihat kurang

telus. Diharapkan pengurusan SME Bank lebih proaktif bagi membantu PKS dan menyebarkan maklumat khidmat kewangan dan bukan kewangan dengan lebih agresif lagi.

PKS juga mengalami kesulitan yang menjejaskan perniagaan mereka ekoran operasi lima hari oleh Bank Komersial, transaksi perniagaan terpaksa ditangguhkan sehingga hari Isnin kerana bank tutup pada Sabtu. Selain daripada itu, gangguan bekalan elektrik dan masalah imigresen boleh juga menjejaskan operasi kilang-kilang PKS. Maka amalan penting bagi agensi-agensi kerajaan seperti TNB dan Jabatan Imigresen menyahut permintaan berdialog untuk mengatasi masalah yang telah timbul.

Adalah merupakan kewajipan oleh agensi-agensi kerajaan untuk membantu memperkasakan PKS demi pembangunan ekonomi negara. PKS juga mengalami masalah kekurangan pekerja-pekerja mahir salah satu ialah pekerja siswazah yang tidak berkemahiran IT, tidak berkemahiran menyelesaikan masalah atau *problem solving skill* dan lemah berbahasa Inggeris. Kokurikulum Universiti perlu ditingkatkan semula supaya selaras dengan keperluan pasaran. PKS mengalami kesulitan apabila dasar-dasar yang telah dikuatkuasakan diubahsuai selepas teguran hebat dari sektor swasta. Pengubahsuaian dasar setelah implementasi telah menimbulkan kekeliruan. Dicadangkan agensi mengumpul *feedback* yang mencukupi daripada orang ramai termasuk PKS sebelum sesuatu dasar itu digubal dan diimplementasikan.

Perkara yang berikut ialah tentang pembanjaran kerja asing di taman-taman perumahan. Kebelakangan ini pekerja-pekerja asing yang tinggal di taman-taman perumahan di sekitar Johor Bharu semakin meningkat. Penempatan pekerja-pekerja asing ini di kawasan kediaman rakyat tempatan telah menimbulkan pelbagai kesulitan kepada penduduk tempatan. Para pekerja asing ini sering terbabit dalam kes-kes jenayah, mengganggu ketenteraman, malahan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama dan adat resam penduduk tempatan. Contohnya, mereka memakan daging anjing atau kucing liar, mandi dengan mendedahkan tubuh badan di luar rumah dan sebagainya. Kerajaan harus mewajibkan pihak majikan untuk menempatkan para pekerja asing di tapak pembinaan atau penempatan khas dan bukannya di taman perumahan atau rumah-rumah kedai. Supaya memudahkan pemantauan dan pengawasan pihak berkenaan.

Saya ingin menyentuh juga tentang sistem pendidikan negara yang terlalu *exam oriented*. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Pelajaran yang telah menyuarakan hajatnya untuk membetulkan sistem pendidikan yang terlalu *exam oriented* supaya sistem penilaian yang lebih menyeluruh digunakan untuk menilai prestasi pelajar. Saya berharap langkah pembetulan ini dipercepatkan lagi. Perbuatan dan kelakuan ibu bapa masyarakat umum termasuk media masa untuk memujuk anak-anak kita berebut-rebut mencapai A, dalam peperiksaan merupakan satu tekanan yang membinasakan. Tambah buruk lagi pihak pentadbir sekolah turut tenggelam dalam budaya mengejar As untuk menaikkan nama baik sekolah. Budaya mengejar A telah menjadi budaya pendidikan negara.

Tibalah masa kita balik ke pangkal jalan dengan menerima hakikat bahawa institusi sekolah adalah tempat untuk mendidik dan mengasuh anak-anak kita supaya mereka menjadi insan yang baik, kreatif dan berguna. Bukan semata-mata untuk mengumpul As dalam peperiksaan. Semasa kita memuji pelajar yang berjaya jangan lupa pelajar yang melompat dari tingkat tiga bangunan sekolah di Kangar kerana gagal dalam peperiksaan SPM. Ibu bapa harus sedar akademik bukan untuk semua orang. Anak-anak kita boleh mencapai kejayaan di pelbagai bidang jika kita memberi galakkan dan sokongan kepada mereka.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang pembangunan sistem pengangkutan awam. Kesesakan trafik di kawasan bandar bukan sahaja membazirkan petrol dan masa tetapi juga menjejaskan kualiti hidup rakyat dan industri pelancongan. Oleh sebab itu, pengumuman PM menggunakan RM4.4 bilion hasil jimat dari kenaikan harga minyak petrol untuk pembangunan pengangkutan awam amat dialu-alukan oleh semua pihak. Peningkatan sistem pengangkutan awam di seluruh negara akan memberi infrastruktur dan impak yang amat berguna bagi peningkatan hasil negara. Segala langkah perlu diambil untuk memastikan rancangan meningkatkan sistem pengangkutan awam mencapai kejayaan supaya meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat dan produktiviti negara.

Kerajaan harus secepat mungkin dan sedaya upaya memperbaiki sistem pengangkutan awam sedia ada yang kurang berkesan termasuk langkah-langkah yang berikut:

- (i) dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengangkutan Awam di setiap bandar dan bandar raya dan anggotanya merangkumi pakar pengangkutan, perancang bandar, wakil-wakil rakyat, wakil NGO dan wakil PBT untuk merancang *network* perkhidmatan bas yang mudah dipakai;
- (ii) mewajibkan syarikat bas berkhidmat mengikut jadual yang ditetapkan;
- (iii) mengenakan *charge* untuk kereta masuk ke kawasan terhad pada masa kemuncak dan kereta yang tidak membawa penumpang;
- (iv) dengan mengambil segala langkah untuk memudah menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam daripada kereta sendiri.

Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar.

4.29 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kuala Pilah yang telah membawa usul dan saya ingin merujuk kepada Titah ke Bawah Duli Tuanku semasa membuka Titah DiRaja dengan bermula memberi penumpuan kepada keselamatan. Memberi penumpuan kepada keselamatan dan mengakhiri ucapan beliau Sri Paduka Baginda dengan keselamatan juga.

Ini menunjukkan bahawa keselamatan negara, kehidupan yang sejahtera amat penting untuk kita jayakan bersama. Sebab itu, saya ingin menyentuh sedikit tentang IPCMC yang telah banyak diperkatakan oleh semua Ahli Parlimen dan saya bersama dengan rakan-rakan untuk kita tidak membenarkan penubuhan IPCMC ini. Walau bagaimanapun, saya tidak akan mengulangi perkara-perkara yang telah ditimbulkan. Cuma saya ingin memberi sedikit penambahan tentang bagaimana kita boleh membantu perkara-perkara yang dibangkitkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat susah, hendak apa?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya baru hendak mula, saya hendak beritahu kenapa hujah ini dikeluarkan. Perkara yang telah dibangkitkan tentang alasan mengapa IPCMC ini tidak dipersetujui tidak akan saya ulangi. Tetapi saya ingin memberikan penumpuan kepada bagaimana kita boleh memantapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis, Suhakam atau Badan Pencegah Rasuah dan juga Tatatertib kerana kalau kita tengok apa juga aduan yang dibangkitkan, apa juga permasalahan yang ditimbulkan yang didakwa dilakukan oleh polis boleh kita selesaikan sehingga yang saya diberi maklum polis ini mempunyai cara mereka untuk mengambil tindakan kepada anggota.

Malahan kalau ada anggota polis yang berkahwin dua tanpa mendapat kebenaran daripada bosnya, maka anggota polis tersebut boleh diberhentikan. Ini menunjukkan undang-undang sedia ada, peraturan sedia ada untuk memantapkan perkhidmatan pasukan polis sudah ada, sudah baik dan ada aduan yang mengatakan bahawa sipolan, sipolan melakukan rasuah dan salah laku, jika bukti tidak ada penuh pun mereka akan hantar ke tempat lain.

Ini menunjukkan bahawa polis sentiasa ingin mempertingkatkan perkhidmatan mereka dan saya memberi harap agar kerajaan dapat memantapkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada untuk kita membaik pulih meningkatkan mutu perkhidmatan polis. Dalam masa yang sama, saya ada satu soalan untuk diberikan kepada pihak kerajaan.

Dalam 125 cadangan yang diberikan, banyak perkara yang melibatkan kepada pentadbiran kemudahan polis seperti yang telah disebutkan panjang lebar oleh Ahli-ahli Parlimen rakan-rakan saya ini. Cumanya boleh atau tidak kalau kita beri urusan pentadbiran kemudahan polis ini kepada pihak polis yang mana kalau mereka perlukan kasut mereka perlukan balai polis, mereka perlukan uniform polis, kita bagi kepada anggota polis yang menjaga supaya tidak lagi dijaga oleh pihak pentadbiran kerana pihak pentadbiran mempunyai pertimbangan yang berbeza yang mungkin boleh menjejaskan kerja, mutu kerja dan perkhidmatan polis.

Kalau uniform itu penting, kalau senjata itu penting, biarlah pihak PDRM yang mengemukakan kepada kerajaan dan mereka sendiri menerima peruntukan yang diluluskan dan mereka sendirilah yang mengagihkan kerana dengan cara ini birokrasi yang boleh menjejaskan mutu perkhidmatan polis dapat kita atasi. Saya sekali lagi ingin mengulangi untuk rekod, saya

turut bersama dengan rakan-rakan yang lain tidak bersetuju dengan penubuhan ini seperti alasan-alasan yang sedia ada.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang isu minyak. Kita juga setuju dengan apa juga alasan, dengan apa juga perkembangan yang berlaku sejak akhir-akhir ini yang mengakibatkan harga minyak terpaksa dinaikkan dan saya juga telah

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Muar. Sebelum berpindah kepada tajuk lain, kita semua telah menyentuh tentang pentingnya Jabatan PDRM. Tetapi satu perkara yang saya lihat tidak selesai daripada mula kita sebut di Parlimen ini ialah tentang perjawatan polis yang kekurangan begitu ramai. Saya ingat dalam akhbar minggu lepas dinyatakan yang kritikal 6,500 orang.

Saya ingat dalam sehari dua lepas, ia telah bertambah kepada 10,000 malah pada tahun lepas kita telah diberitahu bahawa yang perlu ialah 20,000. Nampaknya perkara ini tidak kunjung selesai seperti kita tidak mengiktiraf kepentingan Jabatan Polis ini. Oleh kerana itu, setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Muar, kita adakan suatu tempoh tertentu supaya perkara ini dapat diselesaikan sama ada oleh pihak JPA ataupun pihak kerajaan supaya pihak yang bertanggungjawab ini maknanya dapat memberikan perhatian khusus supaya perkara ini dapat diberikan perhatian dan diambil tindakan, diselesaikannya dalam erti kata yang sebenar-benarnya jika kita mengiktiraf kepentingan polis dan memang kita pun memang sangat menghargai perkhidmatan polis. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ini yang saya maksudkan tadi setelah kita perkukuhkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Kita kena bagi apa sahaja polis minta. Sebab itu Ke bawah Duli Tuanku memulakan ucapan dan menutup ucapan dengan keselamatan. Bagaimana hendak menjaga keselamatan dengan baik kalau kemudahan-kemudahan ini tidak diberikan. Sebab itu saya merasakan IPCMC ini belum cukup mantap, belum cukup sesuai untuk menyelesaikan semua masalah yang berlaku pada hari ini. IPCMC bukan jalan keluar tetapi yang penting untuk kita sediakan kepada para polis adalah keperluan-keperluan ini, keanggotaannya, kemudahannya, kenderaannya dan segala pergerakan yang boleh membantu khidmat mereka.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Muar, terima kasih. Tetapi saya masih tidak berpuas hati lagi dengan jawapan itu kerana kita tidak spesifik, tidak ada tempoh, kita masih umum. Boleh atau tidak umpamanya yang 6,500 ini yang kritikal dalam tempoh tiga bulan ini akan selesai. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya alihkan soalan itu kepada pihak kerajaan untuk memberi tempoh. Saya setuju dengan Yang Berhormat, kita perlu tempoh dan saya rasa kerajaan kena umumkan bila hendak diberikan kemudahan-kemudahan yang memang cukup

terkebelakang sampai kepada penggunaan *handphone* pun kita tidak dapat sediakan lagi bagaimana kita hendak meningkatkan martabat perkhidmatan polis?

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Lepas itu, sudahlah kita tidak bagi, kita hendak hukum lagi para polis kita seolah-olah mereka ini langsung tidak menyumbang kepada kemakmuran, kesejahteraan kehidupan kita pada hari ini. Oleh sebab itu, saya ingin mengulangi supaya ambillah jalan yang paling baik tetapi bukan dengan mengenakan sekatan, dengan mengenakan hukuman kepada anggota polis. Sila Yang Berhormat bagi Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Sebenarnya kenaikan gaji, elaun dan juga kelengkapan bagi polis, memang satu topik yang telah lama diperjuangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini sama ada di Barisan Nasional dan juga di parti pembangkang. Ini adalah perkara yang kita semua setuju. Tetapi masalahnya isu sekarang bukanlah hanya kerana polis tidak mempunyai gaji yang lumayan dan elaun yang cukup. Ini yang kita boleh setuju bahawa segelintir mungkin 5% atau 10% pegawai polis yang melakukan kekerasan ataupun penganiayaan terhadap orang awam. Ini adalah isu kita. Kita setuju naik gaji, naik elaun bagi mereka tetapi sekarang apa yang berlaku ialah sama ada BPR, sama ada Biro Pengaduan Negara sama ada Suhakam, semua seolah-olah telah pun menjadi harimau tanpa taring.

Hari ini saya terima satu lagi aduan daripada orang awam tentang penyalahgunaan kuasa polis tetapi selalunya apabila kita bawa semua kes ini, sama ada ke Unit Tatatertib di Bukit Aman ataupun laporan polis, kebanyakan kes ini langsung tidak ada tindakan diambil terhadap polis. Macam manakah kita. Saya memang rasa tidak faham kenapakah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional ini yang nampaknya memang sudah berpakat untuk menolak cadangan IPCMC yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuduhan yang tidak bagus.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita melihat kalau dalam tempoh kepimpinan bekas Perdana Menteri kita, kita tidak pernah lihat ahli-ahli *Backbencher* yang membelakangkan cadangan daripada Perdana Menteri. Kenapakah sekarang ini berlaku? Saya rasa sekarang nampaknya yang sokong agenda pembaharuan Perdana Menteri adalah begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Cukuplah, saya punya masa nanti habis macam itu sahaja. Saya hendak beritahu kadang-kadang pembangkang ini pun kira pelik juga. Hari itu dia kata ada *guide order* kita tidak boleh sebut sebab sesetengah perkara kerana arahan. Bila kita sebut perkara ini, dia kata kita tidak dengar cakap Perdana Menteri, kita hendak Yang mana satu yang pembangkang hendak kita pun tidak faham, tidak ada *guide order* dan kita akan cakap perkara yang betul.

Saya katakan tadi, perkhidmatan polis kalau ada aduan yang tidak dilayan, saya harap kerajaan beritahu berapa banyak aduan yang telah dibuat dan telah diambil tindakan.

Kerajaan boleh beritahu tentang soalan itu. Saya tidak nampak sengaja aduan dibuat dan polis tidak ambil tindakan kerana dia suka-suka tidak ambil tindakan. Kita hidup dalam satu negara yang ada undang-undang dan undang-undang yang sedia ada sudah memadai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, sedikit sahaja. Yang Berhormat, sekarang ini Yang Berhormat, saya minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat bagi Seputeh ini, tidak sepatutnya. Kita Barisan Nasional sentiasa sepakat *very consistant* bukan hanya soal ini soal apa juga dalam dasar-dasar untuk menentukan masa depan rakyat tidak kira di mana. Soalnya sekarang ini, kita tidak pernah dipengaruhi oleh sesiapa. Kita terbuka dalam membuat pandangan dan pendapat. Apa pandangan Yang Berhormat kerana pembangkang tadi seolah-olah mengatakan kita ini tertekan? Kita dipengaruhi oleh pihak-pihak tertentu dalam menentukan hala tuju kita. Dan, apakah pandangan Yang Berhormat, inilah cara kehabisan modal pembangkang yang tertekan dan sentiasa akan tertekan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ini masalahnya pembangkang ini dia selalu mengeruhkan konsep yang sudah jelas. Dia sendiri tidak berapa jelas. [*Tepuk*] Jadi dia cuba untuk memusingkan fakta, dia cuba untuk memutar belitkan, akhirnya dia sendiri pun tidak tahu apa yang dia hendak. Sebab itu untuk memperkatakan tentang ini, kalau dikatakan saya ini dipengaruhi atau diminta untuk tidak bersetuju dengan IPCMC, kenyataan saya ini direkodkan sepuluh tahun dari sekarang pun saya akan tetap mengatakan pada tahun ini 2006, kita belum bersedia untuk menerima IPCMC. Sebab masyarakat sendiri belum faham, kita bukan negara maju.

Janganlah ambil model dari United Kingdom umpamanya, janganlah kita ambil model dari di Australia umpamanya. Australia sebuah pulau. Dia tidak bersempadan dengan mana-mana negara lain. Kita da banyak sempadan, orang boleh keluar masuk. Sebab itu satu persatu, kalau Yang Berhormat tadi setuju tentang kemudahan polis belum lagi mencukupi, boleh atau tidak hari ini kita bagi cukup dahulu. Kita penuhkan apa yang polis minta. Lepas itu kalau dia tidak buat, baru kita boleh kenakan perkara yang lain. Kalau yang pertama kita setuju pun kerajaan belum sempat buat, kenapa kita beralih kepada satu benda baru.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan! Nampaknya Yang Berhormat bagi Muar dan Ahli-ahli Parlimen UMNO yang lain sekarang mahu cari sebab yang baru kenapa mereka menentang IPCMC. Sekarang perkara baru ialah bahawa kemudahan, gaji, layanan tidak cukup. Ini kita semua bersetuju dan sebenarnya ini pun antara perakuan-perakuan dalam Suruhanjaya Diraja, 125 *recommendation*. Ini satu antara 125 *recommendation* lain termasuk untuk mempertingkatkan syarat-syarat kerja pihak polis. Dan, sebenarnya Kabinet utamakan perakuan-perakuan mengenai *working condition* pihak polis khususnya mengenai perumahan sungguhpun perakuan-perakuan tersebut sebenarnya *down the line* yang menunjukkan bahawa *enforces* masa itu ialah supaya kedudukan perkhidmatan pihak polis dibaiki.

Tetapi kita dengar lagi satu sebab yang baru, bahawa Malaysia ialah mundur. Mundur! Kita kata kita *first world*, *first world* infrastruktur, tetapi kita perlu menghapuskan *third world mentality*. Yang Berhormat bagi Muar kata kita masih patut terus bukan sahaja ada *first world* infrastruktur, terus mengadakan *third world mentality*, tidak boleh IPCMC sungguhpun negara-negara lain ada. Bukankah ini menunjukkan bahawa kita sebenarnya tidak ada *mind set* untuk menjadi sebuah negara yang maju. Sungguhpun di Selangor ada dakwa sudah maju. [Disampuk] *Instant* kemajuan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya yakin dengan apa yang saya cakap, sebab itu kalau Ketua Pembangkang atau siapa juga hendak minta laluan saya bagi. Tetapi kalau kata, saya kata Malaysia negara mundur, tidak betul. Janganlah tukar, saya tidak kata Malaysia negara mundur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak maju, bukan mundur?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya kata kita bukan negara maju, negara membangun bukan negara mundur Yang Berhormat bagi Seputeh. Jadi, jangan kita ubah-ubah. Saya tidak sebut pasal mundur. Saya kata kita bukan negara maju. Kita bukan negara maju, tidak bermakna kita mundur, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tidak fahamkah saya cakap Bahasa Malaysia? [Disampuk] Jangan putar belitkan perkara-perkara ini dan ini bukan alasan baru. Ini alasan saya. Saya baru dapat cakap hari ini, sebab itu saya tidak hendak mengulangi apa yang telah diperkatakan.

Saya beritahu, pada saya kemudahan ini perlu disediakan. Kalau yang tidak cukup, kita ada banyak akta. Beritahu apa yang tidak betul, apa kes yang tidak betul, kerajaan boleh jawab berapa banyak kes yang sudah diambil tindakan, berapa ramai polis yang telah diberhentikan, berapa ramai polis yang telah ditukar, berapa ramai polis yang telah dikenakan hukuman. Itu kerajaan boleh jawab. Tetapi pada saya, kemudahan yang disediakan belum mencukupi. Kalau sudah cukup, kita sudah bagi semua dia minta, dia tidak buat kerja, saya akan sama-sama untuk mengambil tindakan kepada polis. Buat masa ini pada saya, IPCMC tahun 2006 belum lagi kita boleh terima.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun lagi, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Cukuplah, saya.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kes yang saya bangkitkan dalam sidang Parlimen

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: saya cukup baiklah, nanti.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: yang lepas, kes warga China itu.....

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Duduklah dahulu. Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta Yang Berhormat. Okay, sila duduk!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: sampai hari ini soalan, ini jawapan daripada Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat bagi Seputeh, dia tidak bagi jalan. Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: bahawa kerajaan dan pihak polis langsung tidak mengambil tindakan terhadap pegawai polis yang melakukan kesalahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, dia tidak bagi jalan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mana boleh, orang tidak bagi jalan, *you* faham tidak faham peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dahulu Yang Berhormat bagi Seputeh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini *floor* dia, dia suruh *you* duduk, duduklah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Muar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini tidak kena mengena dengan awaklah.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tidak, masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bagi berapa banyak jalan.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Sampuk*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Sampuk*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Sampuk*]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: tetapi kalau jalan yang diberi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Sampuk]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Sampuk]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Dia kata polis guna kuasa tidak ikut peraturan, tetapi dia tidak ikut peraturan. Ini pun sama juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tidak setuju.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Bukan pasal setuju tidak setuju, ini peraturan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: You duduklah.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Bagilah contoh baik. Kita cakap pada polis.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Duduklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduk, duduk, dia tidak bagi jalan. Saya berdiri atas peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Masalahnya.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu bukan peraturan. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu sila duduk. Yang lain duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Seputeh, duduk dahulu.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ini masalah, apabila kita berlembut, dia putar belit. Apabila kita tidak bagi, ada peraturan dia tidak hendak guna. Lepas itu dia kata orang lain, salah guna kuasa dan sebagainya. Ini masalah pembangkang, saya tidak banyak masa. Kita boleh cerita dekat luar sekejap lagi. Saya hendak beralih kepada isu kenaikan harga minyak. Saya pun tidak hendak mengulangi perkara-perkara yang sudah disebut. Cuma saya hendak minta kerajaan untuk memikirkan begini. *The extreme*, pada saya harga minyak perlu diberitahu di Parlimen ini berapa banyak penggunaan minyak yang digunakan di IGP sebagai contoh, jana kuasa.

Adakah kita banyak menggunakan minyak di rumah, di kampung, di sekolah, di kawasan perumahan ataupun kita banyak guna minyak ini di perindustrian ataupun di jana kuasa. Perkara ini perlu diberi maklum kerana kalau kita bercerita pasal subsidi, kita kena tahu berapa banyak sebenarnya *comsumsion* penggunaan minyak dalam negara kita selama ini yang telah dibiayai oleh kerajaan yang dapat di manfaatkan oleh pengusaha peniaga industri dan IPP. Perkara ini perlu diperjelaskan, kalau betul sebahagian besar minyak kita, petrol atau diesel, digunakan oleh industri, saya suka mencadangkan supaya harga ini kita naikkan lagi sebab penjimatan yang dapat kita raih, dapat kita beri kepada golongan sasaran yang sebenar.

Cuma hari ini kita tidak tahu berapa banyak sebenarnya. Kita tidak boleh cerita tentang harga minyak semakin naik, kita kena ingat juga bahawa kerajaan kena mengambi pendekatan memikirkan cara bagaimana penjimatan minyak itu boleh dilakukan. Bukan menyuruh orang kampung, berjimat guna minyak, dia tidak guna minyak sebab dia tidak ada duit dan minyak mahal. Kita tidak hendak orang berjimat sebab minyak mahal, kita hendak orang berjimat supaya tidak berlaku pembaziran. Kerana apa, sumber minyak ini akan terhenti satu hari nanti. Kita kena pastikan supaya penjimatan ini dilakukan oleh pihak yang banyak menggunakan minyak.

Saya mengharapkan supaya penggunaan minyak ini dijelaskan di Dewan ini, siapakah sebenarnya, pihak manakah sebenarnya yang menggunakan banyak minyak. Sebab itu saya pernah sebut, di kampung apabila saya pergi, orang kampung tidak marah sangat pasal kenaikan harga minyak. Tetapi mereka terasa apabila naik harga LPG. Saya tidak rasa ada industri besar guna LPG. Tetapi LPG ini digunakan oleh orang kampung yang guna masak. Kalau boleh kita melakukan penjimatan di pihak perindustrian, kita boleh bagi banyak subsidi kepada pihak pengguna biasa dan orang kampung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai RM4.4 bilion penjimatan, saya hanya hendak melontarkan satu perkara. Dalam kita mengagihkan RM4.4 bilion ini, dalam kita menaikkan taraf penggunaan pengangkutan awam, saya ingin bertanya kadang-kadang ada sedikit kesilapan atau pertembungan pendekatan. Contoh, kerajaan cuba meningkatkan sedaya upaya penggunaan pengangkutan awam. Tetapi hari ini pihak *finance*, memberi kemudahan pinjaman kereta sampai 9 tahun.

Masyarakat boleh beli kereta kancil dengan harga RM200 sebulan. Kalau RM200 boleh bayar untuk beli kereta saya rasa ramai orang akan beli kereta daripada naik *public transport*. Jadi bagaimana kerajaan ingin meningkatkan perkara ini kalau kita tidak bendung. Hilux kereta yang lebih besar RM700 sebulan hanya kerana pinjaman terlalu lama. Kalau kancil sembilan tahun bila hendak jual tidak ada harga. Tetapi masyarakat akan memilih untuk membeli kancil sebab akhirnya kos menunggu tidak ada, dia dapat cepat dan dia dapat kancil. Kalau dia bayar pun kepada *public transport*, akhirnya dia belanja lebih kurang banyak itu juga sebulan.

Sebab itu kadang-kadang pendekatan yang diperlukan untuk kita meningkatkan sistem pengangkutan awam kita kena pastikan tidak ada perkara yang akan mengganggu-gugat atau melengahkan. Ini perkara yang saya rasa kerajaan boleh fikirkan. Contoh-contoh lain akan hadir tetapi saya ingin memberi tumpuan kepada penggunaan kepada RM4.4 bilion ini supaya kita benar-benar dapat meningkatkan perkhidmatan awam seperti yang kita hasratkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ampang.

4.51 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang menjunjung kasih membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong pada pembukaan penggal ketiga Parlimen kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, selari dengan pola global, penglibatan wanita Malaysia dalam pasaran pekerjaan semakin meningkat dan sudah tentu ianya menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Setakat tahun 2004, penglibatan wanita dalam pasaran pekerjaan adalah 47.3% dan ini disebabkan oleh luasnya peluang pekerjaan di negara ini dan juga akibat peningkatan pencapaian akademik wanita itu sendiri.

Walau bagaimanapun, peratusan ini sebenarnya tidak banyak berubah semenjak tiga dekad yang lalu dan masih dianggap rendah berbanding negara jiran apatah lagi negara maju. Sebagai contoh, Thailand 71%, Singapura 63% dan Brunei 60%. Daripada 3.7 juta wanita yang bekerja, 2.2 juta ataupun 58.1% adalah wanita yang telah berkahwin. Ini bermakna peratusan *dual income families* ataupun keluarga dengan dwi pendapatan telah meningkat.

Dengan itu, saya merasakan adalah amat penting untuk majikan mengimplementasikan polisi mesra keluarga ataupun *family friendly* di tempat kerja. Istilah lain yang digunakan adalah *feminization of work place* yang mana saya sendiri berasa istilah ini ada sedikit *gender bias* seolah-olah isu penjagaan anak di tempat kerja merupakan isu orang perempuan sahaja. Untuk memilih Tuan Yang di-Pertua, antara keluarga dengan kerja merupakan sesuatu yang sukar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Ampang.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Ampang, kita tidak dapat menafikan pencapaian akademik di kalangan wanita pada hari ini lebih jauh menonjol daripada kelompok masyarakat lelaki. Apakah ini berlaku kerana wanita terlalu sedar bahawa penduduk wanita itu lebih ramai daripada lelaki dan ini menyebabkan terpaksa bersaing. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Ampang dalam perkara ini? Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Saya rasa memang betul lebih ramai wanita yang berjaya dan terserlah di bidang akademik daripada lelaki. Tetapi bukan sebab wanita lebih ramai daripada lelaki dan bersaing dengan lelaki. Statistik menunjukkan bahawa bilangan wanita dan lelaki lebih kurang sama banyak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan, bukan. Maksud saya bersaing sesama wanita bukan dengan lelaki.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Saya rasa ini bermula daripada peringkat awal lagi. Memang kalau kita tengok anak perempuan kita sendiri mereka memang bersungguh-sungguh untuk belajar sedangkan anak-anak lelaki lebih banyak bermain dan leka dan

sebagainya dan juga konsep tradisi masyarakat kita lebih menjaga anak perempuan tetapi membiarkan anak lelaki. Saya rasa ini adalah sebahagian daripada sebabnya. Saya ingin meneruskan.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, untuk memilih antara keluarga dengan kerja merupakan sesuatu yang sukar. Ada juga wanita bekerja yang mempunyai anak tetapi tiada pilihan lain iaitu golongan ibu tunggal. Dilaporkan bahawa 59% ibu-ibu bekerja meninggalkan anak di pusat asuhan kanak-kanak atau dengan jiran. 30% menggaji pembantu rumah dan 11% menjaganya sendiri. Ini bermakna kita terpaksa bergantung kepada orang asing atau orang lain untuk membesarkan anak-anak.

Oleh itu, isu penjagaan ini sangat penting walaupun kerajaan ada usaha dengan memberi insentif kepada majikan tetapi ianya tidak mendapat sambutan seperti yang diharapkan. Jawapan daripada Kementerian Sumber Manusia kepada soalan lisan saya bertarikh 28 November 2005 menyatakan bahawa terdapat hanya 31 buah taska di tempat kerja di bawah jabatan kerajaan ataupun badan berkanun dan hanya 26 di tempat kerja swasta. Antara insentif diberikan ialah potongan cukai sebanyak 10% setahun daripada keseluruhan kos pembinaan dan pengubahsuaian dan ianya berjalan selama 10 tahun dan ini adalah kepada sektor swasta. Insentif kedua adalah geran pelancaran sebanyak RM50,000 untuk sektor awam.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pengecualian cukai 10% untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak tidak mencukupi dan kos operasi sebenarnya sangat tinggi. Saya juga difahamkan bahawa *Malaysian Employers Federation* (MEF) merasakan bahawa terdapat kerenah birokrasi dalam mendapatkan kelulusan untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja. Buat masa ini terdapat terlalu banyak peraturan dan sekatan dalam mendapatkan permit. Pertama, majikan perlu mendapatkan kebenaran Kementerian Pelajaran di bawah Akta Pelajaran 1991. kemudian Jabatan Bomba, kemudian Kementerian Kesihatan. Itu memang tidak boleh dinafikan atau dipertikaikan kerana memang kelulusan daripada semua agensi ini perlu untuk menjamin persekitaran yang selamat untuk anak-anak kita. Satu lagi adalah syarat di mana pusat jagaan anak-anak ini mestilah tidak terletak di atas daripada tingkat dua yang mana ini bermakna sewa yang lebih tinggi yang perlu dibayar oleh majikan terutama yang beroperasi di kawasan bandar.

Setelah melalui semua prosedur dan proses yang mengambil masa panjang ini pula permit yang diperolehi hanyalah sah dalam tempoh satu tahun sahaja. Oleh itu kita faham mengapa sambutan daripada pihak majikan begitu dingin. Isu penjagaan kanak-kanak ditimbulkan seawal tahun 1996 di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi sehingga kini belum lagi selesai.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama saya memohon kementerian yang berkenaan mengkaji semula dan memikirkan sedalam-dalamnya adakah tempat kerja ini

merupakan persekitaran yang sesuai untuk perkembangan kanak-kanak. Begitu juga dengan masalah-masalah lain seperti perjalanan ke tempat kerja bersama ibu bapa mereka. Lebih teruk lagi jika ibu bapa mereka menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dengan keadaan yang sedia ada sekarang. Satu penilaian impak sosial ataupun *social impact assessment* adalah perlu. Berdasarkan faktor-faktor di atas, saya ingin mencadangkan satu alternatif iaitu supaya kerajaan mendirikan pusat jagaan kanak-kanak di setiap komuniti setempat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Saya rasa ini lebih efektif dan lebih praktikal dan kos efektif.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:dan telah terbukti berjaya di beberapa buah negara maju.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat berikan Dewan yang mulia ini contoh ataupun model negara manakah yang telah melaksanakan ini dan ia dapat menikmati kejayaan pusat jagaan kanak-kanak ini. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih di atas soalan itu kerana memang itulah ayat saya yang seterusnya. Di United Kingdom misalnya setiap kanak-kanak yang berumur tiga dan empat tahun berhak mendapat pendidikan di taman asuhan kanak-kanak kerajaan di komuniti setempat secara percuma dan saya sendiri berpengalaman menghantar anak saya semasa saya tinggal di United Kingdom. Semuanya percuma dengan tenaga pengajar yang cukup terlatih dan dilaporkan, saya telah *search* website hari itu dilaporkan bahawa kerajaan di sana membelanjakan 2 juta pound sehari dalam bentuk subsidi penjagaan anak kepada keluarga yang bekerja.

Selain belajar daripada modal negara membangun, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga harus peka dan memantau taska yang ada di negara kita. Memang benar sebelum diberi lesen atau kelulusan pengendali taska akan diberi kursus dan mesti mendapat tiga kelulusan daripada tiga agensi iaitu pihak berkuasa tempatan, Jabatan bomba dan Jabatan Kesihatan. Ini memang perlu bagi memastikan keselamatan dan kebajikan anak-anak kita.

Tetapi dalam tempoh sah lesen tersebut iaitu setahun banyak perkara yang boleh berubah. Satunya, pengasuh itu mungkin boleh bertukar orang digantikan dengan orang baru yang tidak mendapat latihan ataupun pendidikan asas tentang latihan anak-anak. Bilangan kanak-kanak juga mungkin ditambah sesuka hati melebihi had yang sepatutnya. Begitu juga kita tahu banyak kes-kes lain seperti penderaan, pengabaian dan sebagainya.

Saya harap kita tidak mahu lagi mendengar isu-isu seperti kanak-kanak terpaksa tinggal di dalam kabin yang begitu sesak *cram* yang tidak mendapat kelulusan sebenarnya. Kanak-

kanak yang dipaksa tidur dengan memberi ubat batuk dan macam-macam kes lagi yang terjatuh dari buaian yang putus sehingga koma dan sebagainya.

Saya harap kita tidak lagi, kita tidak mahu lagi mahu mendengar isu-isu seperti kanak-kanak terpaksa tinggal dalam kabin yang begitu sesak (*crammed*) yang tidak mendapat kelulusan sebenarnya. Kanak-kanak yang dipaksa tidur dengan memberi ubat batuk dan macam-macam kes lagi, yang terjatuh dari buaian yang putus hingga koma dan sebagainya. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian serius. Isu penjagaan anak ini sebenarnya bukanlah isu wanita bekerja sahaja. Ia sepatutnya adalah isu suami juga, begitu juga ia merupakan isu keluarga dan saya rasa yang paling penting ia adalah isu perkembangan anak-anak itu sendiri. *Is the child development issue*, dengan izin. Dan ianya haruslah ditangani bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin beralih tentang orang kurang upaya. Walaupun mereka ini kurang upaya saya merasakan mereka ini tidak boleh dinafikan hak untuk mendapatkan pendidikan. Ini adalah hak asasi setiap rakyat bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Malangnya di negara kita ini sekolah-sekolah pendidikan khas kerajaan untuk orang kurang upaya hanya menerima kanak-kanak yang *toilet-train*, iaitu yang boleh mengurus diri sendiri masa berada di bilik air tanpa bantuan orang lain. Inilah syarat yang dikenakan oleh sekolah pendidikan khas kelolaan Kementerian Pelajaran. Apa jadi kepada anak-anak malang ini yang tidak atau belum pandai menguruskan diri sendiri di bilik air. Mereka terpaksa sama ada duduk sahaja di rumah atau dihantar ke pusat pemulihan dalam komuniti yang ditadbirkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mana kalau di dalam pusat latihan dalam komuniti mereka ini mestilah memang syaratnya harus ditemani oleh ibu atau bapa ataupun pilihan lain dihantar kepada pusat-pusat jagaan orang kurang upaya kelolaan swasta atau persendirian. Sudah tentu jika di swasta ianya melibatkan kos yang amat tinggi dan ini memberi tekanan yang lebih kepada ibu bapa yang ada anak orang kurang upaya.

Di Ampang sendiri ada satu pusat jagaan kanak-kanak istimewa yang dikendalikan oleh sebuah pertubuhan swasta, dan saya lihat di situ bukan semua ibu bapa yang hantar itu berupaya, berkemampuan dari segi kewangan, tetapi mereka terpaksa dan mereka ini bekerja jadi mereka terpaksa letakkan anak-anak mereka di situ. Ada pendapat bahawa orang kurang upaya ini sukar hendak belajar berdikari jika harus ditemani setiap masa walaupun di sekolah. Tapi ini yang berlaku dalam pusat pemulihan dalam komuniti kita. Saya harap sistem sekolah-sekolah khas untuk OKU harus diteliti semula dengan mengambil contoh dari negara maju sekali lagi seperti United Kingdom misalnya, di sana orang kurang upaya tidak dinafikan hak untuk belajar atau mendapatkan pendidikan hanya kerana mereka tidak *toilet-train* dengan izin. Sebaliknya diakui, mereka sedar dan mengakui bahawa anak-anak kurang upaya ini mengambil masa yang lebih lama untuk menguasai *skill* ini. Untuk mereka ke bilik air ini merupakan satu *skill* yang perlu mereka belajar. Oleh itu di sana tenaga pengajar mencukupi dan pelatih disediakan. Kenapa tidak di Malaysia ini Kementerian Pelajaran berbincang dengan Jabatan

Kebajikan Masyarakat untuk menambah bilangan guru dan pelatih yang berkemahiran untuk mengendalikan OKU di sekolah-sekolah pendidikan khas. Hak mereka dalam pendidikan tidak boleh dinafikan. Mereka ini harus dibantu. Sudahlah untuk mendaftar, hendak mendapatkan kad pendaftaran OKU ini pun satu masalah. Masalahnya bila mendaftar hendak mendapatkan pendaftaran OKU, OKU hendaklah dibawa bersama semasa pendaftaran di Jabatan Kebajikan Masyarakat di pejabat-pejabat daerah. Tetapi prasarana pejabat itu langsung tidak mesra OKU. Saya bagi contoh di Pejabat Daerah Ulu Langat di mana kawasan Ampang terdapat pejabat daerah itu, hendak dapat sampai ke tingkat bawah sekalipun bertangga dan pejabat Kebajikan Masyarakat terletak di tingkat dua tanpa lif tanpa *escalator*. Dan bila bercakap tentang pejabat-pejabat yang tidak mesra OKU ini saya rasa depan mata saya sendiri pun sama. Jadi di mana-mana pun perkara ini belum lagi diberi perhatian oleh pihak berwajib.

Berbalik kepada pusat pemulihan dalam komuniti Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini saya difahamkan terdapat 313 pusat latihan ini di seluruh negara yang mendapat *grant* di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mana termasuklah 9 di bawah kerajaan negeri dan NGO. Jumlah tenaga pekerja ataupun kita panggil tenaga pekerja OKU adalah seramai 1,283 orang. Kalaulah diandaikan ke semua tenaga kerja ini, bekerja di 313 pusat komuniti bermakna kakitangan cukup kurang. 1,283 orang ini dibahagikan dengan 313 pusat pemulihan komuniti, bermakna purata terdapat hanya 4 orang tenaga kerja di satu-satu pusat pemulihan dalam komuniti dan jumlah ini saya rasa cukup sedikit, kerana mereka bukan sahaja mengajar malah mengasuh, melatih, anak-anak ini bukan sahaja ke *toilet* dan banyak lagi latihan-latihan dan *skill-skill*. Dan elaun pekerja pula 500 ringgit sahaja. Jadi saya rasa benda ini terlalu sedikit. Macam mana kita hendak menarik lebih ramai pekerja OKU dan bagaimana pula hendak mengekalkan mereka di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang beralih kepada isu pengajian tinggi. Impian untuk menjadikan Malaysia.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ledang, Yang Berhormat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Ledang hendak soalan OKU? Sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit sahaja, pendek sahaja. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pernah berjanji untuk membantu PPDK ini. Tapi kita faham mungkin masalah kewangan dan sebagainya. Oleh sebab Yang Berhormat Ampang tadi menyebut tentang PPDK, adakah Yang Berhormat Ampang setuju kalau peruntukan RM4.4 bilion yang kita dapat jimatkan, 1% kita letakkan di sana supaya lebih berkat. Sekian, terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang, sebenarnya ini adalah satu cadangan yang cukup wajar, tetapi kita bukan bercakap tentang soal menubuhkan PPDK itu sahaja. Kadang-kadang PPDK itu mungkin bilangannya cukup tapi soal

hendak *maintain*, mengekalkan tenaga kerja itu juga satu masalah. Jadi diharapkan ada peruntukan tambahan supaya gaji mereka ini biarlah lebih tinggi sedikit supaya lebih ramai orang yang *volunteer* untuk bekerja di situ. Dan juga kita boleh buat kursus-kursus atau latihan supaya mereka lebih mahir dalam mengendalikan OKU. Sila...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rembau bangun Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Minta pandangan daripada Yang Berhormat, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Program Pendaftaran Ibu Tunggal. Untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dengan golongan ini seperti demografi pendapatan bulanan tabungan setiap permasalahan yang lazim dihadapi oleh mereka, seramai 30,211 ibu tunggal telah mendaftarkan diri. Apa kata untuk PPDK ini mungkin dari segi tenaga pengajar ini kita boleh gunakan khidmat ibu tunggal ini dengan peruntukan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ledang daripada 4.4 bilion tadi, sebahagian 1% daripadanya dan dalam masa yang sama kita memberi peluang pekerjaan kepada ibu-ibu tunggal ini, sebab saya dimaklumkan secara purata seorang ibu tunggal memiliki tanggungan seramai tiga orang daripada anak yang masih bersekolah dan menganggur. Jadi dengan cara ini kita akan selesaikan banyak masalah. Beri peluang pekerjaan ibu tunggal, menyelesaikan masalah PPDK dan juga kita dilihat sebagai mesra rakyat. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Ampang?

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Yang Berhormat Rembau, memang saya tahu ramai ibu tunggal yang dahagakan pekerjaan. Masalahnya ada dua:

- (i) banyak sektor-sektor mengajikan tenaga kerja asing kerana mungkin dapat bayar lebih murah;
- (ii) ibu-ibu tunggal ini, macam saya cakap awal-awal lagi ucapan saya mereka juga ada anak. Jadi mana mereka hendak letakkan anak-anak mereka? Jadi, sekiranya kerajaan membenarkan mereka membawa anak di tempat PPDK ini saya rasa cukup cantiklah. Jadi mungkin pihak kementerian boleh pertimbangkan perkara ini.

Saya ingin beralih Tuan Yang di-Pertua, tentang isu pengajian tinggi. Impian untuk menjadikan Malaysia sebagai *educational hub* dan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini selalu ditekankan oleh kerajaan dan juga disentuh dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baginda bertitah bahawa nisbah bilangan pelajar ijazah tinggi akan ditingkatkan berbanding pelajar ijazah pertama. Bagi menjayakan hasrat ini khususnya, dan bagi menggalakkan pembangunan modal insan amnya, yang mana merupakan teras kepada Rancangan Malaysia Kesembilan yang bakal dibentangkan, maka adalah amat penting

pensyarah-pensyarah kanan dan para profesor terus kekal berkhidmat di IPT. Terutamanya IPTA kita.

Kita semua tahu bahawa bagi seseorang pensyarah menjawat jawatan profesor memerlukan mereka ini mencapai tahap kecemerlangan akademik yang tinggi dan terkemuka mutunya. Dan ini dinilai dari aspek berikut:

- (i) pengajaran dan penyeliaan calon ijazah dasar dan ijazah tinggi mendapat markah 35%.
- (ii) Penyelidikan dan perundingan (*reseach and consultation*) 15%.
- (iii) Penerbitan atau ciptaan atau rekaan 30%.
- (iv) Sumbangan dalam pentadbiran di peringkat universiti, fakulti ataupun jabatan 10%.
- (v) Penglibatan dalam kegiatan akademik lain selain daripada pengajaran 5% dan sumbangan kepada masyarakat 5%.

Calon-calon ke jawatan profesor juga mestilah telah berkhidmat sebagai profesor madya sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan lulus semua PTK yang ditetapkan. PTK ini saya sudah sentuh dalam ucapan saya dahulu. Saya rasa kerajaan telah mengambil perhatian dalam isu PTK ini, jadi saya tidak payahlah berbahas fasal PTK.

Masalahnya sekarang, had umur persaraan umur profesor sama seperti lain-lain kakitangan awam iaitu 56 tahun. Memang benar kontrak seseorang itu boleh disambung secara tahunan atas budi bicara universiti tetapi apabila seseorang profesor itu mencapai umur 55 tahun iaitu setahun sebelum dia bersara wajib, mereka akan memikirkan apa yang akan berlaku kepada diri mereka, di mana mereka hendak pergi. So berlaku satu *uncertainty*, dengan izin, ataupun ketidakpastian.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Gerik bangun, Yang Berhormat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Sila.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Ini tentang profesor ini saya berminat. [*Ketawa*] Tadi itu kriteria tentang pelantikan seseorang ke jawatan profesor di institut pengajian tinggi, cuma kita keliru juga kadangkala ada institut pengajian tinggi atau universiti yang mempunyai ramai profesor tetapi Naib Canselornya tidak ada profesor. Ini macam mana ini, seorang *manager*, orang tertinggi hendak memimpin orang yang lebih hebat bergelar profesor tetapi Naib Canselor ini tidak dari kalangan profesor dan dari luar pula itu, bukan dari kalangan akademik. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Ampang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kena gulung Yang Berhormat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Ya. Yang Berhormat bagi Gerik, pemilihan ataupun pelantikan Naib Canselor adalah *prerogative* menteri, jadi saya tidak boleh jawab. Saya harap menteri menjawabnya ya.

Okey, selalunya profesor-profesor ini akan memikirkan apa yang berlaku seterusnya kerana pelantikan secara kontrak bukanlah automatik. Jadi selalunya mereka akan menerima tawaran-tawaran yang lebih lumayan daripada sektor swasta. Jadi yang rugi sebenarnya adalah universiti dan kerajaan sendiri. Berapa banyak wang kerajaan yang telah dibelanjakan untuk melahirkan seorang pensyarah dan akhirnya menjadi profesor. Pembiayaan pelajaran dari peringkat ijazah sarjana muda, sarjana Ph.D, cuti sabbatical dengan gaji penuh, wang dalam bentuk geran penyelidikan, tidak termasuk kemudahan-kemudahan lain dan banyak lagi, akhirnya tidak sampai berapa lama menjawat jawatan profesor, mereka sudah kena pencen.

Jadi saya menganggap mereka ini adalah golongan yang *exceptional*. Mereka adalah cendekiawan dalam bidang masing-masing. Saya ingin menyarankan supaya had umur persaraan mereka dinaikkan seperti hakim-hakim iaitu kepada 65 tahun. Dalam umur antara 55 tahun hingga 65 tahun ini sebenarnya mereka masih boleh menyumbang tenaga dan idea dalam tugas-tugas mengajar dan menyelia pelajar-pelajar pascaijazah, *post graduate students* dan juga membuat penyelidikan bersama-sama pensyarah-pensyarah muda.

Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kecualilah bagi pensyarah-pensyarah dalam bidang kritikal, umpamanya dia seorang *surgeon*, mungkin kena buat satu ujian pemeriksaan perubatan kerana ada kalanya ia memerlukan *skill* tangan yang cukup tinggi, mungkin dia tidak ada *tremor* atau menggigil tangan dia. Mungkin itu kena perlu ujian perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa masa yang diambil untuk mewujudkan seorang profesor itu cukup panjang tetapi cepat sangat terpaksa pencen. Jadi saya harap Kementerian Pengajian Tinggi dan JPA mengambil secara serius isu ini.

Isu yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, jika diizinkan. Akhir-akhir ini terdapat ramai pelajar asing yang datang ke Malaysia untuk mendapatkan segulung diploma atau ijazah dalam pelbagai bidang yang ditawarkan oleh IPTS. Tetapi ada di antara mereka menyalahgunakan visa pelajar, sebaliknya mereka mengambil peluang untuk bekerja di negara kita.

Baru-baru ini Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan penyalahgunaan visa oleh pelajar-pelajar dari Bangladesh agak membimbangkan. Tambahan lagi mereka ini juga dikaitkan dengan beberapa masalah sosial. Pelajar dari Bangladesh merupakan yang kedua tertinggi daripada pelajar-pelajar asing yang belajar di negara kita. Sementara sesetengah mereka memang berniat untuk memperdaya Jabatan Imigresen kita tetapi sesetengahnya pula bekerja kerana mereka ini diperdaya oleh IPTS di mana mereka sepatutnya menuntut ataupun diperdayakan oleh ejen IPTS tersebut.

Di kawasan saya di Ampang ini, baru beberapa hari lepas ada 80 orang penuntut Bangladesh tunggu hendak jumpa saya, hendak buat *police report* tetapi akhirnya tidak jadi.

Saya pun tidak tahu kenapa tidak jadi. Tetapi saya tetap ingin mengetengahkan isu ini. Di tempat saya ada satu IPTS yang menawarkan Kursus Pentadbiran Perniagaan dan Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Terdapat lebih 100 pelajar Bangladesh yang mengadu bahawa mereka telah ditipu.

Antaranya di dalam brosur yang ditunjukkan oleh ejen itu bahawa hotel dan tasik berhampiran IPTS itu merupakan sebahagian daripada kampus dan di situlah mereka tinggal. Walhal mereka tidak dapat tempat tinggal langsung, tidak disediakan. Keduanya, yuran pengajian yang ditawarkan pun tidak betul. Apabila mereka mendaftar di kolej tersebut, yuran sebenar adalah dua kali ganda daripada apa yang ejen mereka beritahu. Apabila pelajar tidak berkemampuan, mereka ditawarkan kursus-kursus yang lebih murah sedangkan kursus-kursus ini bukan pilihan mereka.

Yang ketiga, kononnya semua kredit yang diperolehi semasa menuntut di kolej tersebut boleh dipindah sepenuhnya, *fully transferable* kepada universiti-universiti ternama di dunia termasuk di UK, Australia dan New Zealand. Dan keempat, mereka diyakinkan bahawa sistem pengajian tinggi di Malaysia ini membenarkan pelajar asing bekerja dalam jumlah waktu yang tertentu. Ada beberapa lagi tuduhan lagi tetapi ini empat sahaja yang saya dapat ketengahkan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Saya tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah habis.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Masa sudah habis, saya minta maaf. Berikutan daripada janji-janji palsu tersebut, ada pelajar-pelajar Bangladesh yang berkemampuan telah membeli tiket dan pulang ke negara mereka. Sementara yang lebihnya sedang bekerja sekarang secara haramlah saya cakap, untuk mengumpul wang tambang balik ke negara asal. Bayangkanlah betapa tercemarnya negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada lagi sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali sedikit, Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Okey, saya menggulung. Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Imigresen mestilah melihat perkara ini memandangkan IPTS tumbuh bercambah macam cendawan tumbuh, ada lebih 500 IPTS dan Jabatan Imigresen pula mestilah kejar sampai dapat sindiket yang berselindung di sebalik visa. Dan persoalan saya satu sahaja, mengapakah kita memerlukan khidmat ejen? Tidakkah kita boleh membuat satu urusan *G to G, government to government arrangement*.

Ada sedikit lagi tetapi oleh kerana Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan, sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar.

5.17 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih oleh kerana dapat kesempatan untuk menyertai Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda ini.

Titah diraja ini sememangnya kena pada tempatnya menjelang kita dalam proses menuju dan menerima perancangan mantap negara tercinta kita ini. Rancangan Malaysia Kesembilan yang menjamin negara kita untuk terus membawa rakyat berbilang kaum dan keturunan hidup dengan makmur, sejahtera serta berharmoni dengan bersama-sama menyertai kejayaan cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan adanya pemantapan perancangan dan keseimbangan input serta *output*, dengan izin, dari segi ekonomi, kesihatan, keselamatan, pendidikan dan prasarana yang disalurkan oleh kerajaan kepada rakyat jelata dengan tidak mengira kaum dan keturunan asalnya rakyat Malaysia, kita yakin dan percaya rakyat kita tidak akan merasa tercicir mahupun diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda dalam titahnya telah menasihati lapisan rakyatnya untuk berwaspada, berhati-hati, tegas tetapi adil dan menekankan tahap kecekapan, integriti dan profesion yang tinggi. Nasihat seperti ini khasnya yang menyentuh integriti haruslah diambil penekanan yang serius dan bukan semata-mata sebagai sepintas lalu. Pegawai serta kakitangan kerajaan haruslah serius sebagai pelaksana atau menjalankan perkhidmatan undang-undang dan polisi-polisi kerajaan yang telah dihalusi dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Satu contoh perkhidmatan kerajaan untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara kita ini ialah yang ada perkaitan dengan pendaftaran penduduk.

Pendaftaran kelahiran yang kemudiannya akan menentukan status identiti individu rakyat Malaysia yang mendokong prinsip Rukun Negara. Sangatlah mendukacitakan bila tanpa disedari akan tinggal bersama-sama dengan orang asing yang mempunyai taraf kerakyatan sama seperti kita rakyat Malaysia. Orang asing yang mempunyai cara hidup dan budaya asing, tiba-tiba tanpa menjalan proses undang-undang yang sudah sedia dengan mudah sekali diisytiharkan sebagai warganegara Malaysia dengan mempunyai MyKad sebagai rakyat Malaysia. Apakah yang harus kita kenakan kepada jabatan atau pegawai serta kakitangan yang meluluskan orang asing sebagai rakyat Malaysia tanpa proses undang-undang negara.

Di sini saya ingin kongsi bersama-sama di Dewan yang mulia ini, beberapa salinan dokumen yang betul-betul dapat kita lihat bahawa orang ini adalah orang asing dan tiba-tiba menjadi orang Malaysia. Sijil Kelahiran *serial number* SB119075, di mana di sini tercatit bahawa kedua-dua ibu bapa itu adalah bukan warganegara. Ini dikeluarkan pada 20 Jun 2000. Dan Sijil Kelahiran yang sama ibu bapanya yang berserial *number* SB138021, yang dikeluarkan pada 24 November 2002. Di sini telah pun menyatakan bahawa warganegara.

Taraf permastautinan ibu itu sudah menjadi warganegara Malaysia dengan mempunyai kad pengenalan yang berkod 12. Ada lagi di sini surat kelahiran, nombor 426785, di mana ibu itu

yang mempunyai pasport nombor 0009049. Tiba-tiba mempunyai kad pengenalan yang kodnya 12 juga. Sijil Kelahiran nombor SB19791, yang dikeluarkan Sijil Kelahiran ini pada 1 November 2001.

Taraf permastautinan ayah, di sini dicatit sebagai permastautinan sementara tetapi mempunyai kad pengenalan berkod 12. Setahu kita kalau dia sementara, orang sementara tidak mempunyai kad pengenalan langsung. Dan di sini juga ada di mana Sijil Kelahiran nombor 072883. Di mana kedua-dua ibu bapa tercatat bukan warganegara Malaysia. Ini telah didaftar pada 12 Februari tahun 1998, tetapi pada hakikatnya kita dapati bahawa pada sijil SB20012, yang didaftar pada 15 April tahun 2004, tertera di sini bahawa ayah, anak yang sama keluarga ini ialah warganegara Malaysia yang mempunyai kod pengenalan 12.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga Sijil Kelahiran 123784 di mana kedua-dua ibu bapa ini memegang pasport dan anak ini pada tahun 1997 telah mendapat resit pengenalan sementara di mana taraf warganegara ini telah dicatit sebagai Malaysia. Di sini lagi ada juga di mana Sijil Kelahiran pada tahun 1998, kedua-dua ibu bapa ini warganegara mereka dicatit bukan warganegara Malaysia. Dan pada tahun 1996 juga dicatit bukan warganegara Malaysia. Tetapi pada Sijil SB0204, maaf SB020749 yang didaftarkan pada November tahun 2000, menunjukkan bahawa ayah ini ialah warganegara Malaysia yang mempunyai kad pengenalan yang berkod 12.

Banyak juga di sini lagi Tuan Yang di-Pertua, tetapi inilah masalah-masalah kita yang di Sabah ini yang kad pengenalan dan Sijil-sijil Kelahiran ini kita dapati bahawa mudah sekali mereka dapati sebagai rakyat Malaysia. Maka inilah Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita dapat menyelesaikan kes seperti ini?

Pada pagi tadi, tertera dalam satu surat khabar di mana "*Sabah Woman's forgery scam busted*". Ini yang menyatakan bahawa 20 *forgery* IMM13 telah didapati. Ini sebenarnya adalah *tip of the iceberg*, dengan izin. Oleh kerana banyak lagi yang kita dapat lihat dan kita dapat nampak kes-kes di mahkamah di mana orang-orang asing ini kita dapat lihat di mana-mana sahaja yang mempunyai kad pengenalan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita tidak sedar dan tidak akan terlintas dalam pemikiran bahawa konon rakyat Malaysia ini hanya terdapat di Sabah dan Labuan sahaja. Dan tidak akan berhijrah ke Semenanjung Malaysia. Tetapi sudah terbukti di mana pada suatu ketika beberapa wanita yang ditangkap di Perak, yang mempunyai kad *MyKad*, yang mempunyai *MyKad* dari Sabah. Pada awalnya disangka wanita Kadazan, tetapi sebaliknya apabila mereka siasat bahawa pelacur wanita ini ialah orang asing yang memegang kad pengenalan dari Sabah. Terdapat juga tersiar dalam surat khabar orang asing yang memegang *MyKad* dari Sabah sebagai pemandu lori di Semenanjung yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.

Beberapa tahun yang lalu, rakyat asing yang memegang kad pengenalan Malaysia cuba mendaftar masuk sebagai pelatih tentera Diraja. Terdapat ramai juga pegawai keselamatan atau *security* yang didapati memegang kad pengenalan Malaysia orang asing. Kemungkinan ramai

sudah yang sudah berhijrah di seluruh Malaysia. Apakah tidak akan kita tergugat keselamatan negara ini? Yang kononnya rakyat Malaysia di Sabah ini bukan sahaja digelar sebagai rakyat tetapi mereka juga diisytiharkan sebagai bumiputera yang mempunyai semua keistimewaan sebagai bumiputera Malaysia ini. Dalam perkara ini, kerajaan haruslah peka dan bertindak segera untuk menghentikan pendaftaran ini. Jika perlu dicadangkan agar Suruhanjaya Diraja ditubuhkan supaya kelulusan kad pengenalan yang begitu mudah, dapat kita bendung, dapat kita selesaikan dengan menggunakan undang-undang. Saya difahamkan bahawa mungkin sebanyak 400 ribu rakyat kononnya dipanggil sebagai rakyat Malaysia ini adalah keturunan orang asing.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan Seri Paduka Baginda mengenai prestasi negara, kita sama-sama turut juga bimbang khasnya dalam sistem penyampaian. Apakah ini disebabkan kita tidak telus atau *transparence*, dengan izin? Sudahkah kita mencapai hasrat rakyat untuk menyahut perkataan “Bersih dan Amanah”, “Adil dan Beretika” serta “Ramah Mesra” dan “Bersatu Padu” tanpa mengira suku kaum keturunan dan agama?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Siapakah yang dipersalahkan?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ya. Di manakah punca kelembapan, kelemahan pelaksanaan sistem penyampaian sedangkan kerajaan mempunyai peruntukan dan kebolehan dan juga undang-undang. Apakah undang-undang ISA sebagai penghalang dalam sistem penyampaian dan pelaksanaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

[Beberapa Ahli Parlimen bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

5.25 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan Asssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya sekali lagi mengucapkan jutaan menjunjung kasih ke atas Seri Paduka Baginda yang telah merasmikan sidang mesyuarat Dewan Rakyat tempoh hari pada 13 Mac 2006.

Hari ini saya hendak bercakap berhubung dengan Pindaan Perlembagaan 121 (1A) yang heboh tempoh hari. Sebenarnya sudah pindaan Fasal 121 (1A) sudah 18 tahun berlaku dalam negara kita. Melalui pindaan ini iaitu Pindaan pada Akta A704 yang berkuat kuasa pada 10 Jun 1988, harapan pada pindaan ini adalah Mahkamah Syariah akan dapat mengadili perkara dalam

butiran 1 di bawah senarai negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan tidak diganggu oleh Mahkamah Sivil. Sebelum pindaan ini dibuat telah kerap berlaku percanggahan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

Kes *Ainun vs Syed Abu Bakar* 1939 adalah contoh klasik di mana mahkamah memutuskan seorang bayi yang dilahirkan oleh seorang wanita Islam 4 bulan selepas perkahwinannya dengan seorang lelaki Islam adalah anak sah taraf kepada lelaki itu. Ada banyak lagi kes lain yang menyeksa batin orang Islam termasuklah dalam soal harta sepencarian yang dirujuk sebagai adat Melayu dan bukannya Undang-undang Islam serta harta wakaf yang ditentukan kesahihannya bukan mengikut Undang-undang Islam tetapi Undang-undang Sivil.

Antara kes yang melibatkan orang Islam dan agama Islam adalah penolakan keputusan Mahkamah Syariah mengenai hak penjagaan anak oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Marine vs Arif* 1971 dan penolakan petua mufti mengenai kesahihan wakaf oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Commissioner for Religious Affairs Terengganu and Annar vs Tengku Mariam* dalam tahun 1969. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan yang boleh dijujukkan sebagai meletakkan Islam sebagai ideologi negara. Walau bagaimanapun, rakyat adalah tidak disekat dan diberi kebebasan untuk mengamalkan agama lain dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Meskipun begitu Perlembagaan tidak menerangkan dengan jelas ruang lingkup hak kebebasan beragama.

Perkara 11, yang merupakan peruntukan utama mengenai hak kebebasan beragama semacam membayangkan bahawa ruang lingkup hak berkenaan melalui aspek-aspek menganut, mengamalkan dan mengembangkan agama berkenaan walau bagaimanapun tertakluk kepada sekatan undang-undang termasuklah larangan mengembangkan doktrin atau agama lain selain Islam kepada orang-orang Islam. Peruntukan sebegini menunjukkan kelebihan yang diberikan kepada agama Islam. Hak ini adalah keistimewaan dan berkait rapat dengan sejarah dan latar belakang negara ini.

Aspek-aspek lain dalam Perkara 11 ialah termasuklah kebebasan daripada dipaksa membayar cukai yang dikutip untuk kegunaan agama lain dari apa yang dianuti oleh seseorang. Selain dari menjamin hak kebebasan beragama dalam konteks individu Perkara 11 juga menjamin hak tersebut dalam konteks kumpulan, khususnya dalam soal pengurusan dan pengutipan wang untuk agama berkenaan. Perkara 11 turut memperuntukkan sekatan terhadap kebebasan beragama dengan mengatakan bahawa hak tersebut tidak boleh menyalahi ketenteraman awam, kesihatan awam dan perkara-perkara lain.

Di sini timbul persoalan kerana ada kalanya timbul konflik antara apa yang dikatakan baik di sisi negara dan baik menurut pandangan agama. Apakah mungkin dengan adanya Perkara 3(1) di atas dan ditambah pula dengan Perkara 4(1) boleh ditafsirkan selaras dengan pandangan Islam? Kes *Lina Joy* dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2004 sangat menarik kerana ia membuat keputusan berdasarkan kepada beberapa peruntukan termasuk Perkara 3(1),

Perkara 11 dan beberapa peruntukan lain yang dianggap meletakkan Islam di tempat dominan yang secara langsung menyebabkan tafsiran mengenai kebebasan beragama harus dilihat dari konteks Islam. Mahkamah juga mengaitkan definisi Melayu di bawah Perkara 169(2) yang menekankan kaitan rapat antara orang Melayu dengan Islam. Ini menarik kerana dalam kes *Lina Joy* di mana seorang gadis Melayu, menyaman kerajaan yang tidak membenarkan permohonannya untuk murtad dari agama Islam. Kesan daripada kes ini ialah orang Melayu berdasarkan peruntukan Perlembagaan tidak boleh keluar daripada Islam.

Setelah melihat peruntukan Perlembagaan tentang hak kebebasan beragama kita perlu melihat bagaimana mahkamah menjelaskan ruang lingkup hak tersebut. Setakat ini boleh dikatakan mahkamah kita tidak menunjukkan pendekatan yang konsisten dalam isu ini. Bermula dengan *Suzie Teo* pada 1986, keadaan ini berterusan dengan kes-kes lain seperti kes *Jamaludin Osman* pada 1989 dan kemudiannya *Hajah Halimaton Saadiah* pada 1994 iaitu tentang keutamaan hak kebebasan asasi hingga mengatasi undang-undang keselamatan yang boleh dikatakan menyalahi Perlembagaan.

Kes-kes yang lebih mutakhir dalam isu ini termasuklah *Meor Atikur Rahman* pada 2000 dan 2004, *Lina Joy* pada tahun 2004 dan terbaru *M. Moorty* dan *Nyonya Tahir* pada tahun 2006. Kebimbangan orang bukan Islam terhadap ketidakpastian keputusan mahkamah memberi kebimbangan kepada golongan bukan Islam. Pengerusi Jawatankuasa Majlis Perunding Antara Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sik, *reverent Wong King Kong* berkata, "*Kebimbangan kami ialah kesan pertukaran agama terhadap ahli keluarga kami serta tafsiran mahkamah terhadap hak kebebasan memilih agama yang dijamin oleh Perlembagaan. Sesetengah hakim itu tidak mempunyai keberanian profesional dan pemahaman kehakiman untuk menguatkuasakan Perlembagaan Persekutuan dalam mentafsir perkara 121(1A) serta undang-undang lain yang menyentuh hak-hak orang Islam dan bukan Islam*".

Tambahnya lagi, "*Suami atau isteri kepada orang yang memeluk Islam serta anak-anaknya yang tidak memeluk Islam tidak akan mewarisi hartanya. Harta-harta itu akan diserahkan kepada waris yang beragama Islam atau sekiranya tidak ada waris yang beragama Islam ia diserahkan kepada Majlis Agama Islam*."

Seterusnya anak-anak yang di bawah 18 tahun secara serta-merta dianggap sebagai Islam. Tafsirannya ialah apabila masuk Islam seorang itu kekal dalam Islam selama-lamanya. Anak-anak ini secara tidak langsung menjadi Islam kerana orang tuanya masuk Islam dan ia tidak boleh ditukar. Seorang itu mungkin langsung tidak mengamalkan Islam tetapi kerana pilihan dan keputusan orang tuanya, mereka menjadi Islam. Mereka menjadi sebahagian daripada keputusan ibu dan bapa mereka sedangkan kepercayaan agama adalah pilihan individu.

Menurutnya lagi dalam kes pertukaran agama kepada Islam sekiranya ada peruntukan undang-undang yang melindungi pihak ketiga ia tidak akan menjadi masalah. Kalau melibatkan

dia seorang diri tidak mengapa tetapi sekiranya ia memberi kesan kepada pihak ketiga tukaran agama itu mestilah telus dan terbuka. Contohnya dalam kes Moorthy tadi isterinya Kaliamal yang tidak percaya suaminya sudah memeluk Islam ia hendaklah pergi ke Mahkamah Sivil kerana orang bukan Islam adalah tidak tertakluk kepada kuasa bidang Mahkamah Syariah.

Percanggahan bidang kuasa dan formula merungkainya. Percanggahan dalam bidang kuasa wujud disebabkan mahkamah mempunyai dua sistem mahkamah yang berlainan iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah tetapi mempunyai bidang kuasa atas pihak dan perkara yang sama. Kedudukan Mahkamah Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan telah dijelaskan dengan pindaan kepada 121 (1A) ini. Pindaan ini menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi dalam sistem Mahkamah Sivil tidak ada bidang kuasa dalam perkara yang mana Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa. Pindaan ini dengan jelas menegah Mahkamah Sivil daripada mencampuri urusan penghakiman Mahkamah Syariah kerana Mahkamah Syariah bukanlah Mahkamah Rendah tetapi adalah satu sistem mahkamah yang setaraf dan berjalan selari dengan sistem Mahkamah Sivil.

Pada peringkat awal selepas pindaan 121 ini, terdapat Mahkamah Sivil yang masih enggan menggunakan formula di atas namun Allahyarham Tan Sri Harun Hashim dalam kes Muhamad Habibullah bin Mahmud *versus* Faridah binti Datuk Taib dalam tahun 1990, menyatakan dengan jelas bahawa perkara 121 telah memberi kuasa hanya kepada Mahkamah Syariah dalam perkara bidang kuasanya dan tujuannya supaya tiada lagi percanggahan dalam bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Walaupun terdapat beberapa masalah dalam pemakaian perkara 121(1A) ini selepas kes Muhamad Habibullah ini, kekeliruan timbul apabila salah seorang dari pihak yang bertelagah ialah orang bukan Islam. Kekeliruan mungkin juga timbul apabila perkara berbangkit ini boleh dibicarakan di kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Kekeliruan juga timbul dalam permasalahan hak kepada orang bukan Islam untuk diwakili dan didengar suaranya di dalam Mahkamah Syariah.

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam keadaannya sekarang tidak menghalang Mahkamah Sivil daripada memutuskan perkara yang menyentuh hukum syarak misalnya ditegaskan dalam kes J. Retina Samy *versus* Majlis Agama Islam Pulau Pinang dalam tahun 1993. Malah dari satu segi, kes-kes melibatkan perbankan Islam dan Takaful yang terang-terang melibatkan hukum Islam juga sekarang dikendalikan oleh Mahkamah Sivil. Secara ringkasnya elok kalau dijelaskan bahawa selagi satu perkara itu tidak ada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah ianya tidak termasuk dalam senarai dua jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu *State List* dan tidak ada dalam mana-mana enakmen negeri, bidang kuasanya jatuh kepada Mahkamah Sivil.

Inilah masanya untuk kita memberikan perhatian dengan lebih serius kepada saranan-saranan yang dinyatakan dalam kes-kes sivil terhadap Len Chan Seng *versus* Majlis Agama

Islam Pulau Pinang dalam tahun 1996. Dalam kes tersebut Yang Arif Hakim Datuk Abdul Hamid Mohamad memutuskan, Mahkamah Syariah bukan diwujudkan oleh hukum syarak sebaliknya ianya diwujudkan oleh undang-undang bertulis Parlimen dan Dewan Undangan Negeri iaitu melalui Perlembagaan Persekutuan, Akta-akta Parlimen dan enakmen-enakmen negeri. Oleh kerana inilah keadaannya untuk menentukan bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah perlu untuk merujuk kepada undang-undang tersebut dan melihat sama ada bidang kuasa dalam suatu perkara itu diberi kepada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil.

Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan semata-mata atas peruntukannya tidak memberi bidang kuasa secara automatik kepada Mahkamah Syariah walaupun dalam perkara-perkara yang berada di bawah senarai negeri jadual kesembilan Perlembagaan. Untuk memberi bidang kuasa demikian Dewan Undangan Negeri mestilah terlebih dahulu bertindak atas kuasa yang diberikan kepadanya oleh perkara 74, perkara 77 dan senarai negeri Perlembagaan Persekutuan dan berikutan itu menggubal undang-undang, memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah. Selepas ini dilakukan barulah perkara berkenaan boleh termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan dengan ini terkeluar dari bidang kuasa Mahkamah Sivil. Dikesan daripada kenyataan undang-undang berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah ini terdapat beberapa kenyataan yang positif yang boleh digunakan dalam memantapkan lagi Mahkamah Syariah. Antaranya bagi menentukan sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa perkara yang perlu digunakan bukannya pendekatan *remedy*.

Oleh itu mahkamah tidak akan melihat sama ada suatu perkara akan dapat apa yang diminta daripada Mahkamah Syariah tetapi yang penting Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa atas perkara yang dituntut. Mahkamah Syariah boleh memperoleh bidang kuasa melalui implikasi daripada peruntukan khusus enakmen contohnya peruntukan mengenai proses memeluk agama Islam dalam enakmen bermakna Mahkamah Syariah juga mempunyai bidang kuasa dalam perkara keluar daripada agama Islam. Mahkamah Sivil tidak membenarkan ia digunakan selagi tempat membuat rayuan daripada Mahkamah Syariah terdapat dan boleh membuat rayuan dari Mahkamah Syariah. Sekiranya pihak bertelagah tidak berpuas hati rayuan perlu dibuat di mahkamah yang lebih tinggi dalam sistem Mahkamah Syariah tersebut.

Mahkamah Sivil juga tidak boleh digunakan untuk menguatkuasakan perintah Mahkamah Syariah. Sekiranya ingin menguatkuasakan perintah Mahkamah Syariah prosedur Mahkamah Syariah perlulah diikuti. Di sini digariskan beberapa cadangan dan pindaan ke arah meletakkan Mahkamah Syariah pada tempatnya dalam Perlembagaan. Firman Allah S.W.T [*Membaca firman Allah*] yang bermaksud "*tidak kami utuskan kau wahai Muhamad kecuali untuk membawa rahmat ke seluruh pelosok alam*".

Rahmat kepada seluruh alam merupakan inti pati atau falsafah ajaran Islam secara amnya dan undang-undang Islam atau undang-undang syariah khususnya namun adakah falsafah ajaran Islam ini tidak dapat dikongsi oleh rakan kita yang bukan Islam. Negara kita digemparkan

dengan kes Moorthy apabila jenazah pendaki negara ini telah dituntut oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk disemadikan secara Islam dan satu lagi tuntutan isteri mendiang untuk disemadikan secara Hindu. Dalam kes ini Mahkamah Syariah telah memutuskan bahawa Moorthy adalah seorang Muslim dan harus dikebumikan mengikut ajaran Islam. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, isteri beliau telah membawa kes ke Mahkamah Sivil di mana mahkamah telah menolak permohonannya atas alasan Mahkamah Sivil tiada bidang kuasa untuk mendengar perkara yang di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Keputusan kedua-dua mahkamah tersebut memberi gambaran seolah-olah orang bukan Islam dinafikan haknya apabila timbul di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kemuncak daripada perkara ini terdapat sembilan orang Menteri Kabinet bukan Islam telah menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri mendesak supaya perkara 121(1A) dikaji semula.

Isu yang menjadi sensitiviti masyarakat Malaysia ini segera ditangani oleh Perdana Menteri dengan mengatakan ianya telah selesai. Adakah sebenarnya perkara ini sudah selesai? Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan memberi bidang kuasa yang eksklusif kepada Mahkamah Syariah untuk menangani isu-isu yang berhubung dengan orang Islam yang diperuntukkan di bawah bidang kuasanya. Namun setelah hampir 18 tahun pelaksanaan pindaan tersebut, timbul beberapa persoalan berkaitan dengan hak bukan Islam apabila sesuatu isu itu melibatkan hak orang Islam dan bukan Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung ya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Mahkamah Sivil tidak ada bidang kuasa berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah, manakala Mahkamah Syariah pula hanya mempunyai bidang kuasa ke atas orang-orang Islam. Timbul persoalan di mana orang bukan Islam hendak mengadu apabila berlaku perkara seperti ini. Mahkamah Syariah hendaklah dilihat sebagai satu institusi yang mampu memberi keadilan kepada semua pihak sama ada orang Islam ataupun bukan Islam. Apa yang perlu dilakukan dalam undang-undang yang sedia ada untuk menyelesaikan masalah ini? Hak-hak orang bukan Islam perlu dilindungi dalam kata lain memberi keadilan kepada mereka.

Untuk mengatasi masalah yang timbul pada hari ini, beberapa cadangan dibentangkan di sini bagi mengemaskinikan undang-undang yang sedia ada:

1. Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa terhadap orang bukan Islam dalam perkara yang di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.
2. Undang-undang Islam hendaklah dienakmenkan untuk membantu Mahkamah Syariah. Ini kerana Mahkamah Syariah bukan diwujudkan oleh Undang-undang Islam sebaliknya diwujudkan oleh undang-undang bertulis Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.
3. Undang-undang Syariah di setiap negeri diseragamkan untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan.

Saranan daripada Yang Arif Hakim, Datuk Abdul Hamid Mahmud dalam kes 1996, Lim Chan Seng di mana telah membuat dua cadangan, kes-kes yang melibatkan orang bukan Islam tetapi perkara tersebut di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah didengar oleh hakim Mahkamah Sivil yang bersidang bersama Hakim Mahkamah Syariah. Mencantumkan kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di semua peringkat dalam melaksanakan cadangan kedua ini, hakim-hakim ini hendaklah dilantik dari kalangan mereka yang fasih dan mahir dalam kedua-dua bidang sivil dan syariah. Saya rasa itulah sedikit sebanyak ucapan pada petang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rasah.

5.52 ptg.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang ambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berapa minit?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Setengah jamlah.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh kurang lagi elok.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Haiya Tuan Yang di-Pertua, tunggu punya lama.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak bank-bank tempatan di negara kita telah digabungkan supaya dapat lebih kukuh dan mampu bersaing dengan bank-bank luar negara dalam zaman globalisasi ini. Setelah bank-bank ini digabungkan, kita dapat kesan-kesan seperti:

Pertama, pekerja-pekerja bank hilang pekerjaan kerana banyak cawangan-cawangan bank dan *finance* ditutup.

Kedua, cawangan-cawangan bank dan *finance* yang ditutup itu pula menimbulkan masalah kepada pelanggan-pelanggannya. Sebagai contoh di pekan Rantau, Negeri Sembilan cawangan Public Finance telah ditutup apabila bank ini digabungkan. Pemegang-pemegang akaun *finance* ini telah dipindah ke cawangan di Taman Rasah Jaya yang terletak 16 km jauh. Ini telah jadi satu masalah kepada pemegang-pemegang akaun yang sedia ada kerana terpaksa pergi ke tempat lain yang lebih jauh. Tambahan pula, pemegang-pemegang akaun ini juga menghadapi masalah kerana tiada perkhidmatan perhubungan awam, bas ke Taman Rasah Jaya dari pekan Rantau. Jadi pemegang-pemegang terpaksa menyewa teksi dengan bayaran yang tinggi untuk ke bank yang ditetapkan itu. Jadi di cawangan bank yang telah digabungkan

juga ada satu masalah, pelanggan-pelanggan perlu tunggu lama kerana pelanggan bank telah ramai setelah digabungkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya juga ingin cadangkan di sini supaya bank-bank di negara kita dapat beroperasi seperti dulu, iaitu lima setengah hari kerja untuk kemudahan orang-orang awam khususnya pusat-pusat beli belah yang banyak memperolehi wang tunai. Jika bank-bank kita dapat beroperasi sepenuh masa sudah tentu wang-wang tunai itu dapat dimasukkan dan seterusnya dapat mengelakkan kejadian rompakan atau kecurian berlaku. Lagipun, pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang awam kita pada hari Sabtu boleh dapat kemudahan untuk berurusan dengan bank. Ini juga dapat membantu mengaktifkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu perumahan. Projek perumahan di bawah Skim Perumahan Rakyat adalah satu usaha kerajaan yang amat digalakkan untuk mengatasi masalah perumahan di negara kita. Dengan adanya skim ini ramai orang-orang miskin dapat berpeluang membeli rumah dengan harga yang berpatutan. Dan pada masa kini didapati rumah-rumah kos rendah adalah dalam harga RM40 ribu, dan harga ini masih ada sedikit masalah bagi golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu saya cadangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu dapat bekerjasama dengan kerajaan negeri melaksanakan pembinaan lebih banyak rumah-rumah pangsa. Sudah tentu rumah-rumah yang dibina itu dapat disewa beli oleh rakyat jelata yang miskin, yang benar-benar memerlukan rumah kediaman. Saya juga cadangkan rumah-rumah yang dibina ini hendaklah berdekatan dengan kawasan bandar demi kemudahan ramai untuk pekerja atau kemudahan anak ke sekolah di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kad kredit yang terdapat dalam pasaran kita adalah baik dan banyak memberi kemudahan kepada orang ramai, tetapi kemudahan kad kredit ini juga ada keburukannya seperti ramai orang mengambil kesempatan ini untuk memiliki banyak kad kredit sehingga lebih belanja dan tidak mampu membayar hutang kepada syarikat kad kredit itu. Dan ada juga yang menjadi bankrap akibat diambil tindakan oleh syarikat kad kredit itu. Pengguna-pengguna kad kredit perlu bayar bunga atau *interest* yang tinggi sebanyak 1.5% sebulan bagi bayaran yang lewat kepada syarikat kad kredit. Pada pandangan saya, kerajaan perlu ada sistem kawalan yang lebih rapi bagi penggunaan kad kredit dalam pasaran seperti pemilikan kad kredit mesti mempunyai had limitnya berdasarkan kemampuan seseorang supaya tiada kejadian lebih belanja atau tidak mampu membayar berlaku.

Kadar *interest* yang dikenakan oleh syarikat-syarikat kad kredit itu hendaklah diturunkan sehingga 1% atau 0.75% sebulan demi untuk meringankan beban tanggungan pengguna kad kredit. Dengan ini jadi satu kebaikan kepada kedua-dua pihak, iaitu pihak pengguna kad kredit dan tidak perlu mempunyai hutang yang banyak dan kepada pihak syarikat kad kredit tidak perlu menghadapi masalah untuk mengutip hutang daripada pelanggan-pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu kesihatan. Kita merasa bangga dan gembira kerana Kementerian Kesihatan kita telah banyak berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat dan juga jangka usia hidup rakyat di negara kita juga telah meningkat.

Saya harap Kementerian Kesihatan kita telah dapat teruskan usaha yang baik sepanjang masa melalui kempen-kempen kesihatan, ceramah-ceramah kesihatan atau aktiviti-aktiviti kesihatan. Ini pasti dapat meningkatkan rakyat jelata mengutamakan kesihatan. Rakyat jelata dapat sentiasa menjaga kebersihan makanan, makan makanan yang sesuai untuk kesihatan badan dan bersenam setiap hari dan sebagainya. Sejak kebelakangan ini kita dapati wabak penyakit tangan, kaki dan mulut adalah begitu banyak dan menakutkan. Oleh itu saya harap Kementerian Kesihatan kita, selain berusaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat juga perlu ada langkah-langkah *standby* atau bersiap sedia untuk menghadapi, mengatasi sebarang wabak penyakit yang melanda pada bila-bila masa.

Sebagai contoh, wabak JE Nipah virus pernah berlaku di Bukit Pelanduk kira-kira lapan tahun yang lalu. Kementerian patut telah ada pengalaman dan telah memperoleh vaksin daripada kajian sekian lama ini untuk menghadapi penyakit ini, jika berlaku lagi. Tuan Yang di-Pertua kita juga berbangga kerana ramai pelabur-pelabur asing suka datang melabur ke negara kita kerana negara kita ada maju, makmur dan harmoni. Oleh itu kita perlu ambil langkah-langkah yang lebih istimewa untuk menarik lebih ramai lagi pelabur asing datang melabur ke negara kita kerana pelabur-pelabur asing itu adalah penting bagi mengukuhkan pertubuhan ekonomi di negara kita.

Di Negeri Sembilan, kerajaan negeri telah memperkenalkan promosi yang hebat untuk menarik pelabur-pelabur seperti menyediakan kemudahan tanah kepada pelabur secara *leasing* atau menyewakan kilang yang telah siap kepada pengusaha-pengusaha untuk terus beroperasi. Ini bermakna pelabur-pelabur tidak perlu membeli tanah atau membeli kilang dan wang itu boleh dijadikan sebagai modal kepada untuk memulakan perniagaannya. Yang penting sekali ialah kita perlu pastikan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan bekalan air tidak masalah kepada kedua-dua unsur asas ini adalah keperluan operasi harian yang amat penting.

Jika ada kejadian bekalan elektrik atau bekalan air terputus berlaku, ini boleh jadi satu kerugian besar kepada pelabur-pelabur itu. Kerugian ini adalah hebat juga. Pelabur-pelabur di Malaysia kita lebih takut kita bekalan air atau bekalan elektrik sentiasa berlaku putus oleh itu diharap Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi kita dapat memastikan kemudahan asas bekalan elektrik dan bekalan air adalah seratus peratus fungsi baik sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua didapati keputusan peperiksaan SPM dan STPM tahun 2005 yang diumumkan baru-baru ini adalah begitu baik. Ada yang memperoleh 16 A dalam peperiksaan SPM dan ada juga yang memperoleh 5 A dalam peperiksaan STPM, ini menunjukkan mutu pendidikan di negara kita adalah meningkat. Syabas diucapkan kepada Kementerian Pelajaran

kita, tetapi di dalam dunia yang semakin canggih ini kita perlu ambil perhatian bahawa pelajar-pelajar bukan sahaja perlu cemerlang dalam mata pelajaran akademik.

Saya amat bersetuju pandangan atau cadangan kerajaan, kita juga perlu mengutamakan pelajar-pelajar dalam aktiviti di ko-kurikulum sekolah. Dan pelajar-pelajar perlu digalakkan aktif dalam aktiviti luar kelas seperti aktif dalam kelab-kelab sekolah, pertubuhan-pertubuhan beruniform seperti Pengakap, Pandu Puteri, *St. John Ambulances*, Persatuan Bulan Sabit Merah dan mengambil bahagian dalam mana-mana motivasi terlibat dalam aktiviti sukan dan sebagainya. Khususnya rancangan integrasi murid untuk perpaduan. Ini adalah kerana pelajar-pelajar yang aktif dalam semua bidang sama ada dalam kelas atau di luar kelas pasti boleh menjadi masyarakat yang berkualiti dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan kita melalui Kementerian Alam Sekitar memang mengambil berat kebersihan alam sekitar kita. Langkah-langkah strategi ada diambil oleh pegawai-pegawai penguat kuasa. Jika terdapat sesiapa yang melakukan kesalahan atau ada aduan daripada mana-mana pihak khususnya pembuangan toksik kilang sebagai langkah untuk mengawal toksik-toksik kilang dengan lebih sempurna. Saya cadangkan alam sekitar kita perlu ada satu rekod yang sistematik seperti ada catatan bahan dan kuantiti bahan toksik yang dibuang dan ke manakah bahan toksik itu dibuang setiap hari. Dan kita perlu ada catatan buangan toksik ini untuk memastikan toksik-toksik yang dibuang itu adalah di tempat yang dihaskan. Langkah ini adalah penting untuk mengelakkan kejadian pembuangan toksik ke tempat-tempat lain berlaku yang boleh menjejaskan kesihatan rakyat jelata. Jika ada catatan harian ini sebarang kejadian pembuangan bahan-bahan toksik di kawasan larangan pasti dapat dikesan dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua masalah permohonan penduduk tetap rakyat asing. Kita dapati setiap hari ada ramai rakyat dari Johor. Johor Selatan pergi kerja ke Singapura dan di waktu pagi ada dan kembali ke Johor di waktu petang. Kita dapati ada juga rakyat dari Singapura atau rakyat dari negara lain datang ke negara kita bekerja sebagai orang yang profesional.

Ada di antara mereka telah lama duduk dan berumah tangga dengan rakyat tempatan dan mempunyai anak yang lahir di Malaysia. Ramai juga di antara mereka itu berhasrat untuk menjadi penduduk tetap di negara kita supaya dapat hidup bersama dengan keluarganya. Tetapi mereka menghadapi masalah dalam permohonan untuk menjadi penduduk tetap kerana salah satu syarat permohonan penduduk tetap ini ialah pemohon hendaklah tinggal di negara ini selama sepuluh tahun. Tempoh masa yang agak lama ini telah menjadi satu masalah besar untuk mereka menjadi penduduk tetap. Oleh itu saya harap kerajaan dapat kaji semula tempoh masa syarat ini dan tempoh masa ini dapat dipendekkan dari sepuluh tahun ke lima tahun. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua boleh saya buat pertanyaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak tanya siapa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepada Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita sudah tambah masa sampai pukul 8 malam, kita setuju kerana ambil keputusan. Kita ini sampai bila? Hari Isnin sahaja perbincangan ini, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betul, masa tambah, hari tidak tambah. Kita bagi Putatan.

[Dewan riuh dengan ahli bercakap sesama sendiri]

6.09ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Syed Putera Jamalullail ketika merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke Sebelas pada 13 Mac yang lalu. Dalam kesempatan ini pertama sekali saya ingin bagi pihak rakyat Parlimen P173 Putatan khasnya dan rakyat negeri Sabah amnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan disertai dengan ucapan jutaan terima kasih ke atas Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang mana pada dasarnya menekankan kedaulatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara setiap pembangunan sama rata bagi semua rakyat jelata. Dan Titah Ucapan Baginda telah pun dicadangkan dan huraian daripada sahabat saya daripada Kuala Pilah dan juga disokong sahabat saya daripada Kelana Jaya, semua yang dihuraikan itu saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan hujah saya dengan beberapa isu didahului dengan isu-isu nasional. Tan Sri Yang di-Pertua, saya adalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bila Tan Sri masuk?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Oh, minta maaf tersalah. Tuan Yang di-Pertua, amatlah menyedihkan bahawa dewasa ini masih terdapat banyak keluhan ke atas sistem penyampaian negara. Ini berlaku bukanlah kerana kepimpinan negara yang tidak prihatin terhadap keadaan persekitaran ataupun perancangan yang dirancang tidak terancang. Dalam hal ini idea-idea yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjawab soalan daripada Yang Berhormat Santubong, haruslah diberikan penekanan dan disokong oleh semua pegawai kerajaan mahupun agensi kerajaan yang terlibat dalam sistem penyampaian negara.

Kata-kata seperti *human capital, walk the talk, think outside the box* dan lain-lain lagi yang mempunyai makna yang besar dalam *value-adding* kepada *the improvement of public, service delivery system* dengan izin tetapi usaha murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akan menjadi sia-sia sekiranya kita masih dibelenggu dengan peraturan-peraturan perintah

am ataupun *general order* dengan izinnya, birokrasi dan sebagainya. Telah tiba masanya kerajaan memandang serius untuk mengubahsuaikan mana-mana perintah am yang telah lapuk ataupun menjadi penghalang kepada sistem penyampaian yang dinamik.

Di samping itu pegawai-pegawai yang terlibat dalam sistem penyampaian negara yang masih berfikir secara *inside the box* haruslah ditukarkan dengan mereka yang lebih *service oriented*, dengan izin dan tidak keterlaluan kalau dicadangkan supaya sistem penyampaian negara ini dikendalikan secara korporat. Perkara ini juga telah pun dihuraikan oleh sahabat saya dari Kudat dan Yang Berhormat bagi Santubong.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang ditekankan oleh Seri Paduka Baginda dalam titah baginda, kerajaan dan rakyat Malaysia hendaklah mengambil peranan dan langkah bijak bagi mengatasi masalah inflasi akibat kepada keadaan ekonomi dunia yang sederhana dan juga kenaikan harga minyak.

Dalam hal ini, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa penjimatan minyak 4.4 bilion hasil daripada pengurangan subsidi minyak akan digunakan sebaik mungkin dan penekanan yang akan diberikan keutamaan adalah untuk memperbaiki sistem pengangkutan negara. Ini amat bertepatan kerana pada masa ini terutama sekali di bandar-bandar yang besar. Kesesakan jalan raya sangat merugikan negara kerana *down time* dengan izin mengurangkan produktiviti rakyat.

Selain itu saya ingin menyarankan kepada kerajaan bahawa faktor negeri Sabah dan Sarawak juga diambil kira. Sering kali dibangkitkan bahawa kos sara hidup di kedua-dua negeri ini agak tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia mengapakah perkara ini berlaku? Apakah faktor yang menyebabkan harga barangan kedua-dua negeri ini mahal berbanding dengan Semenanjung Malaysia? Harga sayur sawi di Kota Kinabalu Sabah mencapai harga RM3.00 sekilo berbanding dengan kurang daripada separuhnya harga yang dibayar di Semenanjung Malaysia. Perkara yang saya ingin utarakan di sini adalah sekiranya berlaku inflasi, tentu sekali kedua-dua negeri di Malaysia Timur ini akan menerima impak yang teruk berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Oleh yang demikian saya mohon mencadangkan supaya sebahagian daripada wang yang diijamatkan oleh kerajaan hasil daripada pengurangan subsidi minyak itu dapat dibelanjakan untuk memberikan subsidi bagi *freight charges*, dengan izin bagi semua jenis barangan yang dieksport kedua-dua negeri ini daripada Semenanjung Malaysia kerana alasan *freight charges* yang sering dikaitkan dengan peningkatan kos barangan kedua-dua negeri ini.

Misalnya, si petani yang mengusahakan kebun sayurinya mengatakan bahawa sayur naik harga kerana benih, baja, peralatan yang dikekalkan oleh pembekal yang mana bekalnya dibekalkan oleh pembekal utama dari Semenanjung telah dinaikkan harga, kerana harga tambang telah naik. Hasil daripada kenaikan harga minyak sebenarnya kalau dikaji secara

menyeluruh sepatutnya petani tadi akan menikmati hidup yang selesa kerana harga sayur sawi yang baik tetapi dalam hal ini tidak, petani masih dalam paras kemiskinan, *why* kenapa?

- i) *freight charges* yang terlalu tinggi bagi semua barangan keperluan pertanian yang diimport daripada Semenanjung;
- ii) pemborong cuba membuat keuntungan lebih dengan alasan harga minyak yang telah meningkat, sistem jalan raya yang tidak baik, dan perhubungan di kawasan pertanian luar bandar dengan bandar;
- iii) rakyat mempersalahkan kerajaan kerana tidak prihatin kepada permasalahan rakyat, kerana terus menaikkan harga minyak dan tentu sekali inilah isu yang diapi-apikan oleh pihak pembangkang;
- iv) kedai-kedai kopi biasa pun mengenakan cukai perkhidmatan 5% kononnya arahan kerajaan, yang ini mintalah kementerian yang berkenaan untuk memantau.

Bagi mengatasi masalah ini, selain memperbaiki sistem pengangkutan negara, sekali lagi saya ingin sarankan agar kerajaan dapat membelanjakan sebahagian daripada wang hasil daripada penjimatan subsidi minyak tadi bagi mengimbangkan kos sara hidup yang tinggi di negeri Sabah dan Sarawak dalam bentuk subsidi bagi *freight charges*, dan mudah-mudahan kita akan dapat mengelakkan inflasi dan kadar kemiskinan tahun 2004 pada tahap 5.7, dapat diturunkan lagi.

Saya beralih kepada gejala sosial Tuan Yang di-Pertua. Keprihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke atas masalah penyalahgunaan dadah amat menyentuh hati, dan baginda menitahkan bahawa tanggungjawab memerangi masalah dadah terletak di tangan segenap lapisan masyarakat. Ini amat bertepatan sekali oleh itu saya ingin mengajak perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu program terbitan RTM yang bertajuk *fast track*, dengan izin di mana tetamu khas program ini ialah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor, Pemangku Yang di-Pertua Bakti.

Pendekatan *holistic* atau *holistic approach* adalah kata kunci yang diutarakan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah, orang yang bertauliah dengan *master in sociology* bagi menangani masalah gejala sosial yang timbul pada hari itu. Pemangku Yang di-Pertua Bakti yang amat dihormati ini memberikan butiran yang terperinci mengenai dengan program yang serupa, yang telah dijalankan dalam satu komuniti barat yang pada mulanya dilabel sebagai masalah ditukarkan menjadi sebuah komuniti yang amat bernilai dan bermaruah.

Oleh itu di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan agar Program Kanak-kanak Permata Negara, ilham Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah yang menekankan penerapan nilai-nilai murni kepada komuniti kita dimulakan pada peringkat prasekolah lagi disokong sepenuhnya. Saya mohon agar program keluaran Bakti ini yang telah pun dijalankan dalam enam kawasan Parlimen bermula daripada kawasan Parlimen Pekan, dapat diserapkan sebagai

salah satu program keluaran Kementerian Pendidikan dipanjangkan ke seluruh negara. Ini kerana wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperkasakan modal insan negara ke tahap yang menggerunkan seluruh dunia haruslah didukung dan disokong oleh setiap lapisan masyarakat negeri ini.

Saya ingin menyentuh sedikit dengan Wawasan 2020 berkenaan dengan penanaman ataupun penyemaian nilai-nilai murni ini. Pada beberapa bulan yang lalu, berjumlah 777 guru yang dilatih yang sepatutnya mengajar di peringkat-peringkat prasekolah telah dipindahkan ke Semenanjung. Guru-guru ini yang dilatih di maktab-maktab perguruan di Sabah 777, malangnya kononnya pada masa itu kerajaan akan membina prasarana prasekolah di negeri Sabah dan memerlukan jumlah guru yang terlatih untuk memberi pengajaran di prasekolah, tetapi malangnya guru-guru yang dilatih ini terpaksa *ditransferkan* dibahagi-bahagikan kepada sekolah-sekolah di Semenanjung untuk mengajar fizikal *education*, macam-macam subjek yang bukan kemahiran mereka.

Kononnya pada masa itu, kerajaan akan membina prasarana prasekolah di negeri Sabah dan memerlukan jumlah guru yang terlatih untuk memberi pengajaran di prasekolah. Tetapi malangnya guru-guru yang terlatih ini terpaksa *ditransferkan* atau dibahagi-bahagikan kepada sekolah-sekolah di Semenanjung untuk *physical education* dan macam-macam subjek yang bukan kemahiran mereka.

Soal ini, Baginda telah bertitah untuk memartabatkan kerjaya perguruan, guru yang berkualiti, latihan dan program harus diurus dengan cara baik. Tetapi malangnya ini tidak berlaku. Siapa yang dipersalahkan di sini? Saya sentuhkan di sini, saya harap sistem penyampaian kita walau pun di kementerian ataupun di Jabatan Pelajaran ini menggunakan konsultan-konsultan yang tidak berwawasan.

Guru Besar haruslah kita bagi penekanan untuk melahirkan kepimpinan bersistematik di sekolah dan program-program karier bagi semua guru ini harus di *privatizekan*. Saya ingin menyentuh dengan kekurangan *infra* tidak diperkasakan di peringkat sekolah. Banyak lagi sekolah di negeri ini tidak mempunyai *infra* yang sepatutnya ada dan bagaimana kita dapat mengisi untuk mencapai modal insan di peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, ini boleh berlaku negara bebas daripada gejala dadah. Saya beralih kepada gejala dadah. Satu cadangan yang saya ingin ketengahkan berkenaan dengan soal penglibatan NGO. iaitu badan sukarela untuk memerangi dadah. Ini boleh dibuat dari rumah ke rumah. Ini saya tidak menekankan. Saya tidak buat susulan ini, saya harap usul saya itu dapat dimasukkan dalam cadangan ini. Oleh kerana masa yang tidak cukup, saya ingin beralih kepada ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Seri Paduka Baginda ke atas kedudukan ekonomi, kumpulan etnik di negara ini amatlah saya kagumi. Sebagaimana titah Baginda terhadap penyertaan aset di kalangan kumpulan-kumpulan etnik di negara ini haruslah dipertingkatkan lagi

bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih banyak masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Inilah impian kumpulan-kumpulan etnik bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak yang memang jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan rakan bumiputera mereka di Semenanjung. Oleh itu, satu dasar yang sedia ada haruslah dilaksanakan bagi membantu golongan etnik bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak ini untuk menikmati arus pembangunan negara, pemilikan ekuiti kurang daripada 2% oleh kedua-dua kumpulan etnik bumiputera minoriti ini amat menyedihkan.

Berbanding dengan pegangan ekuiti rakan bumiputera mereka di Semenanjung, sesungguhnya kumpulan etnik bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak ini masih memerlukan perlindungan oleh kerajaan. Bagi membolehkan mereka untuk terus bertahan dalam sektor perdagangan dan sektor perindustrian dan mudah-mudahan satu hari kelak dapat bersaing di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini, saya ingin juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang menjaga ketenteraman awam terutama sekali pihak Polis Diraja Malaysia ke atas pengorbanan dan khidmat cemerlang yang telah mereka berikan. Sebagai catatan, hasil usaha Polis Diraja Malaysia telah sedikit sebanyak membantu menjaga keamanan negara dan tidak kurang pula yang terkorban ketika menaburkan bakti mereka kepada masyarakat dan negara. Hormat dan tabik untuk mereka.

Untuk itu, Dewan yang mulia ini hendaklah menimbang secara keperluan-keperluan yang diperlukan oleh pasukan polis untuk menjaga keamanan negara. Misalnya di kawasan IPD di daerah Penampang dan di daerah kecil Putatan, hanya dianggotai seramai 130 anggota. Sementara balai polis di daerah kecil Putatan hanya dianggotai oleh seramai 10 orang anggota dibandingkan dengan jumlah anggota yang diperlukan bagi menjaga kedua-dua balai ini adalah sekurang-kurangnya 200 anggota.

Keanggotaan ini terlalu kecil kalau dibandingkan dengan jumlah tugas yang mereka harus jalankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Sedikit lagi la, Tuan Yang di-Pertua. Minta keizinan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Ini sangat menyukarkan mereka untuk memastikan ketenteraman awam meletakkan tanggungjawab tersebut 100% kepada pihak polis. Oleh itu, pihak kerajaan terutama sekali Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam haruslah mengambil kira keperluan pihak PDRM sebagaimana yang telah dihuraikan Yang Berhormat bagi Muar sebentar tadi.

Ada sedikit lagi yang menyentuh perkhidmatan awam. Sebagaimana yang disarankan dalam titah ucapan Baginda mengenai dengan sistem penyampaian yang terbaik dengan cemerlang, gemilang dan terbilang yang patut dipatuhi oleh semua jentera kerajaan termasuklah eksekutif kerajaan. Sistem penyampaian yang baik terus berfungsi supaya tidak diragui di semua lapisan masyarakat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berulang-ulang berkata menasihatkan kita untuk mematuhi seruan Yang Amat Berhormat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang berlaku di kawasan saya, projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, memang kita alu-alu usaha Kerajaan Pusat untuk mempercepat pelaksanaan projek ini supaya ia dapat dipercepatkan usaha untuk memindahkan setinggan-setinggan di kalangan tapak pembesaran tersebut perlu ditangani juga dengan cepat. Memang saya sokong sepenuhnya.

Apa yang aneh yang berlaku kerana *urgency*, dengan izin, perkara tersebut maka *relocation exercise*, dengan izin, dibuat secara terburu-buru tanpa mengkaji akibat tindakan tersebut. Pada awalnya kawasan di *Lokawi Estate* itu sudah ada pembangunan seperti kem tentera di mana letaknya depot peluru dan sebagainya. Pusat Institut Pertanian Bersepadu (ITC), *Mountcourt Collage*, pusat pelancongan seperti zoo dan *botanical garden*. Tidak semana-mana kita letakkan pula satu koloni setinggan di tempat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, apa punya pengurusan ini? Ini satu penghinaan dengan usaha dan niat murni Perdana Menteri untuk memperbaiki sistem penyampaian kerajaan, bagaimana soal keselamatan di kalangan kem tentera itu nanti? Bagaimana persekitaran pusat pengajian yang sudah ada yang akan dibina sekarang. Bagaimana persepsi pelancong luar ternampak setinggan yang berselerak di persekitaran zoo dan *botanical garden* yang sepatutnya menjaga spesies flora di kawasan tersebut.

Kita tahu dalam undang-undang yang berkaitan dengan impak persekitaran. Oleh kerana *exercise* ini melibatkan lebih daripada 25 ekar, projek ini tidak boleh diteruskan selagi AIEA *report* mesti dibuat terlebih dahulu dan dimestikan sebelum sebarang projek dapat diteruskan. Mengikut undang-undang dalam memenuhi keperluan dalam laporan ini patutlah tidak ada bantahan ataupun perasaan kebencian atau kemarahan daripada masyarakat di tempat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini menyatakan bila kita buat tindakan, apa sahaja perbuatan kita, kita tidak harus menimbulkan kemarahan, kebencian rakyat jelata kita. Pada 18 Mac 2006, di Kampung Mang, berlaku tunjuk perasaan berjumlah tidak kurang daripada 5,000 penunjuk perasaan.

Mengikut laporan dalam Berita Harian bertarikh 20 Mac 2006 menyatakan, pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional juga menyertai perhimpunan ini. Di sini ada, Tuan Yang di-Pertua. Keselesaan hidup rakyat, sistem penghantaran yang buruk, kesangsian rakyat ke atas

pengurusan kerajaan sudah diragui rakyat. Soal semangat rundingan Barisan Nasional sudah menjadi persoalan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Perdana Menteri tidak mahu perkara ini berlaku. Saya mengambil kesempatan ini rakyat tulen Malaysia seperti rakyat setinggian yang tinggal di atas rizab parit, rizab jalan di atas Sungai Putatan, setinggian di atas semua yang bersetinggian di sini harus diberi keutamaan terlebih dahulu. Dan saya harap perkara ini dapat ditangani tanpa menimbulkan kemarahan dan kebencian rakyat di sekitar itu.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi dengan itu saya memohon.... Saya belum habis.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis. Sudah habis. Saya putuskan habis Yang Berhormat. Cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Semoga dengan cadangan saya ini dapat menimbulkan hasil dan dengan itu saya mohon menyampaikan usul menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

6.35ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar rungutan-rungutan dari Timbalan-timbalan Menteri mengatakan mereka tiada kuasa dalam membuat keputusan atau *desicion making* dalam satu-satu hal. Kalau dikatakan Setiausaha Parlimen kedudukannya lebih teruk dari Timbalan Menteri. Ini mungkin benar kerana apabila wakil rakyat ada masalah kawasan dan apabila hendak meminta pertolongan dari Timbalan Menteri-Timbalan Menteri yang berkenaan oleh sebab Menteri jarang datang ke Parlimen dan mereka juga payah hendak didekati maka kita selalunya mencari Timbalan-timbalan Menteri. Mereka hanya boleh menjadi posmen sahaja. Tugas mereka ialah serah surat rayuan dari wakil rakyat kepada Ketua Pengarah kementerian kemudian Ketua Pengarah kementerian atau Jabatan akan membalas surat berbunyi "Permohonan si anu si anu ada dalam peringkat pertimbangan" itu sahaja. Dan Timbalan-Timbalan Menteri pun tidak boleh menyoal lebih dalam lagi. Saya mengambil contoh Timbalan Menteri Pelajaran di mana sering berlakunya masalah dalam Sekolah Rendah Kebangsaan China seperti *posting of* guru-guru, kekurangan guru, hak kuasa mengendali kantin-kantin sekolah dan berbagai-bagai dan apabila orang ramai atau jemaah pengurus sekolah menemui Timbalan Menteri Pelajaran beliau kata beliau akan minta pegawai berkenaan membetulkan keadaan dan bukan mengarahkan pegawai berkenaan membetulkan keadaan.

Dan satu lagi contoh ada ramai penduduk-penduduk tempatan mereka memohon sijil kerakyatan atau permit masuk dan ia mengambil bertahun-tahun atau berpuluh-puluh tahun. Dan apabila ditanya kedudukannya, jawapannya sama mengatakan masih dalam peringkat pertimbangan. Saya ingin bertanya adakah menteri berkenaan boleh mengehadakan satu tempoh tertentu untuk ditimbang dan bukan ditimbang satu tahun demi satu tahun.

Saya juga dapati bahawa di dalam urusan pentadbiran kerajaan ada ISO tetapi ISO ini patut ada had masa bagi seseorang pegawai untuk menghabiskan kerjanya. Dan ini dalam peringkat pertimbangan dan dalam peringkat pertimbangan sehingga pemohon meninggal dunia, masih dalam peringkat pertimbangan. Saya kesian kepada Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen tetapi apabila mereka balik ke kawasan, mereka berlagak seperti orang yang maha kuasa dengan membuat pengumuman ini pengumuman itu tetapi sebenarnya pelantikan Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen adalah semata-mata untuk memenuhi kepuasan parti-parti komponen sahaja.

Sekiranya kerajaan hendak mencapai atau hendak menjayakan apa yang disebut-sebutkan selalunya sistem penyampaian maka kerajaan perlulah menimbang supaya mengarahkan Menteri-menteri menurunkan kuasa kepada Timbalan-timbalan mereka. Ini bukan sahaja boleh mempercepatkan pentadbiran kerajaan bahkan ia akan meringankan beban tanggungan Menteri-menteri juga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, saya juga sering mendapat pengaduan dari penduduk-penduduk kawasan mengenai sikap kekerasan dan kurang kesopanan berkenaan pasukan polis dalam hal membuat laporan polis. Antaranya laporan polis telah dibuat tetapi sudah lama tiada jawapan atau hasil siasatan, tidak tahu apa berlaku. Dan mereka akan datang ke pejabat wakil rakyat "Oh! saya sudah buat laporan polis lamalah tidak tahu apa yang terjadilah". Dan saya masih ingat, Ketua Polis Negara ada membuat satu pengumuman bahawa orang ramai akan diberitahu hasil siasatan laporan polis dalam satu minggu tetapi sekarang nampaknya janji ini pun tidak berlaku lagi. Sebab itulah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh mendapati bahawa wakil-wakil rakyat dalam Dewan ini selalu mengemukakan soalan lisan atau soalan bertulis menanya tentang hasil-hasil siasatan laporan polis, sekian dan sekian. Inilah masalah yang kita hadapi. Yang kedua anggota polis bukan semualah, meminta habuan kerana membuat aduan atau laporan polis khususnya mengenai kes-kes kemalangan trafik dan juga jenayah *commercial*. Dan kadang-kadang kalau sudah buat laporan polis dan hendak menarik balik laporan polis maka perkara inilah akan berlaku.

Yang ketiga baru-baru ini bukan sahaja jenayah-jenayah berat berlaku di sana sini bahkan pencuri-pencuri kecil pun di sana sini berlaku seperti pencuri-pencuri pili-pili bomba sampai pili bomba dua-dua tangan pun hilang, meter air pun hilang, penutup keluli longkang-longkang semua yang boleh dicuri mereka curi dan ini tidak bolehkah pasukan polis menumpas kegiatan ini? Kita selalu menonton cerita dalam televisyen kalau berlakunya kecurian di sana sini

pakar polis akan menghantar orang untuk menyamar atau *ambush* di mana-mana tempat dan apabila kejadian kecurian ini berlaku maka pencuri itu akan diberkas. Tetapi ini bukan berlaku di sini. Pencuri-pencuri seolah-olah bermaharajalela di sini sana dan tidak dapat ditumpaskan.

Yang keempat antara anggota-anggota polis mereka juga ada rungutan berkenaan sikap kurang sopan, penghinaan, menuding jari oleh superiornya terhadap mereka yang lebih rendah pangkatnya.

Jadi pegawai pangkat rendah merasa bosan dan putus asa. Tetapi mereka tidak boleh buat apa-apa kerana pangkat mereka lebih rendah dan sebab itulah sekiranya ada IPCMC, maka segala *practices* dan kompelin boleh dituju kepada *commission* ini dan satu keadilan boleh diberi kepada orang ramai bahkan juga anggota-anggota polis yang dianiayai oleh pihak atasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh industri pelancongan. Dalam usaha menarik lebih pelancong asing datang ke negara kita Menteri Pelancongan baru dijadualkan akan melawat ke negara China bulan depan dan Timbalan Menterinya sekarang sedang berada di China dan mereka bercita-cita hendak menarik lebih kurang 1 juta pelancong China datang.

Ini memang satu usaha yang baik kerana pelancong China adalah satu pasaran yang besar dan mereka pergi merata-rata dunia untuk berkunjung. Ini satu pasaran yang besar. Tetapi berapakah benar-benar pelancong China datang ke sini. Yang patut datang tidak datang. Yang patut bawa perbelanjaan ke negara kita tidak datang. Yang tidak patut datang mereka datang. Mereka tidak membawa perbelanjaan datang ke sini tetapi mengaut wang kita ke luar dan membawa HIV masuk ke negara kita.

Tadi saya melawat laman *Malaysia Kini* yang mengatakan ada 160,000 lebih pelacur-pelacur telah ditangkap pada tahun yang lepas dan di antaranya kebanyakan mereka ini adalah rakyat China. Ini bukan satu berita yang tidak diketahui oleh umum. Sekarang perempuan-perempuan negara China ini berada di seluruh pelosok bahkan di kampung-kampung pun ada. Di bandar-bandar kecil pun ada sehingga restoran-restoran pun menggunakan perempuan China untuk menjadi pelayan-pelayan dan pelayan-pelayan ini akan menggunakan pelbagai taktik untuk menarik pelanggan-pelanggan.

Saya berharaplah, perkara-perkara ini boleh dilarang atau penguatkuasaan perlu diambil. Walaupun penguatkuasaan selalu diambil tetapi mereka masih ramai ada di sini dan menjalani kerja-kerja yang tidak bermoral. Satu perkara lagi ialah negara kita atau pemimpin-pemimpin kita selalu kata bahawa Malaysia ada banyak destinasi-destinasi pelancongan tetapi apabila sampai tahun akhir, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen mereka bercuti di mana? Mereka bercuti tahunan di negara-negara asing khususnya di Eropah dan Amerika dan mereka bukan sahaja pergi bercuti di negara itu bahkan mereka juga menaiki kapal terbang dengan tambang *first class*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kita hendak tukar cara hidup untuk berjimat-cermat. Ini patut diperhatikan dan mengarahkan menteri-menteri dan lain-lain pegawai-pegawai tinggi supaya mereka boleh memimpin melalui teladan dengan bercuti tahunan

mereka di negara kita atau di negara jiran kita dan bukan pergi sejauh Eropah, Amerika dan lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pertanian. Kerajaan melaung-laung hendak meningkatkan status pertanian di negara kita. Ini bukan berlaku di rejim kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang bahkan dari beberapa orang Perdana Menteri dahulu kita pernah mendengar "Buku Hijau", slogan mengurangkan pengimportan makanan beratusan juta ringgit dan adakah ini berjaya? Memang negara kita menghadapi masalah-masalah di bidang pertanian dan antara masalah-masalahnya ialah harga baja yang tinggi, harga ubat makhluk perosak tinggi, harga ubat rumput-rumpai juga sangat tinggi dan apabila ada hasil dan hasil pertanian melambak seperti musim buah-buahan berlakulah lambakan buah-buahan ini.

Kita juga sering mendengar petani-petani di Cameron Highlands oleh kerana harga runtuh sayur-sayuran mereka, maka mereka perlu memusnahkan sama sekali sayur-sayuran mereka. Jadi ini bukan kerana rakyat Malaysia kurang rajin dalam bidang pertanian tetapi oleh kerana harga, oleh kerana barang-barang seperti baja, ubat-ubatan yang mahal, maka inilah antara sebab-sebabnya kita tidak begitu berjaya dalam bidang pertanian.

Satu perkara juga ialah negara kita ada industri menternak babi. Saya perlu kata ini untuk orang Cina khususnya di negeri Melaka, Negeri Sembilan dan juga Johor ada banyak ladang-ladang ternakan. Tetapi baru-baru ini di negeri Melaka, Kerajaan Negeri Melaka hendak menutup semua ladang-ladang menternak babi. Adakah ini satu dasar yang wajar? Kalau industri ini atau ladang ini mengeluarkan pencemaran najis ke tempat-tempat lain maka ini saya agak boleh dikawal. Saya pernah menyarankan dalam Dewan yang mulia ini sekiranya kerajaan hendak menolong penternak-penternak babi maka perlulah kerajaan menyediakan *central system* untuk najis-najis babi seperti IWK membuat *central system* untuk rakyat kita dan setelah adanya *central system* najis maka penternak-penternak boleh menggunakan *central system* ini dan ini tidak lagi mencemarkan alam sekitar.

Berkenaan dengan penternak lembu dan kambing, adakah negara kita ini mengadakan satu ladang yang moden khas untuk membela atau menternak lembu dan kambing. Setahu kita, lembu dan kambing hanya dibebaskan dalam ladang-ladang atau di kebun-kebun getah, kebun kelapa sawit dan bukan satu ladang moden untuk menternak ini. Oleh kerana kekurangan makanan yang berzat maka kerbau, lembu dan kambing kita pasarannya tidak begitu baik dan hasilnya pun kurang lumayan.

Dalam hal ini saya menyeru kerajaan supaya memberi insentif-insentif kepada penternak-penternak lembu dan kambing supaya mereka boleh menternak lembu dan kambing secara komersial dan bukan seperti sekarang hanya membiarkan mereka hidup di ladang-ladang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kawalan mutu makanan. Baru-baru ini negara asing ada banyak menemui makanan-makanan tin dan makanan-makanan

kering yang mengandungi bahan-bahan kimia atau ubat-ubat yang boleh membawa penyakit barah atau kanser *causing* seperti pada satu masa dulu negeri Hong Kong telah menemui ikan dalam tin, iaitu sejenis 'tau si hu' mengandungi kimia yang boleh menyebabkan kanser.

Sebelum Tahun Baru Cina, Hong Kong juga telah menemui kuaci, kuaci yang selalu kita makan itu dan juga *plum* yang mengandungi kimia-kimia yang boleh menyebabkan kanser dan baru-baru ini di England, London juga menemui *cod liver oil, seven seas cod liver oil* juga mengandungi *dioxin*. *Singapore* sering kali menemui sayur-sayuran kita dan juga longan-longan dari Thailand mengandungi ubat-ubat atau toksik-toksik yang boleh memudaratkan kesihatan kita. Tetapi negara kita, Kementerian Kesihatan mereka seperti tidak tahu perkara ini.

Apabila mereka baca dalam surat khabar, apabila wartawan menanya kepada menteri-menteri baru mereka kata, oh perkara ini sedang dalam tindakan dan tindakan susulan akan diambil. Barulah dijalankan kajian atau *testing* dalam bahan-bahan yang dikatakan bahaya itu dan kemudian diarahkan barang-barang yang ada di *market* atau di pasaran ditarik balik. Itu menunjukkan satu sikap yang mundur, yang tidak orang lain tahu dulu kita tahu kemudian. Itulah, saya boleh katakan seperti itu. Di Kementerian Pengangkutan, saya menyeru kerajaan meneruskan projek *double track*, iaitu dari Seremban ke Johor Bharu dan dari Rawang ke Padang Besar.

Memandangkan pengangkutan *rail* ini boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas khususnya di Lebuhraya Utara Selatan, supaya pengguna-pengguna atau *passenger-passenger* boleh merasa lebih selesa dan masanya pun tepat dan tambangnya pun murah dan juga selamat. Dalam masa-masa genting ini, minyak atau *fuel* satu tajuk yang semua orang minat. Sekiranya ada *rail* maka pengguna-pengguna jalan tidak perlu memakai kenderaan sendiri, tetapi boleh menaiki kereta api yang bukan seperti yang sekarang.

Kereta api yang sekarang dari Butterworth datang ke Kuala Lumpur lapan jam, sembilan jam tetapi seperti di negara-negara yang maju, dari Butterworth hingga ke Kuala Lumpur 350 kilometer atau 400 kilometer hanya boleh dalam tiga jam, empat jam sudah cukup. Ekspres bas sekarang pun empat jam sahaja. Sekiranya mengambil ekspres bas dengan kereta api, ekspres bas lebih cepat. Sebab itulah kereta api kurang penumpang tetapi ekspres bas memang bagus *businessnya*. Jadi sekiranya pada masa sekarang landasan kereta api hanya satu hala dan mereka kena tunggu-menunggu antara satu lain maka inilah menyebabkan kelewatan.

Sebab itu *double track* adalah satu projek yang mustahak. Saya berharap kerajaan boleh teruskan projek ini. Di feri Pulau Pinang, telah lama, telah banyak kali diumumkan bahawa feri Pulau Pinang akan menambah feri khas untuk penumpang-penumpang sahaja dan feri yang sedia ada sekarang diguna pakai untuk memuat kenderaan, tetapi sehingga sekarang belum ada apa-apa hasil atau tidak nampak ada kesan-kesan di mana feri penumpang akan dilaksanakan, dan pada masa sekarang feri Pulau Pinang selepas pukul 12.00 tengah malam hingga pagi, dia ada feri untuk berjalan.

Demi untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang, feri Pulau Pinang boleh memainkan satu peranan yang penting untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di jambatan dan sekiranya feri Pulau Pinang diurus dengan baik saya pasti ia juga boleh membawa keuntungan dan bukan seperti sekarang, setiap tahun feri Pulau Pinang mengalami kerugian sebanyak lebih kurang RM3 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya, sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, kapal terbang Air Asia memang digemari oleh semua lapisan rakyat, tetapi ada kelemahan di Air Asia iaitu Air Asia sekiranya kita tempah kerusi secara *online*, sekiranya hendak menukar tarikh atau *flight*, payah sangat dan juga dia tidak ada menetapkan *seat*, tidak ada kerusi yang tetap untuk tidak ada nombor di *seat* itu. Jadi penumpang-penumpang apabila hendak memasuki pesawat-pesawat mereka merebut-rebut. Ini bukan satu cara yang baik, yang menunjukkan negara kita ini semua penumpang-penumpang tidak ikut disiplin dan yang akhir sekali, Menteri Pengangkutan beliau ada hak menggunakan pesawat diesel kerana dia pergi ke rata-rata tempat, dia memakai diesel dan sekiranya ada urusan rasmi, mungkin ada kecemasan dia boleh pakai.

Tetapi dia pakai diesel untuk urusan parti. Pergi ke Pulau Pinang pakai diesel pergi ke Butterworth kata dia mahu tawan kerusi Bagan, pergi ke Bukit Mertajam kata dia mahu tawan kerusi Bukit Mertajam. Ini urusan rasmi? Jadi saya berharaplah dalam menyahut slogan atau seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tukar cara hidup kita. Saya berharap dia boleh berhenti menggunakan dan membazirkan wang kita iaitu memakai pesawat DCA. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Papar.

6.59 ptg.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua terima kasih saya ucapkan kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Izinkan saya memulakan dengan membangkitkan isu yang berkaitan dengan nasib pesakit *thasselamia* yang memerlukan pembelaan sebagaimana pesakit-pesakit *acute* yang lain di negara ini. Apa yang saya difahamkan ialah *thasselamia* ataupun 'kulis anemia' ini adalah penyakit keturunan atau dengan izin, *hereditary blood disease* di mana sel darah merah yang terkesan tidak dapat berfungsi secara normal dan boleh mengakibatkan anemia.

Cara rawatan penyakit ini ialah melalui pemindahan darah yang *constant* dan pada kes-kes yang tertentu seperti juga penyakit kanser leukemia, memerlukan *transplant* tulang sum-sum. Menurut statistik terkini, Sabah merupakan negeri yang mencatatkan kes *thasselamia* yang tertinggi di seluruh negara, iaitu melebihi 900 orang sehingga penghujung tahun 2005 dan kes

yang terbaru, yang dikesan di seluruh Sabah setiap tahun sudah menjangkau 70 orang di mana kes-kes ini melibatkan majoriti kaum Kadazan Dusun dari kawasan Kota Marudu dan Kudat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan ialah sehingga ke hari ini belum lagi ada satu pusat khas untuk para pesakit ini dan proses rawatan mereka selalu terganggu oleh masalah kekurangan bekalan darah yang terpaksa dikongsi dengan bekalan darah keperluan umum yang terdapat di hospital-hospital kerajaan.

Saya menyarankan agar kerajaan memandang serius peningkatan kes pesakit *thasselamia* ini dan kalau boleh mengkategorikan penyakit ini sama dengan penyakit kanser ataupun buah pinggang. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan supaya dapat memelopori penubuhan pusat-pusat bantuan ataupun sokongan pasca hospital untuk pesakit-pesakit *thasselamia*.

Kalau dibandingkan dengan mereka yang menghidap penyakit kanser ataupun sakit buah pinggang, pesakit-pesakit ini mempunyai pusat-pusat bantuan tertentu di luar hospital seperti pusat dialisis yang kini sudah terdapat di merata tempat tetapi kemudahan seperti ini tidak ada kepada mereka yang menghidap penyakit *thasselamia*.

Pada masa ini, pesakit-pesakit *thasselamia* hanya boleh mendapat rawatan dan sokongan dengan secara pergi terus ke hospital. Sekiranya ada pusat-pusat sokongan seperti ini terutama sekali di bandar-bandar utama di seluruh Malaysia, pastinya para pesakit *thasselamia* ini akan mendapat perhatian khusus dan bekalan darah yang lebih konsisten boleh diperolehi. Mudah-mudahan dengan adanya pusat demikian, maka insiden *casualty* penyakit *thasselamia* akibat kekurangan bekalan darah dapat dikurangkan dan dapat menyuburkan harapan mereka untuk hidup lebih lama sementara menunggu penemuan rawatan yang lebih efektif untuk penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana pada peringkat kementerian telah banyak dasar dan pendekatan yang mampu mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat secara lebih berkesan. Konsep proaktif yang diamalkan memberikan imej yang positif bagi kementerian ini dan berjaya menghidupkan kementerian sebagai sebuah organisasi yang aktif dan mengujakan.

Namun pada masa yang sama pihak kementerian juga perlu berusaha agar kecekapan penyampaian khidmat mencecah tahap yang terbaik. Insiden ketidakcapaian boleh dikurangkan dengan memastikan semua pegawai jabatan di bawahnya menjunjung amalan korporat di pihak kementerian yang melihat rakyat sebagai pelanggan. Saya berkata demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana terdapat dua kes di kawasan saya di mana kes yang pertama melibatkan seorang warga emas yang buta yang memenuhi kelayakan asas tetapi tidak mendapat bantuan seperti yang diketengahkan kepada saya oleh pihak pegawai daerah sendiri.

Saya difahamkan apabila pegawai daerah bertanya kepada pegawai kebajikan, mengapakah orang ini tidak dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jawapan yang diberikan, "*Dia tidak isi borang. Macam mana mahu bantu?*" Apa yang saya cuba katakan di sini, kalaulah orang itu sudah cacat penglihatan sepatutnya pegawai yang berwajiblah yang harus proaktif dan membantu dan tidak menunggu lagi orang itu bertanya.

Apa yang peliknya ialah pegawai berkenaan yang mengetahui kewujudan warga tua tersebut tetapi beliau lebih suka duduk di pejabat yang selesa dan bukannya turun padang mendekati warga tua tersebut untuk membantu warga tua tersebut mengisi borang dan memastikan beliau mendapat bantuan yang sewajarnya. Oleh itu, saya menyeru agar pihak kementerian dapat mengkaji semula kriteria pemilihan pegawai di peringkat akar umbi agar insiden sedemikian tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam insiden yang kedua di mana satu kebakaran telah berlaku di kawasan saya dan apabila diberitahu Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan tersebut, pegawai daerah, wakil Parlimen, pemimpin masyarakat setempat dan pegawai-pegawai kerajaan yang lain turut serta tetapi apabila pegawai kebajikan ini dipanggil, beliau dengan nada marah berkata, "*Tidak dapat hadir kerana sedang memasak.*" Inilah hakikat sikap pegawai kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan rakyat.

Saya ingin mencadangkan di sini agar pekerja-pekerja kebajikan dan mereka yang selalu berdepan dengan masalah-masalah masyarakat sepatutnya diberikan atau dilengkapi dengan pengetahuan dalam bidang atau ilmu pembangunan manusia serta kemahiran kerja sosial untuk meningkatkan prestasi kerja. Saya percaya tentu kerajaan mempunyai satu kod etika kerja yang telah digubal oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di mana kod etika kerja ini perlu dan patut diguna pakai oleh semua kakitangan kerajaan.

Mungkin sebagai tambahan kepada apa yang dilakukan oleh kerajaan, khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah mengadakan beberapa siri ceramah atau kursus untuk meningkatkan semangat menabur bakti atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *the spirit of volunteerism* kepada semua kakitangan kerajaan yang bekerja dalam jabatan atau bidang ataupun bahagian yang berhubung terus dengan kebajikan masyarakat. Saya percaya satu pendekatan yang lebih hebat perlu diambil supaya segala jurang perbezaan dari segi *delivery system* oleh kakitangan kerajaan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan, khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional di atas pelancaran Pelan Integriti Nasional dan pelancaran pelan ini sebenarnya amat dialu-alukan dan tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *room was not build in a day*. Oleh itu, saya merayu kepada semua Ahli Yang Berhormat agar memberi masa dan sokongan padu kepada pelan ini kerana perkara seperti ini tentulah mengambil masa sebelum kita boleh melihat sebarang

kejayaan. Saya yakin dan percaya kerajaan akan berjaya melaksanakan semua lapan perkara teras yang terkandung di dalam Pelan Integriti Nasional ini.

Sebagai susulan kepada Pelan Integriti Nasional ini, kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan penubuhan satu jawatankuasa atau badan di peringkat jabatan untuk mengesan atau memantau tahap disiplin kakitangan kerajaan di mana proses ini nanti boleh memperhebatkan lagi *delivery system* yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat saranan ini kerana pada pendapat saya masalah utama dalam perkhidmatan awam ialah birokrasi itu sendiri dan birokrasi boleh mengakibatkan kelambatan dalam *delivery system*, dengan izin. Apatah lagi ada di kalangan pegawai kerajaan itu sendiri yang mempunyai sikap yang negatif dan tidak mengutamakan kesulitan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kebelakangan ini satu trend di mana rakyat gemar menggunakan saluran umum untuk mengetengahkan masalah di peringkat kawasan. Saya mengambil satu contoh bila berlaku masalah terputusnya bekalan air, rakyat akan cepat-cepat memanggil wartawan untuk mengadu. Kemudian kita ditunjukkan pula di televisyen, seorang ibu dan anak yang kata bahawa mereka tidak mandi selama lima hari dan pihak televisyen pula kadang-kadang mensensasikan masalah yang berlaku seolah-olah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak prihatin. Padahal setiap kali kita bersidang di Dewan yang mulia ini, kita selalu mengetengahkan masalah-masalah di kawasan masing-masing. Cuma bila kakitangan kerajaan ambil sikap acuh tidak acuh, maka lambat laun wakil rakyat jugalah yang dipersalahkan.

Banyak lagi masalah yang boleh disebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang penting jika semua pihak yang bertanggungjawab melaksanakan tanggungjawab masing-masing, nescaya kita mampu menyelesaikan apa-apa sahaja masalah sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu akan tiba satu masa rakyat tidak akan lagi merujuk masalah-masalah mereka kepada wakil-wakil rakyat tetapi akan merujuk kepada pihak akhbar atau televisyen ataupun kepada *Karam Singh Walia* kerana pada mereka hanya itu sahajalah yang mampu menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sebagai wakil rakyat daripada kawasan Parlimen Papar ingin menyeru kepada kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar dapat mempertimbangkan dan mewujudkan satu koridor jelapang padi di negeri Sabah dan menjadikan negeri Sabah sebagai jelapang padi utama.

Tuan Yang di-Pertua, menurut rekod di seluruh Semenanjung Malaysia sudah ada tidak kurang lapan jelapang padi utama tetapi tidak ada satu pun jelapang padi diwujudkan sama ada di Sabah ataupun di Sarawak. Pada masa yang sama, sekiranya saranan ini dapat diterima, ia akan membawa manfaat besar kepada ribuan keluarga yang sekarang memang bergantung kepada tanaman padi sebagai sumber utama pendapatan mereka, khususnya di kawasan saya sendiri serta di kawasan-kawasan seperti Bongawan, Tuaran dan Kota Belud.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini insya-Allah dapat membantu negara di mana permintaan beras negara yang dijangkakan akan meningkat daripada 2.09 juta tan metrik pada tahun 2005 kepada lebih kurang 2.27 juta tan metrik pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Barat.

7.10 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa beberapa perkara tertentu yang terlibat dengan orang ramai. Di antaranya adalah mengenai Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Adalah tiada gunanya bagi kerajaan atau menteri yang berkenaan untuk memberikan “perkhidmatan bibir”, “*lip service*” sahaja setelah mendengar Titah Ucapan Baginda. Macam komen yang dibuat dalam sidang akhbar sejurus selepas titah ucapan di-Raja di lobi Parlimen di mana Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyatakan di antara lain, bahawa Kerajaan Tempatan harus mencari cara yang lebih baik bagi berkhidmat kepada orang ramai.

Ini menggambarkan pengetahuan yang tidak mendalam ataupun teramat cetek sekali. “Perkhidmatan bibir” semata-mata, “*lip service*” sahaja. Umum diketahui oleh rakyat Malaysia, bertahun-tahun lamanya, betapa kerajaan-kerajaan tempatan telah menghampakan impian rakyat jelata. Tidak perlu bagi menteri berkenaan untuk mengingatkan kita. Apa yang rakyat hendak mengetahui ialah apakah idea ataupun strategi yang menteri berkenaan hendak guna pakai bagi mengatasi keadaan kegagalan yang amat sangat itu? Apakah cadangan atau cara baru yang hendak digunakan oleh beliau atau kementeriannya? Tidak langsung yang dicadangkan, kecuali mengulangi apa yang dikemukakan kebiasaannya yang dalam Titah Ucapan Baginda. Dan menteri itu juga harus mengetahui bahawa beliau juga gagal dan amat mendukacitakan sekali dalam portfolio beliau sebagai Menteri Perumahan.

Beratus-ratus projek perumahan yang diusahakan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta telah terbengkalai di seluruh negara. Beribu-ribu keluarga yang membeli rumah pertama mereka menjadi mangsa pemaju-pemaju yang tidak bertanggung jawab itu. Namun, Menteri Perumahan tidak buat apa-apa, atau apa yang dibuatnya tidak membawa apa-apa hasil yang tertentu.

Apakah Menteri Perumahan sedang membaiki kecekapan beliau? Bagaimana dan apakah keputusannya? Oleh itu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah memberhentikan perkhidmatan “*lip service*” sahaja. Beliau dengan serta-merta dan mula berkhidmat kepada rakyat dalam erti kata yang sebenar. Beliau harus ingat perumahan adalah keperluan yang paling asas sekali, yang mana harus kita hormati dan ikuti.

Jadi bilakah Menteri dan Kerajaan Tempatan hendak mempertingkatkan kecekapan untuk menunjukkan Kepimpinan Melalui Teladan. Di antaranya, faktor adalah di kawasan saya sendiri, di Jalan Sungai Pari, Buntong. Di mana kerajaan tempatan menteri sendiri telah

mengakui bahawa beratus-ratus rumah telah dibina dan sedang dibina siap. Saya telah bertanya beberapa kali, apakah target kerajaan? Adakah rumah-rumah tersebut akan dijual kepada pihak-pihak yang akan menghuni menjadi tenants di sana, atau akan disewakan sahaja? Dan berapakah rumah-rumah yang akan dibina di tempat tersebut? Menampakkan *density* di antara rumah yang dibina dan orang tempat yang dibina itu tidak cukup, tempat itu terlampau kecil.

Saya harap kerajaan akan membuat satu ketetapan yang betul supaya, nombor satu, rumah-rumah yang dibina itu akan dijual kepada pihak-pihak yang ingin membelinya, iaitu kuarters-kuarters dan juga nombor dua, rumah-rumah yang dibina itu, bukan semua di satu tempat tetapi -banyak di lain-lain tempat juga. Bukan sahaja di Jalan Sungai Pari, hadkan di tempat tersebut.

Satu lagi perkara ialah mengenai *third vote*, Tuan Yang di-Pertua. Kerana pada tahun 60an, pemilihan Ahli-ahli Majlis Tempatan telah dihapuskan. Adakah kerajaan berniat lagi sekarang memandangkan *efficiency-efficiency* majlis-majlis tempatan yang tidak baik di mana perkhidmatan mereka sangat dipersoalkan. Setiap hari kita baca dalam surat khabar mengenai *efficiency* mereka. Adakah, bukankah masa sudah tiba supaya kita mengimplementasikan balik pilihan raya terus untuk majlis tempatan-majlis tempatan.

Lagi satu perkara Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai pendidikan. Titah Ucapan Baginda juga menyentuh tentang pendidikan dan pendidikan tinggi di dalam negara kita. Kedudukan universiti-universiti kita dalam *ranking* antara bangsa amat memalukan. Ini langsung tidak menghairankan kerana penekanan diberikan kepada bilangan dan bukannya kualiti. Bilangan universiti-universiti dan kolej-kolej universiti yang tidak dirancang dengan baik dan semakin bertambah bagai cendawan hendaklah diberhentikan dengan segera.

Kementerian Pelajaran gagal mengawal *standard* universiti-universiti dan kolej universiti berkenaan. Oleh yang demikian, universiti-universiti dan kolej universiti berkenaan kebanyakannya adalah merupakan sekolah pendidikan tinggi semata-mata. Sesiapa sahaja yang mempunyai wang dan hubungan dengan pihak-pihak yang berkenaan, boleh menubuhkan universiti-universiti dan kolej universiti berkenaan. Bagaimanakah kolej-kolej biasa dan pusat-pusat tuisyen boleh menjadi kolej universiti?

Saya cadangkan semua ahli Lembaga Akreditasi (LAN) disingkirkan dan satu *mind set*, satu perubahan dalam semua ahli-ahli Lembaga Akreditasi. Hanya orang-orang yang berpengetahuan tentang *standard* yang betul dan munasabah sahaja hendaklah menjadi ahli, bukannya *standard mickey mouse* yang ada pada masa ini. Sekolah-sekolah kita yang menghadapi berbagai masalah asas sebagai sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri. Walaupun setelah 50 tahun mencapai kemerdekaan, Kementerian Pelajaran masih tidak dapat mengatasi saiz beg sekolah yang kena dipikul oleh anak-anak kita ke sekolah.

Banyak diperkatakan sejak 50 tahun yang lalu, tentang pendidikan yang memberikan penekanan kepada peperiksaan semata-mata. Namun, alternatif lain masih tidak dicari hingga hari ini. Kita masih memberikan perkhidmatan “*lip service*” tentang peranan penting guru-guru kita. Menteri Pelajaran dan rakan-rakan beliau sering memanggil mereka sebagai profesyen yang termulia, *nobel profession*. Tetapi mereka tidak menerima layanan yang mulia. Sering kali guru-guru dilayan bagaikan buruh paksaan kerana terpaksa bekerja selama berjam-jam di sekolah, diikuti dengan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum pada masa tengah hari. Mereka juga kena memeriksa buku latihan pelajar dan membuat penyediaan bagi pelajaran hari berikutnya di rumah di sebelah malam.

Apakah yang telah dilakukan bagi memulihkan profesyen perguruan selain dari menetapkan sehari dalam setahun sebagai Hari Guru? Adakah terdapat mekanisme yang tetap bagi guru-guru berkomunikasi, aduan-aduan dan cadangan-cadangan mereka kepada kementerian bagi memperbaiki mutu sistem pendidikan? Tidak sejauh mana yang diketahui saya sendiri. Kita berada dalam kurun ke 21. Tetapi mengapakah banyak sekolah-sekolah kita tidak mempunyai kemudahan makmal komputer? Mengapakah banyak bangunan sekolah-sekolah kita menghadapi masalah pemusnahan bangunan oleh anai-anai? Mengapakah banyak anak-anak kita ke sekolah dengan jalan air yang merbahaya? Mengapa anak-anak kita ada yang terpaksa menggunakan jambatan-jambatan separuh tumbang merentasi sungai?

Seterusnya mengapakah Menteri Pelajaran sendiri telah menghantar anaknya ke seberang laut bagi mengikuti program E-Level yang ada ditawarkan oleh pusat pengajian di luar negara? Adakah beliau tidak mempunyai kepercayaan kepada pusat pengajian di negara ini? Berapa banyakkah kakitangan kerajaan di Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi telah melakukan perkara yang sama? Berapa banyakkah menteri-menteri dan semua yang berada dalam kerajaan telah menghantar anak-anak mereka keluar negara untuk belajar, mengapa? Walaupun dikatakan kita ada universiti-universiti yang bertaraf tinggi, sekiranya Menteri Pelajaran sendiri tidak ada kepercayaan kepada sistem pendidikan beliau sendiri. Beliau hendaklah secara jujur menamatkan dan meletakkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerjaan di dalam negara ini. Seringkali mereka di dalam kerajaan mahupun di luar kerajaan telah membangkitkan isu tentang mahasiswa menganggur walaupun kerajaan enggan mengaku. Ini kemungkinan besar adalah kerana keadaan ekonomi kita yang tidak baik. Tetapi juga keduanya, kita memerlukan terlalu banyak, kita mengeluarkan terlalu banyak graduan dalam berbagai jurusan walaupun tidak ada keperluan dalam jurusan-jurusan itu di dalam pasaran kerja tempatan.

Ini menunjukkan ketidakadaan koordinasi di antara sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti dan Kementerian Sumber Manusia. Apakah yang terjadi kepada perancangan sumber manusia dalam negara ini ataupun sekiranya kita memanggilnya perancangan sumber manusia, di manakah ianya? Ini adalah akibat apabila kita

menggembirakan semua orang dengan menjadikan mereka sebagai graduan. Sekolah-sekolah teknikal kita sering dianggap sebagai sekolah-sekolah kelas kedua atas kelas ketiga. Adakah terdapatnya *apprenticeship system* di negara ini seperti di Jerman yang melahirkan kereta-kereta yang terbaik di dunia di samping lain-lain produk kejuruteraan dan bagaimana kita melatih pengurus-pengurus kita di peringkat-peringkat yang berlainan.

Kerajaan sering menyatakan tentang peningkatan pelancong ke sini, tetapi berapa banyak pekerjaan yang terhasil dari sektor ini setiap tahun. Apakah rancangan dan di manakah bagi menolong mereka yang berpendapatan rendah ataupun berpendapatan sederhana dalam bidang perniagaan kecil-kecilan dan berniaga sendiri selain dari menaikkan harga petrol sebanyak RM0.30.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri telah mengatakan kita perlu berhemat membelanjakan wang. Perdana Menteri, bercakap tentang tanggungjawab rakyat untuk membelanjakan wang dengan cara hemat. Saya akan menyokong dengan sepenuh hati sekiranya kerajaan sendiri membelanjakan wang secara hemat bukan secara bercakap agar rakyat berhemat menggunakan wang. Perdana Menteri bercakap tentang perbelanjaan wang secara hemat pada masa yang sama kerajaan beliau boros menggunakan wang untuk membeli pelbagai *hardware* dan *software* ketenteraan, tetapi 30% 'kereta kebal Adnan' adalah tidak berguna langsung kerana tidak mempunyai barang gantian. Mengapa, kenapa dan orang teramat bodoh yang tidak menjadikan terma barang gantian sebagai salah satu terma perjanjian pembelian itu. Adakah satu *enquiry* telah diadakan berkenaan skandal ini? Siapakah agen senjata yang terlibat? Sudahkah tindakan diambil terhadap dia ataupun mereka?

Adalah satu skandal pembaikan tidak berkesudahan projek MRR2 dan kini Perdana Menteri dan timbalannya menyeru rakyat untuk berkorban menghadapi kenaikan harga minyak walaupun pada masa sama berjuta-juta ringgit dibelanjakan bagi menghantar astronaut-astronaut ke angkasa lepas. Apakah kita perlukan astronaut-astronaut ini? Adakah ego kita terlalu rapuh? Bagaimanakah astronaut kita jika sekali pun mereka mendarat di bulan, 31 tahun selepas orang Amerika mendarat di bulan, memberi sumbangan terhadap Sains dan Teknologi Malaysia kecuali meniru dari orang lain tanpa apa-apa yang asal. Berapa banyak wang yang diguna pakai bagi program ini?

Tuan Yang di-Pertua, juga mengenai hak asasi. Walaupun saya menyokong Suhakam sebagai badan hak asasi manusia di Malaysia, saya menyatakan di sini bahawa badan ini amat mengecewakan dan jauh dari apa yang diharapkan jika dilihat dari segi pembelaan hak asasi manusia di Malaysia. Sebab utama mengapa Suhakam mengecewakan selepas beberapa tahun kewujudannya adalah kerana ianya tidak seimbang dengan apa yang dikatakan patut dibuat. Walaupun kenyataan pandangan, permintaan dan lain-lain sering dikeluarkan, namun tidak dapat dilaksanakan langsung. Tanpa pelaksanaan, Suhakam hanya menjadi buah mulut orang tanpa apa-apa kuasa. Oleh itu akta, Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia 99 hendaklah dipinda bagi

memastikan Suhakam mempunyai kuasa pelaksanaan. Lagi pun Parlimen harus memperuntukkan sekurang-kurangnya RM100 juta bagi membolehkan suruhanjaya ini mengambil kakitangan yang mencukupi bagi sekurang-kurangnya satu pejabat di setiap negeri dan lebih banyak kakitangan di ibu negara. Apa yang ada pada hari ini adalah seolah-olah satu kepura-puraan bagi membela hak asasi di Malaysia. Wang yang dihantar ke angkasa lepas haruslah dihantar ke Suhakam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan sedikit mengenai perlindungan alam sekitar. Dalam masa beberapa minggu dan bulan yang lepas, rakyat Malaysia telah menyaksikan penyumbangan kemusnahan alam sekitar, pembakaran alam dalam segala skala besar-besaran walaupun di taman-taman negara seperti Taman Negara berleluasa. Pembuangan bahan-bahan toksik secara haram, pencemaran air, sampah sarap, di merata-rata tempat di seluruh negara. Saya juga telah membaca *Environment Report 2004* yang telah diletakkan di atas meja-meja kita, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam *report*, kalau kita baca dengan teliti, di antaranya nampaknya semua yang dikatakan adalah ok, tetapi ini adalah tidak benar.

Tiga hari sebelum ini di muka pertama *New Straits Times* dikatakan beberapa sungai di negara ini dikatakan *is more than dead*, tidak boleh dipakai langsung, tetapi di dalam *environment report* yang diberi kepada semua ahli Parlimen nampaknya mengatakan bahawa semua sungai di negara ini adalah dalam satu *condition* yang baik. Tetapi ini sangat aneh di mana *report* terkini menunjukkan bahawa sungai-sungai, *ground water* dan *water level* adalah tidak boleh diterima pakai.

Saya menyokong cadangan pertubuhan alam Malaysia iaitu *Malaysia Nature Society* agar mereka yang didapati bersalah mencemarkan ataupun memusnahkan alam sekitar dipenjarakan atau didenda sekurang-kurangnya RM1 juta. Jabatan Alam Sekitar adalah 'harimau tanpa bergigi'. Itulah sebabnya orang-orang tidak bertanggungjawab meneruskan usaha memusnahkan alam sekitar, pokok-pokok termasuk pokok-pokok hutan hujan yang cantik berusia beratus-ratus tahun telah ditumbang. Mereka masih tidak berpengetahuan tentang perubahan iklim sejajar dan peningkatan suhu dunia. Ada juga majlis-majlis tempatan yang bersubahat dengan kontraktor-kontraktor untuk mengaut keuntungan segera. Hutan-hutan ditebang dan dimusnahkan tanpa apa-apa penguatkuasaan.

Yang akhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hujahkan mengenai *minimum wage* di negara ini. Pada tahun 30an, seorang peguam bernama Veerasamy telah membawa cadangan kerajaan kepada *British minimum wage* dan pada masa itu kerajaan British telah adakah *minimum wage policy* di *Federated Malay State*. Apakah sebab kita tidak ada *mimimum wage* hingga ke hari ini? Apakah ketakutan walaupun setiap kali kerajaan kata bahawa kita ada *minimum wage* akan menakutkan pelabur-pelabur? Tetapi ini tidak betul. Kalau sedemikian kenapa negara-negara yang maju adakan *minimum wage*? Negara-negara yang tidak maju pun seperti *East Timor* dan *Cambodia* adakan *minimum wage*, apakah sebab kita tidak ada?

Jika kita ada minimum ini akan mengehendkan kedatangan orang-orang asing untuk bekerja di negara ini dan juga dalam proses ini, apakah regulasi-regulasi yang terkini mengenai mahkamah-mahkamah perusahaan dan mahkamah-mahkamah buruh di mana banyak kes tertunggak di kedua-dua tempat. Baru-baru ini Menteri *Human Resources* dengan izin, telah mengatakan bahawa pelantikan enam orang Pengerusi akan dibuat tetapi hingga hari ini tidak berbuat demikian dan semalam Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Gopal Singh Ram telah mengatakan bahawa apabila menteri membuat satu keputusan untuk tidak menyokong satu kes ke mahkamah perusahaan, dia patut memberi alasan-alasan apakah sebab kerajaan hingga hari ini menteri tersebut, tidak memberi alasan-alasan yang kukuh untuk tidak merujuk kes-kes di mana mereka dilucutkan atau diberi yang kes-kes yang telah dirujuk kepada kementerian tersebut.

Saya harap satu penentuan dibuat mengenai perkara tersebut dan juga kes-kes di mahkamah buruh. Beribu-ribu kes tertunggak di sana dan tidak ada pegawai-pegawai yang berkualiti yang dapat menghabiskan kes-kes dengan seberapa segera. Ini adalah di antara perkara-perkara yang berkaitan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Langkawi.

7.30 mlm.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian di dalam membahas Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dititahkan pada 13 hari bulan Mac yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti perbincangan yang telah dilakukan oleh semua pihak sama ada pembangkang atau juga pihak Barisan Nasional terutama sekali berkenaan dengan pembinaan jambatan yang dikatakan di Tambak Johor itu. Saya kadang-kadang datang ke Langkawi, Utara Kedah nampaknya kita ini begitu lemah sangat untuk memberi banyak peluang kepada sebuah negara yang kecil dan seolah-olah mereka tidak endah ataupun tidak ambil peduli perasaan kita.

Saya ingat ucapan-ucapan tersebut yang dilaungkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat daripada Johor yang membantah ataupun mengatakan bahawa jambatan tersebut perlu dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dibincangkan panjang lebar dan juga diadakan pertemuan dengan pihak Singapura tetapi pada saya, kita tidak payah. Kita buat sahajalah apa yang kita perlu, tidak usahlah fikir banyak-banyak terus kita buat kerana itu adalah hak kita. Dan seterusnya juga Tuan Yang di-Pertua kami di utara, misalnya di Bukit Kayu Hitam dan di Danok kita buat apa yang kita perlu untuk kawasan kita, rumah kita, kita buat apa yang perlu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Menteri Luar Singapura biasa mengatakan, dia kata kita buat titi bengkok kita itulah tetapi kita terima akibatnya. Ini satu gertakan yang cukup kasar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kedua, depa kata depa hendak bawa kita pergi Mahkamah Dunia jadi maknanya Singapura ini dia keras kepalalah, jadi kalau macam itu kita bila berunding dengan depa anak cucu kita, tok wan kita apa semua dahulu, pegawai-pegawai silap sudah, fasal air anak cucu dok tanggung hari ini. Jadi kalau kita silap pula, pegawai ke silap Menteri ke silap waktu ini makna anak cucu cicit kita pula akan menanggung kemaluan yang amat sangat disebabkan oleh titi bengkok itu. [Ketawa] 'Biaq pi' lah kalau titi bengkok ke, titi pacak ke, apa ke 'biaq pi'. Kalau depa tidak mahu tok sah buat kita buat titi kita. Jadi kita harap bahawa kerajaan akan bertindak tegas dan saya hendak minta syarikat-syarikat kalau hendak *supply* pasir itu jangan dok pi *supply* pasir. Kalau depa *supply* depa derhaka kepada kerajaan dan juga bumi Malaysia ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Memang pun kalaulah kita, saya telah kata tadi itu hak kita. Sri Gading telah melaungkan, melontarkan bermacam-macam dan juga Ledang telah membangkitkan perkara ini, Jerai juga. Kami misalnya di Kedah apa yang kita buat hak kita, sampai ke Danok juga hak depa hang pun buatlah apa yang perlu, tetapi hak kita hak kita. Itulah pada saya ini perbuatan seperti Jerai kata keras kepala sedikitlah dan tidak perlu kita endahkan, buat sahajalah. Itu dia Yang Berhormat ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: [Bangun]

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Boleh.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih saya hendak minta jalan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Parit Sulung.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Seperti Yang Berhormat tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Menyampuk]

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: *Tie* percuma. Adakah Yang Berhormat tahu sebenarnya dalam usaha kita berunding dengan Singapura ini kita terlampau

baik. Kita buat *bridge* 20 meter ke dalam kawasan kita, kita tidak buat dalam *border* di antara negara, 20 meter lagi kita ambil tempat kita. Dan kemudiannya kita sekarang ini merancang *bridge* yang bengkok. Walaupun dia bengkok tetapi kalau kita sudah buat tiga perempat jambatan yang bengkok itu Singapura masa itu bersetuju untuk menegakkan jambatan itu, kita masih boleh tegakkan jambatan itu dengan reka bentuk yang sekarang kita ada. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sebenarnya perbincangan ini sudah habis, sudah habis, penat, kita berhenti kita buat. Jangan cakap banyak jangan apa lagi kita buat terus, terus sahaja. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih itulah pandangan saya. Kita buat tidak usah fikir banyak-banyaklah. 10 tahun 20 tahun sudah kita bincang air dan sebagainya dan masa itu Pak Lah pula pergi main golf lepas itu ditunda pula. Fasal inilah perkara yang kita menampakkan kita sangat mementingkan mereka. Tuan Yang di-Pertua seperkara lagi yang hendak dikatakan ialah masalah pelancongan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Sri Gading.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Jalanlah sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jambatan juga Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada rakan-rakan yang masih sanggup menunggu, menunggu dan patuh kepada arahan kerana Parlimen hanya ditangguh pada pukul 8.00 malam. Jadi Ahli-ahli Parlimen yang patuh ini Tuan Yang di-Pertua harus agaknya diambil kira oleh pucuk pimpinan dalam memilih calon-calon akan datang, [*Ketawa*] harus diberikan keutamaan. Dan mana-mana yang berjawatan naikkan pangkat dia jadi kalau yang Timbalan Menteri jadikan Menteri, yang Setiausaha Parlimen jadikan Timbalan Menteri [*Ketawa*] yang parti pembangkang pun kita minta ketua dia kekalkan jugalah. Macam Tanjong dan juga Bagan ini, ini kira Ahli Parlimen walaupun dia pembangkang tetapi dia orang yang menjalankan tugas, tahniah juga. Jadi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua juga, cuma saya tidak boleh hendak..... tetapi Tuan Yang di-Pertua ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya soalan dia apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:layak jadi Menterilah saya ingat [*Ketawa*] pada masa akan datanglah. Dan pegawai-pegawai kerajaan yang menunggu ini patut dinaikkan menegak, melintang dan menegak dia punya gaji. Ini ketua-ketua jabatan dia harus mengambil perhatian jangan sia-siakan kesetiaan, ketaatan pegawai-pegawai kerajaan. Ini dia punya ketua-ketua bukan datang, jadi yang pegawai-pegawai ini harus di.... begitu juga pemberita-pemberita, wartawan-wartawan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, penjelasan dia apa Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Harus agaknya dinaikkan pangkat untuk memberikan satu penghargaan kerana orang yang sanggup taat setia dan menjalankan tugas begitu juga kakitangan-kakitangan, bentara-bentara dan sebagainya *[Ketawa]* naikkan pangkat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: naikkan gaji. Saya hendak bertanya, ini tadi itu pembukaan Tuan Yang di-Pertua, pembukaan saya, pembukaan. Langkawi ini Tuan Yang di-Pertua saya tengok seorang Ahli Parlimen yang hebat, turun naik soal biasa dia pun memang suka turun naikhlah. Dahulu dia Setiausaha Parlimen hari ini jadi Ahli Parlimen biasa tetapi dia tetap, dia tetap hidup dia tetap hebat.

Tuan Yang di-Pertua Singapura, Yang Berhormat Langkawi saya besar di Singapura. Singapura itu saya baca macam tapak tangan sahajalah, di mana sahaja ceruk Singapura. Dan Singapura sebenarnya ialah sebuah bandar raya yang terkenal di Asia Tenggara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya pun pernah duduk satu tahun di Singapura.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, saya lebih tahun dari Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pernah pergi ke Singapura. *[Beberapa Ahli Dewan ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]*.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Saya pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bintang-bintang filem Jalan Ampas tu waktu muda-muda dulu pun rakan-rakan saya di Kampung Gelam di *Singapore* Jalan Sultan, North Beach Road, Beach Road. Singapura adalah sebuah bandar raya yang terkenal dari dulu Tuan Yang di-Pertua, kalau nak makan sedap di Singapura. Kalau nak barang murah, Singapura dan Singapura ketika itu Tuan Yang di-Pertua walaupun penduduknya antara Cina dan Melayu sama banyak tapi penggunaan bahasa yang terpenting ialah bahasa Melayu. Cina-cina di Singapura sangat fasih macam Cina Melaka, macam Cina Pulau Pinang, Tanjong boleh jadi saksilah. Macam Cina Pulau Pinang, Cina Melaka dan Cina Singapura. Ini adalah negeri-negeri selat, yang mempunyai hubungan sejarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dah ambil alih Langkawi, dah cukuplah.

[Dewan riuh rendah]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, dia ada masa ke Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia banyak lagi nak cakap.

Seorang Ahli: Teruskan, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okeylah, tak apalah saya berhenti dekat sini kalau ucapan saya ini mengganggu dia Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia dah bagi jalan Yang Berhormat ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, ya lah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, tidak lupa lagilah kekotoran di Johor Bahru kerana disebabkan laluan air tidak lalu maka Johor Bahru lah, saya pergi ke Johor Bahru, saya pun ada menantu di Johor Bahru.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menantu saja ada, lain tak ada?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Jadi bila lalu dekat Selat Tebrau, maka saya dapati air tak mengalir, tidak berjalan. Sebab itulah maka berlakulah pencemaran yang teramat sangat bagi saya. Dan kalaulah tidak diadakan jambatan ini, tentulah Johor Bahru akan jadi, dulu kita lihat gambar-gambar yang diadakan di Johor Bahru misalnya yang *dancing-dancing* tu, yang ada joget-joget itulah. Tapi sekarang telah malap sikit kerana pengaliran air tidak begitu mengizinkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai IPCMC, saya turut menyokong penuh segala yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Parlimen kita iaitu membantah, kalau boleh kerajaan fikirilah betul-betul sama ada perlu atau tidak kerana ini akan memalukan sebuah agensi kerajaan yang telah berkhidmat dengan cemerlang. Kalau ada setitik nila sekali pun, kita sedut sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun, nak bagi jalan?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Langkawi. IPCMC ini Tuan Yang di-Pertua, kalau dijalankan, kalau dikuatkuasakan, polis bukan polis lagi Tuan Yang di-Pertua. Polis peranan utamanya menegakkan undang-undang, mencegah jenayah, menyekat perkara-perkara buruk yang boleh melanggar undang-undang dan juga ketenteraman, keamanan negara tidak akan berfungsi, tidak akan berfungsi Tuan Yang di-Pertua. Ambil contoh, IPCMC ini dia lebih mirip kepada kehendak hak asasi manusia. Hak asasi manusia ini Tuan Yang di-Pertua, mengikut pertimbangan dia maknanya perkara-perkara yang dalam fikiran dia tidak boleh mengganggu gugat, tidak boleh membuat perkara-perkara yang boleh menyentuh peribadi seseorang. Panjanglah cerita ini kalau hendak cerita tapi saya tidak hendak cerita yang itu, saya hendak cerita ini.

Okey, ambil contoh, dalam kawat cam, apabila berlaku sesuatu jenayah Tuan Yang di-Pertua, katalah perempuan itu dirogol dan polis tanya perempuan itu macam mana keadaan orang yang merogol awak? Dia kata macam ini, macam ini, macam ini, polis tidak dapat nak bayangkan. Dan apabila polis mendapat risikan bahawa orang-orang tertentu disyaki melakukan jenayah ini maka dalam undang-undang yang ada sekarang ini, dalam Akta yang sekarang, polis boleh menarik orang-orang ini untuk dibuat kawat cam. Dan kawat cam ini Tuan Yang di-Pertua, polis boleh ambil sesiapa sahaja yang disyaki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *[Memberikan isyarat menyuruh duduk].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekejap, sekejap Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi contoh ini. Dibariskanlah dengan kuasa yang ada pada polis 10 orang, jadi perempuan yang kena rogol ini nanti, dari sebalik kaca, yang 10 orang tu tidak nampak perempuan ini. Polis kata “tengok muka mana yang awak rasa yang melakukan kerja jenayah ini”. Jadi orang tu pun tengok, “ha ini”, dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nanti sekejap Tuan Yang di-Pertua. Jadi siasatan lanjut akan berjalan tapi kalau nak ikut IPCMC Tuan Yang di-Pertua, polis tak boleh cukup lagi orang yang disyaki. Cuba polis akan datang, “Encik Polan, boleh tak datang balai polis sekian hari bulan, sekian jam untuk di kawat cam”, dia kata “saya tak nak”, polis tak boleh paksa. Dalam IPCMC polis tidak boleh paksa, maknanya satu kerja pengecaman untuk membanteras jenayah tidak dapat dijalankan oleh polis. Dia paksa salah, dan banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Macam SB. *E Branch* dalam polis. *E Branch* ini Tuan Yang di-Pertua satu pasukan yang elit polis yang *intelligent* dan sebagainya. *E Branch 1, E Branch 2, E Branch 3, E Branch 1* tidak kenal *E Branch 2*, ini cerita polis ini panjang Tuan Yang di-Pertua. Dia bukan bomba Tuan Yang di-Pertua, dia bukan kastam dan kerjanya berbagai-bagai, dari peringkat bawah sampai ke mahkamah dia punya kerja, kerja dia berbagai-bagai. Dan jadi kalau IPCMC ini esok nak dikuatkuasakan, jangan sesal, “sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Polis yang berjasa dengan segala kuasa yang ada, biarkanlah mereka berfungsi supaya keamanan negara akan tetap terjamin. Setuju tak setuju Langkawi?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya nak sambung sikit boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya nak sambung, bukan setakat itu sahaja Sri Gading, kuasa depa muktamad, mahkamah tak boleh. Maknanya hukuman

depa adalah muktamad, jadi mungkin teraniyalah, mungkin teraniaya. Jadi macam mana Yang Berhormat, setuju tak?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh masukkan depa punya komen tu dalam ucapan saya.

[Ahli Dewan ketawa]

Kerana saya susah hati Tuan Yang di-Pertua kerana banyak sangat tuduhan polis ini padahal merekalah yang menjaga keamanan negara. Merekalah yang menjaga keamanan negara kita walaupun sedikit sebanyak tapi itulah yang saya kata tadi, kalau nila setitik pun, sedut buangkan, tapi kita jangan buang semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah tentang pelancongan. Saya Parlimen Langkawi, sebab itu perkara yang begitu di dalam hati kami kerana kebanyakan penduduk Langkawi mengharapakan pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, kita banyak dapat pelancong daripada Arab datang ke Langkawi dan melalui Kuala Lumpur, saya minta Menteri Pelancongan dan juga Menteri Pengangkutan untuk berbincang dan minta kalau boleh Emirates ke datang ke Langkawi terus pergi ke Sydney ataupun sekarang ini telah difahamkan pihak MAS telah pun *cancel flight* daripada London-Langkawi-Kuala Lumpur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya buat sikit pertanyaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau orang daripada Britain pergi Langkawi saya faham dia punya kesukaan. Kalau orang France pergi ke Langkawi saya faham dia punya kesukaan. Tapi kalau Arab datang ke Langkawi apa kesukaan dia? Boleh Langkawi terangkan sedikit? *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Arab yang pergi ke Langkawi, Tuan Yang di-Pertua, mereka menengok kecantikan Langkawi

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menghayati...

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Menghayati Langkawi. Mereka datang secara berkumpulan, keluarga, yang bawa anak dua tiga orang, bawa anak bini dua tiga orang. Ya lah anak bini.

Seorang Ahli: Yang dua itu anak ke bini?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Bini pun ada. Jadi mereka berasa gembira, berasa seronok kerana selain daripada melancong dapat melihat keindahan Langkawi dan juga dapat sembahyang dalam keadaan yang selesa. Tuan Yang di-Pertua, itulah yang mereka datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat, bagi peluang Yang Berhormat bercakap ikut sama. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Langkawi sebahagian daripada Kedah. Jerai wilayah Kedah. Adakah Yang Berhormat ingin hendak

memberitahu kepada Dewan hari ini, negeri Kedah adalah negeri yang tertua di Malaysia. Malah Kedah, *people discover Kedah before they discover Amerika*. [Disampuk] Ini bukan main-main.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah mulalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, Tuan Yang di-Pertua! Jadi, adakah Yang Berhormat hendak selitkan sedikit dalam ucapan Yang Berhormat supaya melawat Kedah selain daripada Pulau Langkawi, Kedah.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Betul, saya kalau boleh...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada yang saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, orang Arab dia tengok pokok padi dia hairan, dia tengok pokok padi di Kedah dia hairan, dia tengok kerbau, dia hairan pasal negara dia ada unta tiada kerbau. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan macam Gunung Jerai. Di negara Arab, gunung dia semua tiada pokok. Dia bukit-bukit macam itu sahaja, tetapi di Kedah kita ada Gunung Jerai dan kemudian dekat kawasan saya pula ada empat pulau, Pulau Telok, Pulau Songsong, Pulau Bunting, pulau apa lagi, Tuan Yang di-Pertua. Pulau Bidan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gunung Kinabalu tinggi lagi, Yang Berhormat [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya akurlah, Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan saya?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Bersetuju, bersetuju, kerana itulah

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Allah, pula! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tidak apalah, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, saya cuma hendak bertanya dari segi Pulau Langkawi ini memang mempunyai pantai yang cantik dan sebagainya tetapi tidak semua yang pergi ke Langkawi itu hanya untuk pantai, untuk lain-lain. Ada orang mengatakan bahawa Langkawi masih belum bersedia untuk menerima pelancongan. Sebab untuk *shopping* misalnya, untuk membeli belah tidak ada barangan, tidak ada pusat membeli-belah yang banyak, yang ada cuma barang-barang Siam sahaja. Barang-barang yang datang daripada Siam dan sebagainya.

Kalau hendak pergi untuk kebudayaan misalannya, keluar malam tidak ada tempat pertunjukan kebudayaan. Malam sunyi sahaja, selain daripada makan di gerai-gerai yang ada. Dan, budaya pelancongan pun masih belum wujud kepada peniaga-peniaga Langkawi. Bila sahaja kalau ada musim ramai pelancong datang, masa itulah peniaga akan menaikkan harga dan sebagainya. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Langkawi seperti yang dikatakan oleh ramai pihak masih belum bersedia untuk menerima pelancong-pelancong.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, ya dan tidak! Ini kerana dikatakan barangan bukan semua yang melancong ke Langkawi hendak beli barang. Bukan semua, hanya sedikit atau mungkin pakcik-pakcik, makcik-makcik dari Bera ataupun dari Jerai hendak beli pinggan mangkuk. Tetapi kebanyakan ialah untuk melihat kecantikan dan keindahan Langkawi. Sebab itulah.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, ini pertolongan yang cukup baik. Adakah Yang Berhormat hendak bagi tahu kepada Dewan bahawa Mahsuri adalah seorang wanita yang begitu cantik, yang begitu segar dan dikatakan darah yang mengalir itu darah yang warna putih, warna susu. Ini adalah satu benda yang, Yang Berhormat kena *promote* mencari seorang wanita yang segar, yang cantik. Kalau kita tengok lelaki macam Yang Berhormat kita pun segar, tinggi lampai, lembut

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Begitulah segaknya Puteri Mahsuri, begitulah *machonya* Ahli Parlimen Langkawi. Jadi, inilah keindahannya orang tidak tahu Yang Berhormat kena cerita.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih, Yang Berhormat. Bagi jawapan Bera tadi memanglah ada banyak kita perlu lakukan. Walaupun demikian, kami kalau boleh hendakkan *up market, up market in* pelancong kerana walaupun kita sekarang ini ada *six star* hotel, Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan *Four Season* Hotel, yang menampakkan RM10 ribu semalam. Penuh dengan orang, RM10 ribu semalam, vila tepi laut. Jadi, itulah yang saya katakan, kita *up market* Datai, Andaman, Tanjung Rhu, *Four Season* dan itu Hotel Perdana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kena gulung Yang Berhormat

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Kita kena gulung ini,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sedikit sahaja boleh? Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung esoklah, esok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: RM10 ribu semalam ini, apa yang hotel ini sediakan kemudahan sehingga RM10 ribu. [*Disampuk*] Boleh agaknya Yang Berhormat bagi Langkawi beri sedikit ceritalah supaya menjadi tarikan lagilah?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *Sea Southern* ini mengandungi bermacam-macam, sebagai sebuah vila tepi laut. Mereka yang datang itu orang kaya-kaya belaka. Yang *billionaire, millionaire* yang datang dari Switzerland, dari Amerika, *from UK* dan juga lain-lain lagi. Dan, kebanyakan yang datang itu ialah *Singapore* ataupun Kuala Lumpur. Walaupun kita katakan yang RM4 ribu, RM8 ribu orang Kuala Lumpur yang datang. Sama ada Cina, Melayu, ada juga Melayu yang datang. Itulah yang saya hendak tekankanlah *up market* supaya lebih banyak lagi yang datang dan belanja dengan seanyaknya. Dan, mereka yang datang itu tidak pergi ke mana pun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat lupa hendak cerita bilik yang RM10 ribu itu, bila kita tidur kita akan mimpi yang indah-indah. *[Ketawa]* Mimpi-mimpi yang cukup istimewa, inilah cara membuatkan supaya bila kita masuk dalam bilik itu kita akan berasa nyaman, tidur kita akan nyenyak, dengan alunan mimpi yang memecah pantai. Cerita Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Bera, lagi! *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kita beri dia sambunglah sampai esok. Saya cuma hendak tanya satu, kita sudah jual Langkawi untuk *up market*. Saya bersetuju itu satu perkara yang amat baik. Saya pernah tinggal di Langkawi, saya lihat, hotel RM100 agaknya bukan RM10 ribu. Hotel ini dari menu makan, saya perlu dilihat ada jual Mee Singapura, contoh, Mee Singapura, Mee Jawa, Mee Bandung, Nasi Ayam Hainan tetapi Langkawi sudah terkenal dengan *market*, yang datang itu dari seluruh dunia dan *up market* dan sebagainya, saya tidak nampak ada promosi ataupun dengan meletakkan katakan contoh Mee Udang Langkawi contohnya, tidak ada. Yang ada cuma *promote* Singapura dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau selepas ini di Langkawi kita wujudkan Nasi Mahsuri contoh dan sebagainya, yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, habiskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah yang memang kita akan adakan kerana dari segi ini misalnya Telaga Harbour di Pantai Kok, kita adakan bermacam-macam, bukan kita hendak *promotekan* Langkawi sangat dari segi nama tapi segi ini kita ada, walaupun dari segi kalau Yang Berhormat pergi sekali lagi beritahu pada saya, saya bawakan satu tempat yang dikatakan Telaga Harbour, di mana terdapat dari segi kapalnya, dari segi *Italian restaurantnya*, macam-macam lah ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat, habiskan.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Boleh sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah bercakap lebih setengah jam.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Seperkara lagi ialah berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Tuan Yang di-Pertua kita ada masalah dengan bot tunda. Jadi, kita mintalah kepada kementerian untuk memberi perhatian kepada perkara ini dan satu lagi ialah berkaitan dengan *consultant* wang yang dikatakan dia ambil duit Habat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sama ada Habat atau pun lain-lain lagi tapi pada saya perkhidmatan yang ada sekarang ini telah begitu baik sekali dan hanya dua tiga orang yang memberi nama yang terbaik kerana kalau dilihat dari segi apa yang berlaku di Amerika Syarikat *Katrina* melanda New Orleans, Tsunami melanda Langkawi, melanda Penang tapi yang kita nampak ialah Langkawi itu sahaja sudah tahulah. Langkawi melanda pukul 12 tengah hari kita hantarkan makanan 6 petang terus dan kita bincang panggil mesyuarat pada sebelah malam. Malam itu juga dan terus kita jalankan program.

Pegawai kerajaan atau lain-lain lagi telah menjalankan semua program ini dengan begitu teratur. Padahal apa yang berlaku di *Katrina* di *New Orleans* terdapat di mana pihak kerajaan, Gabernonya, Presidennya tidak jalan apa-apa pun, begitulah saya apa yang telah adakan, hanya pembaikan sedikit sebanyak dan seterusnya kita dapat menjalankan dengan baik. Tetapi tidak apa kalau kerajaan hendak ambil pada Habat ambillah tapi kita akan belanja juta-juta ringgit padahal kita hendak savekan duit itu untuk kemajuan setempat. Jadi, setakat itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekijang

8.04 mlm.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Padukan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 13 Mac 2006 semasa Pembukaan Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas pada tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung esoklah. Ahli-ahli yang terhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.05 malam.